10
ASAS SIFAT TERPUJI
Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama
Karya al-Imam Hujjatul Islam
Abu Hamid al-Ghazali (W505 H)
Terjemahan dan suntingan
Ustaz Azhar bin Yahya
Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan
Diterbitkan oleh
Jabatan Mufti Negeri Selangor

Pengenalan Kitab

Buku 10 Asas Sifat Terpuji ini adalah buku keempat daripada silsilah terjemahan kitab Arbain Fi Usuliddin yang merupakan gabungan matan-matan hebat yang meringkaskan ihya' Ulumiddin. Setelah terbitnya 10 Asas Aqidah, 10 Asas Ibadah dan 10 Asas Penyucian Hati, Maka buku ini adalah penutup kepada silsilah ini.

Buku 10 Asas Sifat Terpuji ini menghidangkan kepada khalayak pembaca resepi lazat kepada setiap hamba Allah untuk menikmati perjalanan hidup sebagai manusia. Seawal perbahasan yang dimulakan dengan "Taubat" kemudian diikuti dengan al-Khauf, al-Zuhd, al-Sabr dan al-Syukr. Ikhlas, Tawakkal dan Berkasih Sayang adalah perbahasan seterusnya yang ditutupi dengan dua sifat penting iaitu Reda Dengan TakdirNya serta Mengingati Mati.

Semua ini adalah asas sifat terpuji yang perlu ditanamkan di dalam jiwa ummah setelah pelbagai perbahasan dipaparkan pada terbitan sebelumnya dengan 10 Asas Aqidah untuk mengukuhkan tunjang keimanan, 10 Asas Ibadah untuk mengkoreksi ibadah agar mengikut petunjuk nabawi dan merasai kemanisannya, 10 Asas Penyucian Hati untuk membebaskan jiwa ummah dari dibelenggu sifat Mazmumah. Terbitnya buku ini melengkapkan 40 Asas di dalam agama yang penting agar ummah menghidupkan kembali rasa kehambaan.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah
lagi Maha Penyayang.

10 Asas Sifat Terpuji

Sebahagian daripada kitab
40 Asas Dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam
Abu Hamid al-Ghazali RH (wafat 505 Hijrah)

Jabatan Mufti Negeri Selangor

10 Asas Sifat Terpuji

al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali RH

Terjemahan dan suntingan
Us. Azhar Yahya, Us Mohd Juzaili Juhan

© Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dengan apa-apa cara untuk sebarang tujuan komersial tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penterjemah atau Jabatan Mufti Negeri Selangor. Namun untuk kepentingan dakwah dan ilmu yang tiada kepentingan komersial amat dialu-alukan.

ISBN 978-967-15503-2-8

Cetakan pertama 2018, 1700 naskhah

Terbitan	Cetakan
Jabatan Mufti Negeri Selangor Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	FAZA Publications Enterprise Lot 1703-3B1, Jalan Dewan, Kampung Changkat, Gombak 68100, Batu Caves Selangor 019-3642314 azharsua@gmail.com

Isikandungan	Mukasurat

Kata-Kata Aluan

Segala puji dan syukur dilimpahkan ke hadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan *taufik* dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam sentiasa dipanjangkan terhadap Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat, *tabi'in* serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW sehingga ke akhir zaman.

Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai Allah SWT, ia merangkumi tiga aspek penting iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak. Tiga aspek ini saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjadikan kehidupan seseorang insan mukmin itu sempurna dalam mengejar kebaikan di dunia mahupun akhirat.

Sifat terpuji merupakan hasil yang akan terzahir daripada seorang muslim yang sejati. Seorang muslim yang sejahtera aqidahnya, sempurna ibadahnya dan mengenali sifat-sifat mazmumah untuk dijauhi.

Sifat terpuji adalah asas penting, maka asas ini mestilah diambil dari sumber yang penuh autoriti serta dilaksana dengan penuh menepati. Justeru, buku ini memaparkan

sifat terpuji yang bersumberkan sifat tinggalan baginda SAW.

Al-Quran itulah akhlak baginda SAW, mulianya akhlak baginda SAW untuk dicontohi. Imam Al-Ghazali RH telah memaparkan dengan baik 10 sifat terpuji tersebut agar kita dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan seharian.

Atas dasar itulah Jabatan Mufti Negeri Selangor menerbitkan buku yang bertajuk 10 ASAS SIFAT TERPUJI karangan Imam al-Ghazali RH, 10 asas ini merupakan bahagian terakhir daripada 40 asas yang disebut di dalam kitab asal Imam al-Ghazali RH.

Akhir kata, semoga buku ini akan memberikan sebanyak mungkin manfaat, dijadikan panduan oleh guru-guru *takmir* di Selangor khususnya dalam memberikan penerangan kepada masyarakat awam mengenai Sifat-sifat Terpuji, seterusnya semoga ia menjadi rujukan kepada masyarakat Islam dalam usaha memperbaiki sahsiah diri hasil penelitian tokoh tasawuf mazhab Syafi'i iaitu Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali Rahimahullah.

Wallahu Ta'ala A'lam
Sekian, Wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
SSIS., DPMS., PPT.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Pendahuluan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi al-Amin Muhammad ibn Abdullah.

Rakaman hebat yang telah diwariskan oleh Hujjatul Islam Imam al-Ghazali ini adalah satu gugusan matan yang merupakan rangkuman falsafah dan rahsia dalam pencarian umat untuk mengislah diri dalam usaha menjadi hambaNya yang sejati.

Kalimat-kalimat hebat yang telah disusun dengan pena kerohanian yang berlatarkan kehambaan yang amat tinggi daripada seorang *Mursyid* sepanjang zaman yang tidak hanya berteori namun mengamati dan mengamalinya sekali.

Buku 10 Asas Sifat Terpuji ini adalah buku keempat daripada silsilah terjemahan kitab *Arbain Fi Usuliddin* yang merupakan gabungan matan-matan hebat yang

meringkaskan *Ihya' Ulumiddin*. Setelah terbitnya 10 Asas Aqidah, 10 Asas Ibadah dan 10 Asas Penyucian Hati, maka buku ini adalah penutup kepada silsilah ini.

Buku 10 Asas Sifat Terpuji ini menghidangkan kepada khalayak pembaca resepi lazat kepada setiap hamba Allah untuk menikmati perjalanan hidup sebagai manusia dengan perwatakan dan perilaku terpuji dalaman dan luaran, zahir dan batin, rohani dan jasmani.

Seawal perbahasan yang dimulakan dengan "Taubat" kemudian diikuti dengan *al-Khauf, al-Zuhd, al-Sabr* dan *al-Syukr.* Ikhlas, Tawakkal dan Berkasih Sayang adalah perbahasan seterusnya yang ditutupi dengan dua sifat penting iaitu Reda Dengan TakdirNya serta Mengingati Mati.

Tuaian daripada 10 Asas Sifat Terpuji ini yang diambil daripada akar umbi Al-Quran dan Al-Sunnah akan menyebabkan sifat mahmudah yang berjaya dibumikan dalam kehidupan seseorang hamba akan meningkatkan kedudukannya daripada seorang muslim yang mukmin, berubah menjadi Solihin kepada Muhibbin, dan seterusnya Muttaqin sehinggalah menuju kedudukan 'Arifin. Kesemua peringkat ini meletakkan Insan Kamil yang akhlaknya adalah Al-Quran sebagai inspirasi.

Semua ini adalah asas sifat mahmudah yang perlu ditanamkan di dalam jiwa ummah setelah pelbagai

perbahasan dipaparkan pada terbitan sebelumnya dengan;
10 Asas Aqidah untuk menanamkan kesedaran ketuhanan,
10 Asas Ibadah untuk mengkoreksi ibadah agar menepati petunjuk Nabawi,
10 Asas Penyucian Hati untuk membebaskan jiwa ummah dari dibelenggu sifat mazmumah.

Terbitnya buku ini melengkapkan 40 Asas di dalam agama yang penting untuk ummah menghidupkan kembali rasa kehambaan. 40 Asas ini juga merupakan ringkasan karya ulung *Ihya'* yang merupakan *magnum opus* kepada Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali RH.

Sehubungan itu, kami dengan penuh kerdil menggalas usaha dalam menterjemah karya agung ini untuk dihidangkan kepada sidang pembaca sekalian. Antara metodologi yang digunakan oleh penterjemah adalah seperti berikut:

1. Rujukan utama dalam terjemahan buku ini ke dalam bahasa Melayu adalah menggunakan naskah *al-Arba'in fi Usul al-Din,* karangan Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali terbitan Dar al-Qalam, cetakan pertama tahun 2003 yang ditahqiq oleh 'Abdullah Abdul Hamid 'Arwani dan al-Syeikh Muhammad Bashir al-Shaqafah.

2. Setiap ayat al-Quran yang sebut oleh penterjemah kami menyatakannya dalam tulisan bahasa Arab serta mendatangkan penterjemahan dalam Bahasa Melayu. Kami menjadikan terjemahan Syeikh Abdullah Basmeih sebagai rujukan dan panduan. Kami akan menyebut rujukan surah dan ayat sama ada sebelum paparan ayat atau setelah paparan pengertian ayat.

3. Kebanyakan hadis-hadis nabi ﷺ yang dinyatakan oleh pengarang kami paparkan sebagaimana dalam teks asal naskhah yang telah ditahqiq dan turut menyatakan pengertian hadis tersebut. Kadangkala terdapat beberapa hadis yang bersifat penceritaan, kami tidak memuatkan teks bahasa Arab namun kami terus kepada terjemahan.

4. Kebanyakan petikan selain al-Quran dan al-Hadis seperti kata-kata salafus soleh kami terus menterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu tanpa memaparkan teks asal dalam bahasa Arab agar buku ini tidak terlalu tebal untuk dibaca.

5. Terjemahan yang dibuat pada teks asal buku ini adalah merupakan terjemahan dan sedikit huraian secara kefahaman terhadap maksud dan kehendak pengarang dan bukannya terjemahan secara harfiah. Kami berusaha untuk meraikan struktur ayat dalam bahasa Arab dengan kefahaman ayat dalam Bahasa Melayu.

6. Terdapat beberapa huraian makna terhadap istilah-istilah yang disebut oleh pengarang kami nyatakan pada bahagian nota kaki.

7. Takhrij hadis yang dinyatakan pada nota kaki adalah terjemahan dan huraian kepada takhrij yang telah dibuat oleh pentahqiq.

8. Kami membuat pembahagian bab dalam proses menyiapkan terjemahan buku ini iaitu bermula Asas 1 hingga 5 dan Asas 10 serta penutup diterjemahkan oleh al-faqir Azhar Yahya manakala bermula Asas 6 hingga 9 diterjemahkan oleh al-faqir Mohd Juzaili Juhan.

Sehubungan itu, kami bukanlah yang terbaik dan selayaknya untuk menghidangkan santapan rohani yang sangat hebat yang dihasilkan oleh tokoh yang sangat hebat ini, namun kami cuba sedaya mungkin dalam memberi khidmat kepada tokoh ilmuan dalam sejarah Umat Islam atas amanah yang diberikan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor kepada kami.

Justeru, kepada para ‘alim ulama’ yang menatap dan menyelak lembaran terjemahan ini, seandainya terdapat kesalahan dan kesilapan, harap dapat diperbaiki dan diperbetulkan.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Tuan Guru kami al-Fadhil Ustaz Mat Jais Bin Kamus yang telah menyemak dan memberi teguran serta tunjuk ajar dalam pemurnian penerbitan buku ini.

Mohon maaf atas segala kekurangan, mudah-mudahan usaha kerdil ini memberi manfaat dan mendapat keberkatan dan rahmat Allah ﷻ.

Mudah-mudahan usaha kerdil ini mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT.

Ustaz Azhar Bin Yahya
Pengarah Kanan,
Sektor Pembangunan Ummah dan Wanita,
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Ustaz Juzaili Bin Juhan
Pegawai Syariah,
Bank Islam Malaysia Berhad.

Pengenalan Kitab

Islam merupakan agama yang diredhai di sisi Allah SWT yang merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Syari'ah dan Akhlaq. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai *al-Din* telah pun sempurna sejak tiga kurun terawal Islam walaupun terdapat perbezaan darjat keilmuan di kalangan sahabat, *tabi'in*[1] dan *tabi' tabi'i.*[2] Sebahagian di kalangan mereka mempunyai kepakaran khusus serta kecenderungan dalam keilmuan dan penulisan.

Justeru, terdapat penulisan dalam bidang akidah, fiqh dan asas fiqh, hadis dan ilmu hadis serta karya-karya dalam bidang akhlak yang membincangkan tentang proses pembersihan jiwa dari pada sifat-sifat yang tercela di samping proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji.

---

[1] Jamak bagi *tabi'*, mereka ialah orang yang bertemu dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah SAW dalam keadaan beriman dan kekal imannya sehingga mati. *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 50.

[2] Golongan selepas *tabi'in*. Mereka yang bertemu dengan golongan Tabi'in dalam keadaan beriman dan kekal keimanannya hingga mati. Lihat juga al-Barkatiy, *Ibid* halaman 51.

Antara karya terbaik dalam bidang akhlak yang dihasilkan oleh ulamak pada penghujung kurun ke yang ke-5 hijrah ialah kitab ***Ihya' Ulum al-Din*** yang dikarang oleh al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali RH. Disebabkan kitab tersebut sangat besar dari segi saiznya dan kadangkala menimbulkan kesukaran kepada sebahagian penuntut ilmu amnya untuk mendapatkannya menyebabkan al-Imam al-Ghazali menulis pula kitab *al-'Arba'in fi Usul al-Din* (40 Asas Dalam Agama) sebagai rumusan dan intipati kepada kitab Ihya' Ulumiddin.

Kitab 40 Asas Dalam Agama ini, walaupun dari segi saiznya lebih kecil namun terhimpun di dalamnya 40 asas dalam aspek aqidah, rahsia ibadat, akhlak tercela yang wajib dibersihkan serta akhlak terpuji yang wajib dilaksanakan bagi mendapat kejayaan di akhirat serta keredhaan Allah SWT.

Penerbitan ini menumpukan kepada 10 Asas Sifat atau Akhlak Terpuji dari kesemua 40 Asas Agama. Buku ini juga telah dibuat nilai tambah oleh penterjemah dengan mensyarahkan *istilahat* yang sukar dan sedikit syarah pada struktur ayat yang sukar.

Buku ini merupakan buku yang berasaskan metodologi falsafah dalam penulisannya. Maka pasti bahasanya, berlaraskan sastera dan falsafah yang tinggi. Justeru, penterjemah telah cuba sehalus mungkin memaparkan buku ini untuk dijadikan santapan minda masyarakat awam.

Biografi Imam al-Ghazali[3]

Nama dan keturunannya

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi dilahirkan di al-Tus yang terletak di Khurasan[4] pada tahun 450 Hijrah. Ayah beliau bekerja sebagai tukang pintal benang untuk dibuat kain dan menjualnya di kedainya di al-Tus. Ayah beliau telah mewasiatkan kepada al-Ghazali RH dan abangnya Ahmad untuk terus menuntut ilmu daripada kawannya.

Pendidikannya

[3] Lihat al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad (2003), *al-Arba'in fi Usul al-Din,* c.1, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 8-12.

[4]Khurasan ialah satu wilayah yang kini meliputi kawasan Afghanistan, Turkmenistan, Tajikistan, Uzbekistan serta sebahagian kecil Iran dan Khirgiztan. al-Tus pula kini terletak di utara Iran yang bersempadan dengan Uzbekistan. Bumi Khurasan ini telah pernah melahirkan ulama-ulama besar seperti Imam al-Bukhari, Abu Laits al-Samarqandi, Imam Muslim, Imam Nasa'i, Imam Tirmidzi, Imam Nakha'i, Ibnu Sina, al-Farabi, al-Biruni, Ibnu Rusyd, Umar Khayyam, Sheikh Farid Al-Din Attar, Syeikh Bahaudin al-Naqsyabandi, Al-Khazini dan ramai lagi. *Mu'jam Buldan* 2/350

Imam al-Ghazali RH telah mempelajari ilmu fiqh sejak dari kecil di al-Tus daripada gurunya Imam Ahmad al-Razikani, kemudian bermusafir ke Jurjan untuk mengambil ilmu daripada Imam Abi Nasr al-Isma'ili kemudian kembali semula ke al-Tus.

Kemudian beliau telah pergi ke Naisabur untuk berguru dengan Imam al-Haramayn Abu Ma'ali al-Juwaini (wafat 478 H) sehingga menguasai ilmu fiqh mazhab Syafi'i berserta perselisihan pandangan *fuqaha'*, ilmu-ilmu asas agama, usul al-fiqh, mantiq serta falsafah dan memahaminya dengan baik kemudian menyanggah segala kebatilan ahli falsafah.

Beliau mengarang banyak kitab dalam setiap cabang ilmu dan karya-karya yang dihasilkannya sangat baik. Beliau seorang yang sangat cerdik, mempunyai pandangan yang mendalam, kuat hafazannya dan menyelami makna-makna secara terperinci sebagaimana diakui oleh gurunya Imam al-Juwaini.

Imam al-Ghazali kekal berada di Naisabur sehinggalah gurunya Imam al-Haramain al-Juwaini wafat pada tahun 478 Hijrah. Kemudian beliau telah berpindah belajar di Mukhayyam al-Sultani yang diasaskan oleh Nizam al-Muluk[5] sehingga tahun 484 Hijrah. Setelah itu beliau

[5] Nama sebenar beliau adalah al-Hasan bin Ali al-Tufiy (408-485H), seorang Menteri yang berilmu, tinggi budi pekertinya. Seawal dilantik

dilantik untuk mengajar sehingga di amanahkan sebagai Rektor di Madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad.

Pada tahun 488 Hijrah, beliau meninggalkan Baghdad untuk mengerjakan haji dan kemudian menuju ke Syam dan menetap di sana selama 10 tahun. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk beruzlah, *mujahadah nafs*, menyucikan hati dengan berzikir. Kemudian setelah itu beliau pulang ke al-Tus untuk menyambung uzlahnya di sana selama setahun.

Setelah mendapat desakan daripada pemimpin dan orang ramai agar beliau kembali mengajar, beliau telah pergi ke Naisabur untuk mengajar di Madrasah Nizamiyyah pada bulan Zul Qa'idah tahun 499 Hijrah. Namun beliau tidak lama berada di Naisabur untuk mengajar di sana. Beliau telah kembali ke rumahnya di al-Tus dan mengajar ilmu di sana.

Beliau banyak menghabiskan masanya dengan mengkhatamkan al-Quran, berdampingan dengan ulamak tasawuf, mengajar ilmu, sentiasa melaksanakan solat dan puasa sunat. Antara perkara terakhir yang sering dilakukan ketika hayatnya ialah membaca hadis-hadis

---

oleh Amir Syakib Arsalan sebagai Menteri beliau telah menonjolkan kecemerlangan pentadbirannya selama sepuluh tahun sehinggalah kematiannya dan digantikan oleh anakandanya. Kematiannya ditangisi masyarakat yang pernah di bawah pentadbirannya.

Nabi dan melazimi ulamak hadis serta meneliti kitab sahih al-Bukhari dan Muslim

Imam al-Ghazali telah wafat pada hari Isnin, 14 Jumadal akhirah tahun 505 Hijrah. Semoga rohnya dirahmati Allah.

Karya penulisannya

Imam al-Zabidi telah menghitung karya-karya yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali iaitu lebih daripada 70 kitab. Sebanyak 23 daripada kitab tersebut telah dicetak.

Antara karya penulisan beliau yang terkenal ialah:

- *ar-Risālah al-Ladunniyyah;*
- *al-Munqidh Min ađ-Đalāl;*
- *Bidāyah al-Hidāyah;*
- *Minhāj al-'Ābidīn;*
- *Mīzān al-'Amal;*
- *Kīmiyā' as-Sa'ādah;*
- *Misykāh al-Anwār;*
- *al-Wasīth*
- *al-Wajīz*
- *al-Mustasfā*
- *Tahzīb al-Ushul*
- *Iĥyā' 'Ulūmiddīn.*

Pujian dan sanjungan Ulamak terhadapnya :

Kebanyakan para ulamak meletakkan Imam al-Ghazali RH sebagai *mujaddid* [6] kurun kelima hijrah. Imam Murtadha al-Zabidi menyebutnya di dalam kitabnya *“Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya ‘Ulum al-Din”* .

Selain itu, Syeikh Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi ada menyebut di dalam karyanya *“Rijal al-Fikr wa al-Dakwah fi al-Islam”* :

> *“Tidak syak lagi bahawa Imam al-Ghazali antara tonggak dan teras bagi Islam, beliau juga merupakan tokoh pemimpin pemikiran dan tokoh pembaharuan dan tajdid yang mempunyai kelebihan yang besar dalam membangkitkan roh agama, menggerakkan pemikiran berteraskan Islam, berdakwah kepada hakikat Islam dan akhlaknya serta menentang sebarang serangan pemikiran…”*

---

[6] *Mujaddid* : pembaru, adalah seseorang yang dihantar oleh Allah untuk memulihkan pengamalan agama yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di kemuncak setiap kurun Hijrah. Fungsi mujaddid ini ialah untuk memulihkan kembali Islam, menghilangkan unsur-unsur yang telah ditokok tambah dan mengembalikannya kepada keadaan asli. Ini disebut dalam hadith: *"Allah akan mengutus kepada umat ini di setiap awal kurun seorang yang akan memperbaharui (atau memulihkan) urusan agama"* (Sunan Abu Daud) *al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad ‘Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 195.

Dengan Nama Allah

Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Muqaddimah Imam al-Ghazali Rahimahullah

Segala puji bagi Allah SWT, yang mentadbir sekalian alam dan selawat serta salam buat Nabi Muhammad SAW serta seluruh ahli keluarganya.
Amma ba'd,

Boleh jadi kamu (para pembaca) akan mengatakan (memberi pandangan) bahawa ayat-ayat yang saya bawakan pada paparan (di dalam kitab ini) merangkumi (perbahasan) yang pelbagai dari segi ilmu–ilmu dan amalan-amalan, justeru (akan menimbulkan beberapa persoalan iaitu :)

- Adakah boleh hanya dengan membezakan maksudnya (ayat-ayat tersebut) dan huraian terhadap jumlah ayat-ayat tersebut secara terperinci dan mendalam dapat menjadikan seseorang itu berfikir terhadap setiap sesuatu daripada ayat-ayat tersebut seterusnya menjadikannya mengetahui secara terperinci pintu-pintu kebahagiaan dalam ilmu dan amal?

- Adakah boleh seseorang itu mendapat dengan mudah kunci-kunci kebahagiaan dengan cara mujahadah dan berfikir?

Maka, saya menjawab (persoalan tersebut); Ya, perkara tersebut adalah mungkin. Hal ini kerana penulisan kitab ini terbahagi kepada sejumlah tujuan ilmu-ilmu dan amalan-amalan. Amalan pula terbahagi kepada amalan zahir dan batin manakala amalan batin pula terbahagi kepada amalan penyucian (*tazkiyah*) serta amalan menghiaskan jiwa.

Oleh itu, (kitab ini mengandungi) empat bahagian iaitu (pertamanya) ilmu-ilmu, (keduanya) amalan-amalan zahir dan (ketiganya) akhlaq tercela yang wajib bagi seseorang itu membersihkan daripadanya dan (keempatnya) akhlaq terpuji yang wajib bagi seseorang itu menghiasi dengannya.

Setiap bahagian merujuk kepada sepuluh asas dan nama bagi pembahagian ini ialah: *“Kitab al-Arba’in fi Usuliddin*” (Kitab 40 Asas dalam Agama). Barangsiapa yang mahu menulisnya (bahagian-bahagian tersebut) secara berasingan, maka bolehlah berbuat demikian kerana sesungguhnya (kitab ini) merangkumi intipati ilmu-ilmu al-Quran.[7]

---

[7] Buku kecil ini hanya memfokuskan kepada 10 Asas-asas Sifat Terpuji sahaja daripada 40 Asas-asas Dalam Agama.

Bahagian Pertama :

Perbahasan yang menyatakan sejumlah ilmu-ilmu dan asas-asas dalam Aqidah

- Asas 1 : Zat Allah (*al-Zat*)
- Asas 2: Allah Maha Suci (*al-Taqdis*)
- Asas 3 : Allah Maha Berkuasa (*al-Qudrah*)
- Asas 4 : Allah Maha Mengetahui (*al-'Ilm*)
- Asas 5 : Allah Maha Berkehendak (*al-Iradah*)
- Asas 6 : Allah Maha Mendengar dan Melihat (*al-Sami' al-Basir*)
- Asas 7 : Allah Maha Berkata-kata (*al-Kalam*)
- Asas 8 : Perbuatan Allah dan perlakuan makhluk (*al-Af'al*)
- Asas 9 : Hari Akhirat (*al-Yaum al-Akhir*)
- Asas 10 : Kenabian (*al-Nubuwwah*)

*** Buku pertama bertajuk 10 Asas-asas Aqidah**

Bahagian Kedua :

Asas-asas agama pada amalan-amalan zahir

- Asas 1 : Solat
- Asas 2 : Zakat dan sedekah
- Asas 3 : Puasa
- Asas 4 : Haji
- Asas 5 : Bacaan al-Quran
- Asas 6 : Berzikir kepada Allah
- Asas 7 : Mencari yang halal
- Asas 8 : Melaksanakan hak-hak orang Islam
- Asas 9 : Menyeru kepada perkara yang makruf
- Asas 10 : Mengikut akan Sunnah Nabi SAW

*** Buku kedua bertajuk 10 Asas-asas Ibadah**

BAHAGIAN KETIGA:

Asas-asas dalam penyucian hati daripada Sifat-sifat Mazmumah

- Asas 1: Makan Berlebih-lebihan (*Syarah al-To’am*)
- Asas 2: Bercakap berlebihan (*Syarah al-Kalam*)
- Asas 3: Marah (*al-Ghadhab*)
- Asas 4: Hasad (*al-Hasad*)
- Asas 5: Bakhil dan Mencintai Harta (*al-Bukhl wa Hubb al-Mal*)
- Asas 6: Cinta Kedudukan dan Kemegahan (*al-Ru’unah wa Hubb al-Jah*)
- Asas 7: Cintakan Dunia (*Hubb al-Dunya*)
- Asas 8: Sombong (*al-Kibr*)
- Asas 9: Perihal ‘Ujub (*al-‘Ujub*)
- Asas 10: Riya’ (*al-Riya’*)

*** Buku ketiga bertajuk 10 Asas-asas Penyucian Hati**

BAHAGIAN KEEMPAT:

Asas-asas dalam menghiasi hati dengan sifat mahmudah.

- Asas 1: Bertaubat (*al-Taubah*)
- Asas 2: Takut (*al-Khauf*)
- Asas 3: Zuhud (*al-Zuhd*)
- Asas 4: Sabar (*al-Sabr*)
- Asas 5: Syukur (*al-Syukr*)
- Asas 6: Ikhlas dan benar (*al-Ikhlas wa al-Sidq*)
- Asas 7: Tawakkal (*al-Tawakkal*)
- Asas 8: Berkasih sayang (*al-Mahabbah*)
- Asas 9: Redha dengan Ketentuan Allah (*al-Ridha bi al-Qadha'*)
- Asas 10: Mengingati mati (Zikr al-Maut)

 # Perbahasan ini akan dipaparkan di dalam buku ini

Muqaddimah Bahagian Keempat

Perbahasan mengenai Akhlak / Sifat Terpuji

Akhlak dari segi bahasa bermaksud adat, kebiasaan, tabiat, maruah dan agama.[8]

Dari segi istilah bermaksud suatu gambaran mengenai keadaan hatinya yang kukuh dan daripadanya lahirlah tingkah laku secara mudah dan senang tanpa memerlukan kepada berfikir dan pertimbangan.[9]

Akhlak / sifat mazmumah ialah sifat yang terdapat di dalam diri secara fitrah, atau ikhtiar yang membawa seseorang kepada tingkah laku diingini yang tercela di sisi orang yang berakal. Manakala akhlak / sifat mahmudah ialah sifat yang membawa seseorang kepada tingkah laku yang terpuji.[10]

Maka, berikutnya dipaparkan perbahasan oleh Imam al-Ghazali RH mengenai 10 Asas Akhlak / Sifat Terpuji. Nikmatilah sajiannya…

---

[8] Lihat Kharraz, Khalid bin Jum'ah bin 'Uthman al- (2009), *Mausu'ah al-Akhlaq*, c.1, Kuwait, Maktabah Ahl al-Athar, h. 21.
[9] Lihat Jurjani, Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Syarif, al- (2004), *Mu'jam al-Ta'rifat*, tahqiq Muhammad Siddiq al-Minshawi, Kaherah: Dar al-Fadhilah, h. 89.
[10] Lihat Midani, Abd al-Rahman Hasan Habanakah, al- (1999), *al-Akhlak al-Islamiyyah*, c. 5, Dimashq: Dar al-Qalam, j. 1, h. 16.

Asas Pertama
Bertaubat

(التوبة)

Asas 1 : Taubat
(At-Taubah)

Bertaubat merupakan jalan permulaan bagi para *Salikin* yang ingin menempuh perjalanan menuju Allah SWT dan merupakan kunci kebahagiaan para *Muridin*.[11]

Firman Allah SWT:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلۡمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Maksudnya : *"Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertaubat dan mencintai orang-orang yang menyucikan diri."*

Surah al-Baqarah: 222

Firman Allah SWT:

وَتُوبُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا ...

Maksudnya: *"Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah"*

Surah al-Nur: 31

---

[11] *Salikin* dan *Muridin* secara umumnya ialah dua golongan yang sedang meniti titian dalam memasuki latihan kerohanian.

Nabi SAW bersabda:

اَلتَّائِبُ حَبِيْبُ اللهِ اَلتَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَ ذَنْبَ لَهُ

"*Orang-orang yang bertaubat adalah kekasih Allah dan orang-orang yang bertaubat dari dosa adalah seperti orang yang tidak berdosa*". [12]

Nabi SAW bersabda:

لَلّٰهُ أَفْرَحُ بِتَوْبَةِ عَبْدِهِ الْمُؤْمِنِ، مِنْ رَجُلٍ نَزَلَ فِي أَرْضٍ دَوِّيَّةٍ مَهْلَكَةٍ، مَعَهُ رَاحِلَتُهُ، عَلَيْهَا طَعَامُهُ وَشَرَابُهُ، فَوَضَعَ رَأْسَهُ، فَنَامَ نَوْمَةً، فَاسْتَيْقَظَ وَقَدْ ذَهَبَتْ رَاحِلَتُهُ، فَطَلَبَهَا حَتَّى إِذَا اشْتَدَّ عَلَيْهِ الْجُوعُ وَالْعَطَشُ أَوْ مَا شَاءَ اللّٰهُ عَزَّ وَجَلْ، قَالَ : أَرْجِعَ إِلَى مَكَانِي الَّذِي كُنْتُ فِيهِ، فَأَنَامُ حَتَّى أَمُوتَ، فَوَضَعَ رَأْسَهُ عَلَى سَاعِدِهِ لِيَمُوتَ، فَاسْتَيْقَظَ فَإِذَا رَاحِلَتُهُ عِنْدَهُ, وَعَلَيْهَا زَادُهُ وَشَرَابُهُ، فَاللّٰهُ أَشَدُّ فَرَحًا بِتَوْبَةِ عَبْدِهِ الْمُؤْمِنِ مِنْ هَذَا بِرَاحِلَتِهِ.

Maksudnya *"Sesungguhnya Allah SWT akan lebih senang menerima taubat hamba-Nya yang beriman daripada*

---

[12] Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dengan lafaz (اَلتَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَ ذَنْبَ لَهُ) orang bertaubat daripada dosa ibarat orang yang tiada dosa baginya.

seseorang yang berada di lembah yang tandus[13] *dan berbahaya bersama binatang tunggangan yang membawa bekal makanannya. Lalu dia tidur, kemudian tatkala bangun didapati tunggangannya telah hilang. Dia pun segera mencari hingga terasa cukup lapar dan dahaga. Kemudian dia berkata dalam hatinya :*
"Sebaiknya saya kembali ke tempat tadi dan tidur di sana sampai saya mati.."
Lalu dia tidur dengan menyandarkan kepala di atas tangan untuk menemui kematiannya. Kemudian dia terjaga, tiba-tiba haiwan tunggangannya telah berada di sisinya dengan membawa makanan dan minumannya. Allah SWT lebih senang dengan taubat hambaNya yang beriman dibandingkan dengan kebahagiaan orang ini yang menemui kembali haiwan tunggangan dan bekalannya." [14]

Hakikat Taubat

Hakikat taubat adalah kembali dari jalan yang jauh menuju kepada jalan yang dekat (kepada Allah). Akan tetapi, ia mempunyai rukun, dasar dan kesempurnaan.

Adapun dasar permulaanya adalah iman. Maksudnya, pemancaran cahaya makrifat terhadap hati sehingga jelas di dalamnya bahawa dosa-dosa itu adalah racun yang

---

[13] Banyak penyakit dan wabak

[14] *Muttafaqun 'alaih*, dan lafaz dari riwayat Imam Muslim daripada hadis Ibnu Mas'ud r.a

membinasakan. Kemudian memancar darinya cahaya ketakutan dan penyesalan, serta memancar dari cahaya ini sebenarnya kecintaan dalam menjauhi dosa dan kewaspadaan terhadapnya.

Adapun sikap dan tindakan yang melibatkan dosa ;
Pada masa sekarang adalah dengan meninggalkan dosa.
Pada masa akan datang pula ialah bertekad untuk meninggalkannya bahkan tidak mendekatinya.
Pada masa lalu dengan memperbaikinya, sesuai dengan kerosakan dosa tersebut.
Dengan cara seperti itu dapat diraih suatu kesempurnaan dalam bertaubat meninggalkan dosa.

Taubat Adalah Satu Kewajipan Kepada Setiap Individu

Apabila kamu mengetahui hakikat taubat, maka tersingkaplah kepadamu bahawa ia merupakan kewajipan bagi setiap orang dan setiap keadaan.

Bertepatan dengan firman Allah SWT :

وَتُوبُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ

Maksudnya:
"*Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah wahai orang-orang yang beriman*"

Surah al-Nur: 31

Ayat ini adalah arahan yang ditujukan kepada semua hamba-Nya secara mutlak.

Adapun mengenai wajib bertaubat, maka kerana maknanya adalah mengetahui bahawa dosa itu membinasakan dan adanya kemahuan untuk meninggalkannya. Dan ia merupakan sebahagian daripada iman. Iaitu, pengetahuan tentang hal itu. Maka bagaimana hal yang demikian ini tidak diwajibkan?

Adapun kewajipannya bagi setiap individu kerana setiap individu tersusun dari sifat binatang ternakan, binatang buas, syaitan dan ketuhanan. Oleh kerana itu, zahir daripada;

- Sifat binatang ternakan berupa syahwat, rakus dan zina.
- Sifat binatang buas melahirkan kemarahan, hasad, permusuhan dan kebencian.
- Sifat syaitan melahirkan tipu daya dan pengkhianatan.
- Sifat ketuhanan melahirkan kebesaran dan kemuliaan, menyukai pujian dan penguasaan.

Asas dari akhlak ini adalah empat unsur di atas. Sesungguhnya manusia telah diciptakan dengan adunan yang telah ditentukan dan tidak dapat berlepas darinya. Sesungguhnya dia akan selamat dari kegelapan tersebut dengan cahaya iman yang diperolehi dari akal dan syariat.

Maka yang pertama diciptakan dalam diri manusia adalah sifat kebinatangan sehingga dia dikuasai oleh ketamakan dan syahwat pada zaman kanak-kanak.
Kemudian diciptakan dalam dirinya sifat kebuasan sehingga dia dikuasai oleh permusuhan dan persaingan.
Kemudian diciptakan di dalamnya sifat syaitan sehingga dia dikuasai oleh tipu daya dan pengkhianatan. Sebab, sifat kebuasan dan kebinatangan menyerunya untuk mempergunakan kelicikan dalam memenuhi tuntutan syahwat dan menimbulkan kemarahan.

Kemudian terpapar setelah itu pada dirinya sifat-sifat ketuhanan iaitu sifat takabbur, menguasai dan mencari kedudukan yang tinggi.

Setelah itu, diciptakan akal yang nampak jelas cahaya iman di dalamnya dan ia termasuk pasukan Allah dan tentera malaikat. Sifat-sifat itu juga termasuk tentera syaitan. Tentera akal menjadi sempurna saat berusia empat puluh tahun, dan mulai nampak asas tanda-tandanya apabila baligh.

Adapun semua tentera syaitan terlebih dahulu menuju hati sebelum seseorang mencapai usia baligh, menguasai dan melemahkan jiwa serta meluaskan syahwat dengan mengikutnya. Berlanjutanlah sehingga sampainya cahaya akal dan terjadilah pertempuran dan pertembungan antara kedua-duanya dalam peperangan di medan hati.

Apabila tentera akal dan cahaya imannya lemah serta tidak kuat menghadapi gangguan tentera syaitan, maka tentera syaitan akan menduduki hati pada akhirnya, sebagaimana tentera syaitan telah singgah pada mulanya (sebelum baligh) dan dia akan menyerahkan kerajaan hati kepada syaitan.

Inilah pertempuran yang tidak boleh dielakkan dalam fitrah seorang anak Adam. Sebab, perwatakan anak tidak akan melangkaui daripada perwatakan ayah. Sesungguhnya diceritakannya keadaan Nabi Adam AS kepadamu adalah untuk mengingatkan bahawa taubat itu diwajibkan kepadanya, dan diwajibkan pula pada semua anak keturunan dalam ketentuan pada zaman azali yang tidak menerima perubahan. Yang demikian, tidak ada seorang pun yang tidak memerlukan taubat.

Manusia Tidak Sunyi Daripada Dosa

Adapun begitu, menjadi kewajipan bertaubat dalam setiap keadaan, sesungguhnya manusia dalam setiap keadaannya tidak sunyi daripada dosa, baik dalam anggota tubuh mahupun dalam hatinya. Juga tidak lepas dari akhlak tercela sehingga hati wajib dibersihkan darinya. Sesungguhnya hal tersebut menjauhkan dari Allah SWT dan kesibukan untuk menghilangkannya adalah dengan taubat. Sebab, ia bererti kembali dari jalan yang jauh menuju jalan yang dekat (dengan Allah).

Apabila kosong dari semua itu, maka dia tidak lepas daripada lalai terhadap Allah SWT. Hal itu pun termasuk jalan yang jauh dan mengharuskannya untuk kembali dengan jalan berzikir.

Oleh demikian itu, Allah SWT berfirman:

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ...

Maksudnya: "*Dan ingatlah kepada Tuhanmu jika kamu lupa"*

Surah al-Kahfi: 24

Hendaklah dia menghadirkan diri dengan mengingati Allah secara berterusan. Bila sahaja perkara itu terlintas kepadanya, maka janganlah dia sunyi (tidak bertindak) dari menetapi makam yang turun dari makam-makam yang lebih tinggi di belakangnya. Hendaklah dia terus berusaha naik ke makam yang lebih tinggi.

Apabila dia meningkat, maka hendaklah dia beristighfar dari makam yang telah dilaluinya. Kerana terdapat pengurangan pada maqam yang telah dilaluinya berbanding dengan apa yang ditemuinya maka keadaan seperti itu akan berterusan tiada pengakhiran untuknya.

Oleh demikian itu, Nabi SAW bersabda :

وَإِنَّهُ لَيُغَانُ عَلىَ قَلْبِيْ حَتَّى أَسْتَغْفِرُاللهَ تَعَالَى فِي اْليَوْمِ وَاْللَيْلَةِ سَبْعِيْنَ مَرَّةً

Maksudnya "*Sesungguhnya hatiku ini diliputi oleh syahwat sehingga aku beristighfar kepada Allah SWT dalam sehari semalam tujuh puluh kali*." [15]

Semua itu adalah taubat daripada Baginda SAW, manakala;
Taubat golongan awam adalah taubat dari dosa-dosa yang bersifat zahir.
Taubat golongan *Solihin* adalah menghindari dari akhlak batin yang tercela.
Taubat golongan *Muttaqin* ialah mengelak dari terjatuh dalam keraguan.
Taubat para *Muhibbin* pula adalah lari dari kelalaian yang melalaikan terhadap zikir.
Taubat golongan *'arifin* adalah terhenti dalam suatu makam dengan menggambarkan bahawa di belakangnya ada makam lain. Makam-makam dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT tiada pengakhirannya. Maka taubat golongan a'rifin juga tiada pengakhirannya.

---

[15] Hadis *Muttafaqun 'alaih*, Imam Jurjani berkata dalam *at-Ta'rifat* الغين bermaksud "karat", maka jika karat yang menutupi itu nipis, ia boleh ditanggalkan dengan kikisan cahaya *Tajalli* untuk mengekalkan iman bersamanya.

Taubat Diterima

Jika taubat itu telah memenuhi syarat-syaratnya, tidak ada keraguan lagi maka ia akan diterima. Pada masa yang sama, kamu tidak akan takut bila kamu sudah memahami makna penerimaan taubat.

Makna penerimaan taubat ialah hendaklah di dalam hati kamu bersedia untuk menerima masuk cahaya makrifat di dalam hati. Sesungguhnya hati kamu seperti cermin yang terhalang dari kejelasan disebabkan oleh kekeruhan syahwat dan kecintaan kepadanya. Setiap dosa dilakukan menjadi titik hitam di dalamnya, dan setiap kebaikan menjadi cahaya baginya. Maka kebaikan-kebaikan itu menggilapkan jiwa.

Oleh demikian itu, Nabi SAW bersabda:

أَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا

Maksudnya "*Iringilah keburukan dengan kebaikan, nescaya ia akan menghapuskannya*"[16]

Perumpamaan taubat terhadap hati umpama sabun terhadap pakaian. Ia mesti menghilangkan kotoran apabila digunakan. Barangsiapa yang bertaubat maka

---

[16] Diriwayatkan oleh Imam Tirmizi dengan penambahan pada awalnya dan akhirnya, Imam Tirmizi berkata hadis ini Hasan Sahih. Dan telah diriwayatkan oleh Imam Baihaqi dalam kitab *asy-Syu'ab* dan sanadnya Hasan

kemudian dia meragui penerimaan taubatnya itu, kerananya tidak yakin kesempurnaan syarat-syarat taubat yang dilakukannya. Sebagaimana orang yang minum ubat julab tetapi tidak yakin bila dia meminum ubat itu dia akan cirit-birit, kerana dia tidak tahu syarat-syarat untuk minum ubat itu.

Apabila dia berasa mengetahui adanya syarat-syarat itu, nescaya dia juga akan rasa mengetahui penerimaan taubat itu dan menjadi hak orang yang tertentu. Akan tetapi, keraguan yang terjadi pada beberapa orang tertentu tidak menjadikan kita ragu bahawa orang yang bertaubat, pasti akan diterima taubatnya, hal ini tidak perlu diragui lagi.

Penawar Taubat

Penawar taubat adalah dengan meninggalkan perbuatan dosa yang berterusan kerana sesungguhnya tidak ada yang menghalang bagi orang yang bertaubat kecuali dengan meneruskan perbuatan dosa. Perkara tersebut terjadi disebabkan kelalaian dan syahwat. Itu merupakan penyakit hati dan penawarnya seperti penawar penyakit tubuh badan, tetapi penyakit ini lebih banyak daripada penyakit tubuh badan kerana tiga sebab:

Pertama : Orang yang sakit tetapi tidak tahu yang dia tengah sakit.

Sebagai contoh, penyakit kusta pada wajah seseorang yang tiada cermin baginya untuk menilik mukanya. Maka dengan itu dia tidak mengubati penyakitnya disebabkan dia tidak mengetahui. Apabila ada orang lain yang memberitahu, barangkali dia tidak akan mempercayainya.

Kedua : Akibat daripada penyakit ini tidak disaksikan oleh manusia dan kamu belum pernah mengalaminya.

Maka oleh itu kamu melihatnya bergantung pada keampunan Allah SWT, padahal dia bersungguh-sungguh dalam mengubati penyakit badan dengan kesungguhan yang jitu.

Ketiga : Ia merupakan penyakit sukar yang tidak dapat disembuhkan oleh para doktor.

Maka sesungguhnya para doktor adalah orang yang mengetahui pada masa yang sama orang yang beramal. Sesungguhnya ulama pada masa kini[17] telah ditimpa satu penyakit yang sukar bagi mereka untuk mengubati diri mereka sendiri dan penyakit tersebut adalah cintakan dunia.

---

[17] Zaman Imam Al-Ghazali pada akhir abad ke 5 dan awal abad ke 6 Hijrah dan penyakit ini berada juga di sepanjang zaman terutamanya di akhir zaman ini.

Penyakit tersebut telah menguasai diri mereka sehingga memaksa mereka untuk menahan diri daripada memperingati manusia tentang dunia supaya tidak tersingkap keburukan-keburukan mereka. Maka keburukan mereka itu akan tersingkap ketika mana mereka menerima dan tertarik dengan dunia.

Maka dengan sebab ini, tersebarnya penyakit dan terputuslah penawar. Para doktor sibuk dengan cabang-cabang ilmu yang sia-sia, maka alangkah baiknya, bila mereka tidak berbuat kebaikan mereka juga tidak berbuat kerosakan, baik juga bila mereka diam dan tidak juga berkata apa-apa. Bahkan setiap orang seakan-akan menjadi batu keras di bibir lembah sebab dia tidak meminum dan tidak meninggalkan air untuk diminum oleh orang lain.

Kesimpulan dalam perkataan sebelum ini, dalam mengubatinya hendaklah engkau melihat sebab-sebab terjadinya dosa.

Perkara tersebut merujuk kepada **lima sebab:**

Pertama : **Sesungguhnya seksaan yang dijanjikan bukan perkara yang boleh disangkal, sedangkan tabiat kebiasaannya meremehkan sesuatu yang tidak nyata pada hal keadaan semasa.**

Penawarnya adalah: dengan kamu berfikir untuk mengetahui setiap perkara yang datang itu adalah dekat manakala yang jauh tetap juga akan tiba.

Sesungguhnya kematian itu lebih dekat bagi setiap orang daripada tali kasutnya, dia tidak tahu mengenainya barangkali dia berada pada hari-hari akhirnya atau tahun akhir dari usianya. Kemudian dia merenung berfikir bagaimana dia letih dalam perjalanan dan menghadapi berbagai bahaya, ketakutan akan ditimpa kemiskinan pada masa yang akan datang iaitu hari kiamat.

Kedua : **Sesungguhnya nikmat kelazatan dan syahwat dapat diambil (dihilangkan) dengan mudah dari tekaknya dalam waktu seketika sedangkan dia tidak dapat menghalanginya.**

Penawarnya adalah; berfikir, seandainya dia diberi peringatan oleh seorang doktor Kristian bahawa meminum air sejuk membahayakan dan akan membawanya pada kematian, sedangkan air sejuk merupakan sesuatu yang paling lazat baginya, bagaimana dia meninggalkannya?

Maka ketahuilah bahawa Allah SWT dan Rasul-Nya SAW sepatutnya lebih dipercayai daripada seorang doktor Kristian.[18] Sesungguhnya keabadian dalam neraka lebih

---

[18] Jika seorang Doktor Kristian boleh dipercayai nasihatnya mengenai masalah penyakit zahir, maka Allah SWT dan Rasulullah SAW yang

dahsyat dibandingkan kematian yang disebabkan oleh sakit. Maka hendaklah dia menetapkan dalam dirinya bahawa segala sesuatu yang menyebabkan dosa hendaklah diyakini akan menjadi pemberat baginya untuk dimasukkan ke dalam neraka dan diharamkan untuk memasuki syurga Firdaus dan kenikmatan selama-lamanya.

Ketiga : **Sesungguhnya dia menangguhkan taubat dari hari ke hari.**

Penawarnya adalah: hendaklah dia berfikir dan mengetahui bahawa dalam membina benteng pemisah antara kebahagiaan dan kesengsaraan di atas sesuatu yang tidak ada jalan baginya, adalah satu kebodohan.

Maka, bagaimana dia mengetahui bahawasanya dia akan tetap hidup sehingga sempat bertaubat?

Sesungguhnya kebanyakan jeritan penghuni neraka adalah disebabkan oleh penangguhan taubat kerana mereka menunda taubat sehingga dikejutkan dengan datangnya penyakit-penyakit yang membawa mereka kepada kematian.

Bagaimana boleh begitu?

---

menasihatinya mengenai penyakit batin (dosa) yang membawa ke neraka lebih wajib dipercayai.

Sebab mereka menangguhkan taubat kerana tidak mampu untuk mengekang syahwat pada ketika itu. Apabila dia menunggu hari di mana mudah baginya untuk mengekang syahwat, maka hari seperti itu tidak diciptakan sama sekali.
Bahkan, perumpamaannya adalah seperti seorang yang ingin mencabut suatu pohon, padahal dia tidak berdaya untuk mencabut kerana kelemahannya dan kekuatan tunjang pohon itu, maka dia menunda perbuatannya kepada tahun akan datang pada masa yang sama dia mengetahui bahawa pohon itu semakin hari semakin bertambah kekuatan tunjangnya dengan pertambahan hari sedangkan kekuatan dirinya sendiri setiap hari semakin lemah dan berkurang. Maka, hal itu merupakan puncak kebodohan.

Keempat : **Bahawasanya dia menganggap dirinya sebagai pemurah dan pemaaf.**

Hal itu merupakan puncak kebodohan yang dibisikkan oleh syaitan. Syaitan telah menghiasinya untuk memalingkan seseorang dari agama.

Nabi SAW bersabda :

الكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لما بَعْدَ ٱلموْت, وَالأَحْمَقْ مَنِ أتَّبِع نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى الله تَعَالَى

"*Orang yang cerdik adalah orang yang menilai dirinya dan beramal untuk kehidupan setelah mati. Orang yang bodoh adalah orang yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah SWT*"[19]

Kelima : Seseorang yang ragu-ragu dalam masalah akhirat (dan kita berlindung kepada Allah SWT agar dijauhkan dari hal ini).

Telah kami sebutkan pengubatannya dalam perbahasan penutup kitab 10 Akhlak Yang Tercela/Sifat Mazmumah.[20]

Taubat Daripada Segala Dosa Suatu Kewajipan

Taubat dari dosa semuanya penting dan wajib. Akan tetapi, bertaubat dari dosa-dosa besar lebih penting dan terus-menerus dalam melakukan dosa kecil juga termasuk dosa besar. Tidak ada dosa yang kecil jika dilakukan berulang-ulang kali dan tidak ada dosa besar jika diiringi dengan taubat dan istighfar.

---

[19] Diriwayatkan Imam Ahmad, Imam Tirmizi, Imam Ibnu Majah, dan Imam al-Hakim dalam kitabnya *al-Mustadrak* dengan lafaz "العاجز" Imam Tirmizi berkata hadis ini Hasan.

[20] Perbahasan ini dimasukkan di dalam buku 10 Asas Penyucian Hati, iaitu buku ketiga yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Selangor dalam silsilah kitab terjemahan kitab *Arba'in Fi Usuliddin*.

Terus-menerus melakukan dosa kecil berpengaruh besar dalam menghitamkan hati. Ia seperti terus-menerusnya titisan pada air pada batu, ia pasti akan menyebabkan batu itu berlubang, walaupun air itu lembut dan batu itu keras lagi pejal.

Besarnya dosa kecil disebabkan oleh beberapa sebab:

Pertama : Seseorang mengecil dan meremehkan dosa sehingga tidak memerhatikan sebab-sebabnya.

Sebahagian mereka berkata: Dosa yang tidak diampuni adalah perkataan seseorang: "*Alangkah baiknya jika aku lakukan seperti ini*"

Kedua : Bergembira dengan dosa dan berbangga diri kerananya, serta meyakini kemungkinan nikmat darinya.

Apabila seseorang melakukan dosa bermegah-megahan dan berkata: *"Kau tidak melihat bagaimana aku telah mencacinya, bagaimana aku telah mengoyak kehormatannya dan bagaimana aku telah menipunya dalam berurusan dengannya?"* Hal itu sangat besar pengaruhnya dalam menghitamkan hati.

Ketiga : Dia bermudahan membuat kesimpulan yang Allah telah menutup dosanya.

Dia menyangka bahawa hal itu kerana kemuliaannya di sisi Allah. Dia tidak mengetahui bahawa dia dibenci oleh Allah SWT dan sesungguhnya dia telah menangguhkan usaha taubat, dosanya bertambah sehingga dia masuk ke dalam kerak yang paling bawah di neraka.

Keempat : Terang-terangan dan sengaja menampakkan dosa atau menyebut-nyebut setelah melakukannya.

Di dalam hadis disebutkan:

كُلُّ النَّاسِ مُعَافِي إِلَّا الْمُجَاهِرِينَ

"*Setiap orang diampuni (dosanya), kecuali orang-orang yang menceritakan kepada orang lain terhadap dosa yang telah mereka lakukan*"[21]

Kelima : Dosa kecil yang lahir dari orang alim yang diikuti.

---

[21] *Muttafaqun 'Alaih* daripada Hadis Abu Hurairah dengan lafaz "كل أمتي..." setiap ummatku.

Maka, ini menjadi dosa besar kerana perbuatan dosa itu tetap terus dilakukan oleh orang ramai setelah kematiannya. Oleh itu, berbahagialah orang yang meninggalkan dunia dan dosanya ikut mati bersamanya.

Dalam sebahagian hadis Baginda SAW berkata:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

"*Barang siapa yang menunjukkan contoh yang buruk, maka baginya dosanya dan dosa orang-orang yang melakukannya sampai hari kiamat*."[22]

Diriwayatkan bahawa sebahagian ulama Bani Israil bertaubat dari dosa dan bida'ah yang dilakukannya, kemudian Allah SWT mewahyukan kepada seorang Nabi pada zamannya: "*Sesungguhnya kalau antara Aku dan kamu, sungguh telah Ku ampuni. Akan tetapi, bagaimana dengan orang-orang yang telah kamu sesatkan dari hamba-hambaKu sehingga Aku memasukkan mereka ke dalam neraka?*"

Kesimpulannya, tidak ada yang meransangkan untuk bertaubat kecuali rasa takut yang lahir dari ketajaman pandangan hati dan makrifat. Maka, kita akan menyebutkan pula mengenai keutamaan takut.

---

[22] Hadis ini merupakan sebahagian daripada Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Imam Muslim

Asas Kedua
Takut
(الخوف)

Asas Ke 2 : Takut
(al-Khauf)

Sesungguhnya Allah SWT telah mengumpulkan petunjuk, rahmat, ilmu dan keredhaan kepada orang-orang yang takut kepadaNya. Cukuplah bagi kamu keutamaan hal itu.

Allah SWT berfirman:

هُدًى وَرَحۡمَةٞ لِّلَّذِينَ هُمۡ لِرَبِّهِمۡ يَرۡهَبُونَ ١٥٤

Maksudnya: "*Sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka*."

Surah al-A'raf: 154

Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا يَخۡشَى ٱللَّهَ مِنۡ عِبَادِهِ ٱلۡعُلَمَٰٓؤُاْۗ

Maksudnya: "*Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah ulama*"

Surah al-Fatir: 28

Allah SWT berfirman:

رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُۚ

Maksudnya: "*Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada-Nya.*"

Surah al-Bayyinah: 8

Nabi SAW bersabda:

رأسُ الحِكْمَة... مُخَافَةُ اللهِ

"*Dasar hikmah adalah takut kepada Allah*."[23]

Nabi SAW bersabda:

مَنْ خَافَ اللهُ تَعَالَى خوَّفَ اللهُ مِنْهُ كُلَّ شَيْءٍ, وَمَنْ خَافَ غَيْرَ اللهِ تَعَالَى خَوَّفَهُ اللهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ

"*Barangsiapa yang takut kepada Allah, maka Allah menjadikan segala sesuatu takut kepadanya. Barang siapa yang takut selain Allah, maka Allah menjadokannya takut kepada segala sesuatu.*"[24]

---

[23] Imam Abu Bakar bin Lalin meriwayatkannya dalam kitab *Makarim al-Akhlak* dan Imam Baihaqi dalam kitab *asy-Syu'ab* serta mendhoifkannya.

[24] Diriwayatkan Abu Syeikh Ibnu Hibban di dalam kitab *ath-Thawab* dengan sanad yang sangat lemah

Nabi SAW bersabda:

قَالَ اللهُ تَعَالَى : وَعِزَّتِي وَجَلَالِي لَا أَجْمَعُ عَلَى عَبْدِي خَوْفَيْنِ, وَلَا أَجْمَعُ لَهُ أَمْنَيْنِ فَإِذَا أَمِنَنِي فِي الدُّنْيَا أَخَفْتُهُ يَوْمَ القِيَامَةِ, وَإِذَا خَافَنِي فِي الدُّنْيَا أَمَّنْتُهُ يَوْمَ القِيَامَةِ

"Allah SWT berfirman: "*Demi kemuliaan dan keagungan-Ku, Aku tidak akan mengumpulkan dua ketakutan sekaligus kepada hamba-Ku. Dan tidak pula Aku mengumpulkan dua keamanan sekaligus kepadanya. Maka, apabila seseorang berasa aman dari-Ku di dunia, maka Aku akan memberinya rasa takut di hari kiamat. Dan apabila seseorang takut kepada-Ku di dunia, maka Aku akan memberinya rasa aman pada hari kiamat.*"[25]

Hakikat Takut Kepada Allah SWT

Ketahuilah bahawa hakikat takut adalah rasa bimbang dan terbakarnya hati disebabkan oleh khuatir akan terjadinya sesuatu yang tidak disukai pada masa akan datang. Kadangkala pula takut kepada Allah SWT kerana mengetahui sifat-sifatNya yang pasti mendatangkan ketakutan. Ketakutan ini paling sempurna dan utuh.

[25] Diriwayatkan Imam Ibnu Hibban di dalam sahihnya, Imam Baihaqi didalam kitab *asy-Syu'ab*, dan Imam Ibnu Mubarak di dalam kitab *Zuhud*

Sebab, orang yang mengenal Allah, pasti melahirkan ketakutan kepadaNya. Oleh itu, Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يَخۡشَى ٱللَّهَ مِنۡ عِبَادِهِ ٱلۡعُلَمَٰٓؤُاْۗ

Maksudnya: "*Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah ulama*"

Surah al-Fatir: 28

Sesungguhnya Allah SWT telah mewahyukan kepada Nabi Daud AS:

خَفْنِيْ كَمَا تَخَافُ السَّبُعَ الضَّارِيَ

"*Takutlah kepada-Ku sebagaimana kamu takut kepada binatang buas yang membahayakan*."

Dan oleh itu, Nabi SAW bersabda:

أَنَا أَخْوَفُكُمْ لِلّٰهِ تَعَالَى

"*Aku adalah orang yang paling takut kepada Allah*."[26]

Ketahuilah bahawa kenyataannya dalam menghindari binatang buas, seseorang tidak akan takut kepada

---

[26] Diriwayatkan Imam Bukhari daripada jalur Anas R.A dengan lafaz " والله إني لأخشاكم لله وأتقاكم له" dan diriwayatkan daripada Imam Bukhari dan Imam Muslim daripada jalur 'Aisyah R.A" والله إني لأعمالهم بالله وأشدهم له خشية "

binatang buas apabila dia tidak benar-benar mengenalinya.

Maka, apabila dia mengetahui bahawa antara sifat binatang buas adalah membinasakan dan tidak mempedulikan, maka jika dia meninggalkannya bukan kerana kehalusan dan kasih sayangnya. Tetapi, ia sesungguhnya lebih hina di sisinya untuk disayanginya, maka ia mesti ditakuti.

Allah mempunyai sifat yang Maha Tinggi dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Tetapi barangsiapa yang mengetahui bahawa seandainya Dia membinasakan orang-orang terdahulu dan orang-orang terkemudian, Dia Maha Berkehendak dan tidak mengurangi sesuatu pun dari kerajaan-Nya.

Allah SWT berfirman:

قُلۡ فَمَن يَمۡلِكُ مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـًٔا إِنۡ أَرَادَ أَن يُهۡلِكَ ٱلۡمَسِيحَ ۚ

ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعًا ۗ

Maksudnya: “*Katakanlah, Siapakah yang boleh menghalang kehendak Allah, jika Dia hendak membinasakan al-Masih putera Mariam itu beserta ibunya dan semua orang yang berada di bumi semuanya?*”

Surah al-Maidah: 17

Berapa banyak Allah Ta’ala membinasakan hamba-hambaNya di dunia dan menghantarkan mereka pelbagai jenis seksa, serta tanpa kelembutan dan kasih sayang. Maka hendaklah, Dia mesti ditakuti.

Maka mengenal terhadap kemuliaan, keagungan dan ketidak perluan Allah (kepada makhlukNya) mesti melahirkan ketakutan, dan ini adalah bentuk takut yang paling sempurna dan paling utama.

Penawar Ketakutan Dan Penghasilannya

Penawar ketakutan kepada Allah SWT dan penghasilannya terbahagi kepada dua perkara:

Pertama : Mengenal Allah ta’ala, kerana hal tersebut pasti melahirkan sikap takut. Sesungguhnya pada realitinya dalam menghindari binatang buas tidak memerlukan ubat untuk melahirkan rasa takut bila dia mengenali binatang buas.

Barangsiapa mengenal keagungan Allah SWT dan ketidakperluanNya kepada makhluk, bahawa dia telah menciptakan syurga dan para penghuni serta menciptakan neraka dan para penghuni.

Dan sesungguhnya telah sempurna kalimatNya dengan kebahagiaan dan kecelakaan bagi hak setiap orang dengan benar dan adil.

Oleh itu, tidak terbayang hal tersebut untuk diubah dan tidak dapat dipalingkan dari ketetapanNya yang bersifat azali oleh seorang pengupah pun. Manusia tidak mengetahui ketetapan apa yang telah ditentukan baginya dan tidak mustahil baginya untuk ditetapkan sebagai orang yang celaka selamanya, maka semua hal ini tidak terbayang baginya untuk tidak takut kepada Allah SWT.

Adapun orang yang lemah dari hakikat makrifah, maka ubatnya adalah memandang kepada orang-orang yang takut, serta menyaksikan keadaan-keadaan mereka atau mendengar hal itu. Sesungguhnya hamba-hamba Allah yang paling takut adalah para Anbia', Awlia', Ulama' dan ahli Basirah.

Sedangkan makhluk yang paling berasa aman adalah orang-orang yang lalai dan bodoh. Orang-orang yang tidak meluaskan pandangan, sama ada pada masa lalu, tidak juga pada masa pengakhiran, mahupun pada mengenal keagungan Allah, hal ini seperti anak kecil yang tidak takut pada seekor ular selama dia tidak melihat ayahnya takut, lari darinya dan timbul urat-urat leher gementar ketika melihatnya. Kemudian anak itu melihat ayahnya, maka dia mengikut dan merasakan takut pada ular, walau dia belum mengetahui hakikat sifat ular.

Sesungguhnya Nabi SAW bersabda:

مَا جَاءَنِي جِبْرَائِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَطُّ إِلَّا وَهُوَ يَرْتَعِدُ فَرَقًا مِنَ الْجَبَّارِ

“*Tidaklah sekali-kali Jibril mendatangiku, kecuali gementar urat-urat lehernya disebabkan oleh takut terhadap seksa neraka*.”[27]

Dan ada yang mengatakan bahawa saat iblis telah menampakkan keingkarannya terhadap perintah Allah SWT, Jibril dan Mikail kedua-duanya menangis. Allah SWT berfirman kepada keduanya: “*Apakah yang menyebabkan kamu berdua menangis?*” Kedua-duanya berkata: “*Ya Allah kami tidak aman dari azabMu*.”

Allah SWT berfirman kepada kedua-duanya:

أَفَأَمِنُواْ مَكۡرَ ٱللَّهِۚ فَلَا يَأۡمَنُ مَكۡرَ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡقَوۡمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ

Maksudnya: “*Demikianlah, jadilah kamu berdua tidak rasa aman dari azabKu. Tidaklah yang rasa aman dari azab Allah kecuali orang-orang yang rugi*.”

Surah al-A’raf : 99

Dan ada yang mengatakan apabila Allah SWT telah menciptakan neraka, hati para malaikat terbang dari tempatnya. Kemudian tatkala Allah menciptakan manusia, hati mereka kembali ke tempatnya.

---

[27] Diriwayatkan Imam Abu Syeikh dalam kitab Kebesaran (العظمة) daripada Ibnu Abbas telah berkata: “*Sesungguhnya pada hari kiamat Malaikat Jibril a.s berdiri di hadapan Allah SWT dalam keadaan gementar urat-urat lehernya disebabkan oleh takut terhadap azab Allah*” dan pada sanadnya terdapat perawi yang tidak dikenali.

Telah rasa gementarnya hati Nabi Ibrahim AS. tatkala terdengar azab Allah SWT dalam solat sejauh perjalanan satu batu.

Nabi Daud AS bersujud selama empat puluh hari, dia tidak mengangkat kepalanya sehingga tumbuh rumput dari air matanya.

Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq R.A berkata kepada burung: "*Duhai, seandainya aku seperti kamu wahai burung dan aku tidak pernah diciptakan sebagai manusia*."

Abu Zar R.A berkata : "*Aku ingin seandainya aku adalah pokok yang ditebang*."

Sayyidatina Aisyah R.A berkata: "*Aku ingin seandainya aku menjadi sesuatu yang tidak bererti lagi dilupakan*."

Kami telah menceritakan keadaan orang-orang yang takut kepada seksa Allah dalam kitab *al-Khauf* di dalam kitab induk *Ihya' Ulumiddin*. Maka, orang yang tidak sampai puncak makrifat, hendaklah dia merenungi keadaan para Nabi, Aulia' dan golongan 'arifin. Usaha dia mengetahui bahawasanya dia lebih layak untuk takut kepada Allah SWT daripada mereka. Apabila dia merenungi hal itu dengan hakikat, maka rasa takutnya akan menguasai dirinya.

Takut Adalah Perasaan Yang Akan Mengiringi Seseorang Itu Menuju Kebahagiaan

Takut adalah perasaan yang akan mengiringi seseorang itu menuju kebahagiaan. Tetapi tidak semestinya rasa takut itu berlebihan sehingga mendatangkan sikap putus asa kerana hal itu menjadi tercela. Bahkan, ketika rasa takut telah menguasai, sepatutnya diiringi dengan harapan terhadap rahmat dan keampunan Allah SWT Ya, semestinya rasa takut mengalahkan harapan selama mana seseorang diliputi dengan dosa.

Adapun orang yang taat kepada Allah SWT, hendaklah seimbang antara takut dan harapan. Sepertimana Sayyidina Umar R.A ketika mengatakan: “*Seandainya diumumkan bahawa semua orang masuk Syurga kecuali seorang, maka aku benar-benar takut bahawa orang itu adalah aku* ”.

Adapun ketika kematian telah hampir, maka harapan dan berbaik sangka terhadap Tuhan itu lebih utama baginya. Nabi SAW bersabda:

لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِرَبِّهِ

“*Janganlah salah seorang dari kamu meninggal dunia, kecuali dia berbaik sangka terhadap Tuhannya*.”[28]

---

[28] Diriwayatkan Imam Muslim daripada Jabir r.a, diriwayatkan Imam Ahmad, diriwayatkan Imam Abu Daud, dan Imam Ibnu Majah. Riwayat

Sesungguhnya berharap adalah berbeza dengan berangan-angan, orang yang tidak membajak tanah dan tidak menaburkan benih, kemudian dia menanti hasil tuaian, maka dia adalah orang yang berkhayal dan tertipu, bukan orang yang berharap.

Orang yang berharap adalah orang yang menghidupkan tanah dan menyiram, menaburkan benih dan mengambil kira sebab dan musabab yang berhubung dengan ikhtiarnya. Kemudian dia berharap Allah SWT menghindarikan ulat-ulat dan burung-burung sehingga memungkinnya untuk menuai setelah menanam.

Allah SWT berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ يَرۡجُونَ رَحۡمَتَ ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٢١٨﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*."

Surah Al-Baqarah : 218

---

lain menyebutkan: (يحسن الظن بالله عزوجل) berbaik sangka dengan Allah 'azza wajalla.

Kesimpulannya, hasil daripada الرجاء / pengharapan adalah keinginan dalam pencarian keampunan dan rahmat Allah, sedangkan الخوف / takut adalah keinginan lari dari perbuatan dosa. Barang siapa yang mengharapkan sesuatu, maka dia akan mencarinya. Barangsiapa yang takut dari sesuatu, maka dia akan lari darinya.

Tahap ketakutan yang paling rendah ialah apa yang dapat membawa seseorang untuk meninggalkan dosa dan berpaling dari dunia. Sedangkan apa yang tidak membawa hal tersebut, maka ia dianggap tragedi jiwa dan lintasan-lintasan hati yang tidak ada timbangannya, serta serupa dengan kelembutan wanita yang tidak ada hasilnya. Akan tetapi, rasa takut yang paling sempurna akan membuahkan zuhud di dunia. Maka, kita akan menyebutkan perbahasan zuhud dan maknanya.

Asas Ketiga
Zuhud

(الزهد)

Asas Ke 3: Zuhud

(Zuhud)

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾

Maksudnya: "*Dan janganlah engkau menunjukkan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk kami menguji mereka padanya sedang limpah kurnia Tuhan mu di akhirat lebih baik dan lebih kekal.*"

Surah Taha: 131

Allah SWT berfirman:

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلْءَاخِرَةِ نَزِدْ لَهُۥ فِى حَرْثِهِۦ ۖ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا وَمَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ

Maksudnya: "*Barang siapa yang menghendaki keuntungan di akhirat, maka Kami tambah keuntungan itu baginya. Dan barang siapa yang menghendaki keuntungan di dunia, maka kami berikan kepadanya sebahagian dari keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bahagian pun di akhirat*."

Surah as-Syura: 20

Allah SWT berfirman tentang Qarun:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ فِي زِينَتِهِۦۖ قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ ٱلۡحَيَوٰةَ
ٱلدُّنۡيَا يَٰلَيۡتَ لَنَا مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ قَٰرُونُ إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٖ
٧٩ وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ وَيۡلَكُمۡ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ لِّمَنۡ
ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلصَّٰبِرُونَ ٨٠

Maksudnya: "*Maka keluarlah Qarun kepada kaumnya dalam kemegahan, Berkatalah orang-orang yang mengharapkan kehidupan dunia, 'Semoga kiranya kita mempunyai seperti apa yang telah diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia benar-benar mempunyai keuntungan yang besar.'*

"Berkatalah orang-orang yang dianugerahi ilmu, 'Kecelakaan yang besarlah bagimu. Pahala Allah lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh

dan tidak memperoleh pahala itu kecuali oleh orang-orang yang sabar."

Surah al-Qasas: 79-80

Maka telah jelaslah bahawa zuhud itu terhasil daripada buah ilmu.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَصْبَحَ وَهَمُّهُ الدُّنْيَا شَتَّتَ اللهُ عَلَيْهِ أَمْرَهُ, وَفَرَّقَ عَلَيْهِ ضَيْعَتَهُ, وَجَعَلَ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ, وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا كُتِبَ لَهُ, وَمَنْ أَصْبَحَ وَهَمُّهُ الْآخِرَةُ, جَمَعَ اللهُ لَهُ هَمَّهُ, وَحَفِظَ عَلَيْهِ ضَيْعَتَهُ, وَجَعَلَ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ, وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ

Maksudnya: "*Barang siapa yang di waktu pagi cita-citanya adalah dunia, maka Allah akan memporak-perandakan urusannya, mencerai-beraikan kekayaan dan menjadikan kemiskinan di depan mata, serta dunia tidak akan mendatanginya kecuali apa yang telah ditetapkan baginya. Barang siapa yang pada waktu pagi cita-citanya adalah akhirat, maka Allah akan mengumpulkan cita-cita baginya, menjaga kekayaan dan menjadikan kekayaan di dalam hatinya, serta dunia mendatanginya dalam keadaan tunduk*."[29]

---

[29] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Majah daripada Zaid bin Thabit dengan sanad (jayyid) yang baik dan diriwayatkan oleh Imam Tirmizi dengan sanad yang lemah daripada hadis Anas.

Ketika ditanya soalan kepada Nabi SAW tentang firman Allah SWT:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا

Maksudnya: "*Barang siapa yang Allah menghendaki akan diberikan kepadanya petunjuk, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (menerima petunjuk) Islam. Dan barang siapa yang dikehendaki Allah kesesatannya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit.*"

Surah al-An'am : 125

Manakala makna lapang pula, Baginda bersabda:

النُّورُ إِذَا دَخَلَ الْقَلْبَ انْشَرَحَ الصَّدْرُ وَانْفَسَحَ, قيلَ: وَهَلْ لِذَلِكَ مِنْ علامةٍ؟ قَالَ : نَعَمِ, التَّجَافِي عَنْ دَارِ الْغُرُورِ والْإِنَابَةُ إِلَى دَارِ الْخُلُودِ وَالْاِسْتِعْدادُ لِلْمَوتِ قَبْلَ نُزُولِهِ

Maksudnya: "*Sesungguhnya cahaya apabila masuk ke dalam hati, maka ia melapangkan dada dan meluaskannya*." Nabi SAW ditanya: "Apakah ia mempunyai tanda?" Baginda bersabda: "*Ya. Iaitu, menjauh dari tempat tipu daya dan kembali ke tempat*

yang abadi, serta bersiap sedia menghadapi kematian sebelum ia mendatanginya."[30]

Nabi SAW bersabda:

اسْتَحْيُوا مِنَ اللهِ حَقَّ الحَيَاءِ, قالوا : إِنَّا نَستحي, فقال : تَبْنُونَ مَا لَا تَسْكُنُونَ, وَتَجْمَعُونَ مَا لَا تَأْكُلُونَ !!

Maksudnya: "*Malulah kamu semua kepada Allah dengan sebenar-benar malu*" Nabi ditanya: "Perkara apakah yang kami harus malu kepadanya?" Nabi SAW bersabda: "*Kamu bina tempat yang tidak kamu tinggal dan kamu kumpulkan apa yang tidak kamu makan*."[31]

Nabi SAW bersabda:

مَنْ زَهِدَ فِي الدُّنْيَا أَدْخَلَ اللهُ الْحِكْمَةَ قَلْبَهُ وَ أَنطَقَ بِهَا لِسَانَهُ, وَعَرَّفَهُ دَاءَ الدُنْيَا وَدَوَاءَهَا وَأَخْرَجَهُ مِنْهَا سَالِمًا إِلَى دَارِ السَّلَامِ

Maksudnya: "*Barangsiapa yang berbuat zuhud di dunia, maka Allah akan memasukkan hikmah ke dalam hatinya, lisan fasih dengannya, dan Dia akan memberitahunya tentang penyakit dunia dan ubat, serta mengeluarkannya*

---

[30] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Mubarak dalam kitab Zuhud, dan diriwayatkan oleh Imam Abdul Razak, Imam Ibnu Abi Syaibah dan Imam Baihaqi, kitab al-Ithaf: 11/642

[31] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Abi Dunya dan Imam Baihaqi dengan sanad yang lemah.

dari dunia dalam keadaan selamat menuju tempat keselamatan yakni Syurga."[32]

Nabi SAW bersabda:

لَا يَسْتَكْمِلُ الْعَبْدُ حَقِيقَةَ الْإِيمَانِ حَتَّى يَكُونَ قِلَّةُ الشَّيْءِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ كَثْرَتِهِ

Maksudnya: "*Tidaklah menyempurnakan seseorang itu hakikat keimanan sehingga 'tidak mengetahui' lebih dia sukai daripada 'mengetahui' dan sedikitnya sesuatu lebih dia sukai daripada banyaknya*."[33]

Nabi SAW bersabda:

إِذَا أَرَادَ اللهُ بِعَبْدٍ خَيْرًا زَهَّدَهُ فِي الدُّنْيَا وَرَغَّبَهُ فِي الْآخِرَةِ وَبَصَّرَهُ بِعُيُوبِ نَفْسِهِ

Maksudnya: "*Apabila Allah SWT menghendaki kebaikan kepada seseorang, maka Dia menzuhudkannya terhadap dunia, menjadikannya gemar akan akhirat dan memperlihatkan aib-aib dirinya*."[34]

---

[32] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Abi dunya daripada hadis Safwan secara *mursal*. Dan diriwayatkannya juga oleh Imam Ibnu 'Adiy dan dia telah berkata hadis ini *munkar*.

[33] Diriwayatkannya oleh Imam ad-Dailami dalam *Musnad Firdaus* dan hadis ini *mu'dhal* (yang gugur daripadanya sanad dua perawi).

[34] Diriwayatkannya oleh Imam ad-Dailami dalam *Musnad Firdaus* dengan sanad lemah.

Nabi SAW bersabda:

ازْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللهُ تَعَالَى, وَازْهَدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُحِبَّكَ النَّاسُ

Maksudnya: "*Zuhudlah terhadap dunia, nescaya Allah SWT akan mencintaimu dan berzuhudlah akan apa yang ada dalam genggaman manusia, nescaya manusia akan mencintaimu*."[35]

Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَرَادَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللهُ عِلْمًا بِغَيْرِ تَعَلُّمٍ, وَهُدى بِغَيْرِ هِدَايَةٍ, فَلْيَزْهَدْ فِي الدُّنْيَا

Maksudnya: "*Barangsiapa yang ingin dikurniai ilmu oleh Allah tanpa melalui belajar dan diberi petunjuk tanpa hidayah, maka hendaklah dia zuhud akan dunia*."[36]

---

[35] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Majah, Imam at-Thabrani, dan Imam Hakim. Telah berkata Imam Nawawi: Hadis ini Hasan, diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dan selain daripadanya dengan sanad-sanad yang baik.

[36] Imam al-Iraqi berkata: Tidak ditemui asalnya. Imam az-Zabidi berkata: ada asalnya yang dirwayatkannya Imam Abu Nu'aim dalam kitab *al-Hilyah* daripada hadis Sayyidina Ali R.A telah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "*Barangsiapa yang zuhud di dunia maka diberikan ilmu oleh Allah kepadanya tanpa belajar, diberi petunjuk tanpa hidayah dan dikurniakannya kecerahan hati….*", Kitab *Ithaf Sadat al-Muttaqin*: 11/654

Hakikat Zuhud Terhadap Dunia

Zuhud terhadap dunia meliputi hakikat, asas, dan hasilnya. Adapun hakikat zuhud adalah meninggalkan jiwa dari dunia dan menjauhkan diri darinya dengan ketaatan, padahal dia mampu memperolehinya.

Pada asasnya zuhud adalah ilmu dan cahaya yang menerangi hati sehingga melapangkan dada dan ia menjelaskan bahawa akhirat itu lebih baik dan lebih kekal. Sesungguhnya perbandingan antara dunia dengan akhirat menyaksikan ia lebih kecil daripada jika dibandingkan antara tembikar dengan mutiara.

Maka hasilan zuhud adalah *qana'ah* terhadap dunia sebatas hajat yang diperlukan, iaitu ukuran bekalan seorang musafir untuk perjalanan. Asasnya adalah cahaya makrifat, kemudian menghasilkan keadaan pengasingan diri dan menampakkan terhadap anggota tubuh dengan menahan kecuali sebatas hajat yang diperlukan sebagai bekalan dalam perjalanan. Perkara yang asas dalam perjalanan adalah tempat tinggal, pakaian, makanan dan kelengkapan rumah.

Adapun makanan, maka baginya ukuran waktu dan keperluannya. Waktunya disandarkan pada masa.
Tahap yang paling pendek adalah sekadar menolak lapar pada saat itu. Bila dia menolak lapar pada waktu pagi, maka dia tidak menyimpan sesuatu untuk waktu petang.

Pertengahannya adalah dia menyimpan untuk waktu sebulan sampai empat puluh hari sahaja. Yang paling rendah adalah menyimpan untuk setahun. Maka, bila dia melebihi waktu tersebut, bererti dia telah keluar dari semua pintu zuhud kecuali apabila dia tidak mempunyai usaha dan tidak mengambil dari tangan seperti Daud al-Tha'i.

Sesungguhnya dia (Daud al-Tha'i) mempunyai dua puluh dinar, kemudian dia menahan dan mencukupkan diri dengannya selama dua puluh tahun. Maka, hal itu tidak membatalkan makam zuhud dan darjatnya di akhirat, kecuali bagi orang yang mensyaratkan tawakkal dalam berzuhud.

Adapun ukurannya paling sedikit setengah kati, pertengahannya adalah satu kati, dan paling banyaknya adalah satu *mud*[37], sedangkan lebih dari itu membatalkan kehidupan zuhud. Adapun jenisnya, paling sedikit berupa makanan yang menguatkannya walaupun berupa dedak. Pertengahan adalah roti gandum dan yang paling tinggi adalah roti gandum yang tidak disaring.

Apabila disaring, maka kamu telah bersenang-senang, bukan zuhud. Adapun lauknya, maka paling sikit adalah cuka, sayur-sayuran dan garam. Pertengahan adalah mentega, sedangkan yang paling tinggi adalah daging dan

---

[37] Satu *mud* disisi Imam Hanafi : 1,032 liter, adapun disisi Imam Malik, Syafie dan Ahmad: 0,687 liter

itupun dalam satu minggu hanya sekali atau dua kali. Apabila terus-menerus, maka yang memakannya bukan orang zuhud.

Sayyidatina Aisyah R.A berkata :

كانَ يَأْتِي أَرْبَعُونَ لَيْلَةً, وَمَا يُوقَدُ فِي بَيْتِ رسولِ اللهُ مِصباحٌ ولا نارٌ

Maksudnya "*Pernah dalam empat puluh malam, tidak dinyalakan di rumah Rasulullah SAW baik lampu mahupun api*."[38]

Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW tidak pernah merasakan kenyang dengan roti gandum selama tiga hari berturut-turut semenjak datang ke Madinah.[39]

Adapun ukuran pakaian, minima menutup aurat dan menjaga dari panas terik dan sejuk. Maksima adalah baju lengan panjang, seluar dan tutup kepala dari jenis yang kasar. Hendaklah sekiranya mencuci pakaian dia tidak menemui yang lain. Apabila seseorang memiliki dua pasang baju maka dia bukan termasuk orang zuhud.

Sayyidina Abu Zar *R.A* berkata:

---

[38] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Majah daripada Aisyah r.a.

[39] Diriwayatkannya oleh Imam Muslim. Dan hadis *Muttafaqun 'alaih*: Keluarga Rasulullah SAW tidak pernah merasakan kenyang semenjak datang ke Madinah selama tiga hari tiga malam berturut-turut kecuali menahan lapar.

“*Aisyah R.A pernah mengeluarkan baju yang ditampal dan sarung kasar. Dia berkata*: “*Rasulullah SAW meninggal dunia dalam keadaan memakai dua kain ini*.”[40]

Rasulullah SAW bersolat dengan pakaian berbulu yang ada gambarnya, maka Baginda bersabda tatkala mengucapkan salam:

شَغَلَنِي النَّظَرُ إِلَى هَذِهِ, اذْهَبُوا بِهَا إِلَى أَبِي جَهْمٍ...

Maksudnya “*Pandanganku disibukkan dengan pakaian ini. Berikanlah kain ini kepada Abu Jahm*….”[41]

Pernah tali kasut Rasulullah SAW yang telah usang diganti dengan tali kulit yang baru. Maka tatkala salam dari solatnya, Baginda SAW bersabda:

أَعِيدُوا الشِّرَاكَ الْخَلَقَ, فَإِنِّي نَظَرْتُ إِلَيْهِ فِي الصَّلَاةِ

Maksudnya “*Kembalikanlah kepadaku tali kasut yang usang. Sesungguhnya aku memandangnya dalam solat*.”[42]

Pernah juga Rasulullah SAW memakai dua pasang kasut yang baru. Kemudian Baginda terpesona dengan keindahannya maka Baginda menyungkur bersujud. Baginda SAW bersabda:

---

[40] *Muttafaqun ‘alaih.*

[41] *Muttafaqun ‘alaih.*

[42] Dikeluarkannya hadis ini oleh Imam Ibnu Mubarak dalam kitab zuhud dengan sanad sahih.

"أَعْجَبَنِي حُسْنُهُمَا , فَتَوَاضَعْتُ لِرَبِّي خَشْيَةَ أَنْ يَمْقُتَنِي", ثُمَّ خرجَ بِهِما فدفعَهُما إِلَى أَوَّلِ مسكينٍ رآهُ

Maksudnya "*Aku terpesona dengan keindahannya sehingga aku merendahkan diriku di hadapan Tuhanku kerana aku khuatir Dia akan murka kepadaku*." Kemudian baginda keluar membawa kedua pasang kasut itu dan menyerahkannya kepada orang miskin yang mula dilihatnya.[43]

Pernah baju Sayyidina Umar R.A dihitung tampalannya, ternyata ia mempunyai dua belas tampalan yang sebahagiannya dari kulit luar.

Sayyidina Ali R.A ketika menjawat jawatan Khalifah membeli kain dengan harga tiga dirham. Dia memotong kain di sekitar dua pergelangan tangan seraya berkata: "*Segala puji bagi Allah, sesungguhnya ini termasuk kemewahan*."

Sebahagian ulama' berkata: "*Baju Sufyan dan kasutnya ditaksir dengan harga satu dirham dan dua daniq"*

Sayyidina Ali R.A berkata : "*Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kepada para imam yang menjadi ikutan, hendaklah mereka menjadi seperti orang yang paling*

---

[43] Dikeluarkannya hadis ini oleh Imam Ibnu Haqiq daripada Aisyah r.a. dengan sanad yang lemah.

rendah keadaannya. Orang-orang kaya mengikut mereka dan orang-orang miskin tidak rasa rendah kerana kemiskinannya."

Adapun tempat tinggal;
Maka yang paling rendah adalah; hendaklah kamu menerima dengan ruangan di penjuru masjid atau markas pasukan seperti ahli *suffah*.
Yang paling tinggi adalah; hendaklah dia mencari tempat khusus untuk dirinya iaitu berupa kamar, sama ada dengan membeli atau menyewa. Dengan syarat, hendaklah luasnya tidak lebih dari sekadar keperluannya. Tidak meninggikan bangunannya, dan tidak memperdulikan keindahan.

Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa sesungguhnya orang yang meninggikan bangunannya lebih dari enam hasta, maka ada suara yang memanggilnya: "*Mahu ke manakah kamu wahai orang yang paling fasiq di antara orang-orang fasiq?*"

Rasulullah SAW wafat, sedangkan baginda tidak meletakkan batu bata di atas batu bata dan tidak meletakkan batang penyangga di atas batang penyangga.[44]

Sayyidina Abdullah bin Umar R.A telah berkata: "*Rasulullah pernah lalu di hadapan kami ketika kami*

---

[44] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Hibban dalam kitab *at-Tsiqat*

sedang memperbaiki rumah dari kayu. Baginda SAW bersabda:

إِنَّ الْأَمْرَ أَعْجَلُ مِنْ ذَلِكَ

Maksudnya "*Sesungguhnya urusan ini (kematian) lebih cepat daripada itu*."[45]

Nabi Nuh AS membina rumah yang diperbuat dari kayu, lalu ada orang yang mengatakan kepadanya: "*Apabila kamu berkehendakkan untuk membina sebuah rumah buatlah rumah daripada tanah*." Nabi Nuh AS menjawab: "*Ini terlalu banyak bagi orang yang akan mati*."

Nabi SAW bersabda:

مَنْ بَنَي فَوْقَ مَا يَكْفِيهِ كُلِّفَ أَنْ يَحْمِلَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya "*Barangsiapa yang membina rumah lebih daripada kecukupannya, maka dibebani untuk menjunjunginya pada hari kiamat*."[46]

Nabi SAW bersabda:

كُلُّ بِنَاءٍ وَبَالٌ عَلَى صَاحِبِهِ يَوْمَ القِيَامَةِ ، إِلَّا مَا أَكَنَّ مِنْ حَرٍّ وَبَرَدٍ

---

[45] Membaiki rumah dengan kayu rotan. Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, Imam Abu Daud, dan Imam Tirmizi mengsahihkannya.

[46] Diriwayatkannya oleh Imam at-Thabrani daripada Ibnu Mas'ud dengan sanad yang terputus.

Maksudnya: "*Setiap bangunan akan menyusahkan pemiliknya pada hari qiamat kecuali yang sekadar melindunginya dari terik panas dan sejuk*."[47]

Adapun perabot rumah; di dalamnya ada beberapa tahap. Tahap yang paling rendah adalah keadaan Nabi Isa bin Maryam AS, Baginda tidak memiliki sesuatu kecuali sikat dan cawan. Kemudian Baginda melihat seorang yang bersikat dengan jari-jarinya, maka dibuang sikatnya.

Baginda juga melihat orang lain yang meminum dengan tangan maka dibuang cawannya. Tahap pertengahan adalah; hendaklah menggunakan jenis yang kasar sesuai dengan setiap keperluan. Namun berusahalah bersungguh-sungguh untuk menggunakan sesuatu mengikut keperluan.

Sayyidina Umar R.A bertanya kepada Umair bin Sa'id yang merupakan gabenor Homs: "*Apakah yang kamu miliki dari dunia ini?*" Dia menjawab: "*Aku memiliki sebatang tongkat yang aku mendampingi dengannya, dan aku membunuh ular dengannya bila aku menemuinya. Aku mempunyai beg yang aku pakai untuk membawa makananku di dalamnya. Aku mempunyai mangkuk besar yang aku makan dengannya dan aku gunakan juga untuk mencuci kepala dan pakaianku. Aku juga mempunyai tempat bersuci yang aku letakkan di dalamnya minuman*

[47] Diriwayatkannya oleh Imam Abu Daud dengan sanad yang Hasan.

dan wudukku. Maka setelah ini tidak ada dunia lagi yang bersamaku." Sayyidina Umar R.A berkata : "*Kamu benar*."

Imam al-Hasan berkata: "*Aku telah menjumpai tujuh puluh orang pilihan. Tidak ada pada salah seorang pun antara mereka yang memiliki sesuatu selain pakaiannya. Namun tidak seorang antara mereka yang meletakkan pakaian di antara dia dan bumi*." Adapun tilam Rasulullah SAW yang dijadikan tempat tidur adalah alas yang diperbuat dari kulit yang berisi sabut dan selimut kasar.[48]

Inilah jalan para ahli zuhud di dunia. Barangsiapa yang terhalang dari keadaan ini maka tidak ada yang lebih sedikit dibandingkan penyesalan atas hilangnya. Maka hendaklah bersungguh-sungguh berusaha lebih dekat kepada mereka daripada dengan orang-orang yang bersenang-senang di dunia.

Zuhud Mempunyai Beberapa Tahap

Pertama: Seseorang berzuhud sedangkan jiwanya cenderung pada dunia tetapi dia berusaha melawannya. Ini adalah *mutazahid* (orang yang berusaha meninggalkan kesenangan dunia untuk beribadah), bukan ahli zuhud. Akan tetapi permulaan zuhud adalah berusaha meninggalkan kesenangan dunia untuk beribadah.

---

[48] Diriwayatkannya oleh Imam Tirmizi di dalam kitab *Syamail Muhammadiyyah* daripada Hafsah r.a. dan daripada hadis Aisyah r.a.

Kedua: Seseorang yang lari daripada kesenangan dunia dan tidak cenderung padanya. Sebab dia mengetahui bahawa menghimpunkan kenikmatan dunia dan kenikmatan akhirat adalah sesuatu yang tidak mungkin. Maka dia bertolak ansur untuk meninggalkannya. Sepertimana bertoleransi jiwa seseorang yang menyerahkan dirham untuk membeli mutiara walaupun dirham itu dicintainya. Inilah orang yang zuhud.

Ketiga: Tidak cenderung jiwa seseorang pada dunia dan tidak pula lari darinya. Bahkan ada dan tidak adanya dunia baginya adalah sama. Harta baginya seperti air sedangkan kekayaan Allah seperti laut. Hatinya tidak menoleh padanya dengan keinginan mahupun menjauhinya, inilah yang paling sempurna kerana orang yang membenci sesuatu disibukkan dengannya sebagaimana orang yang mencintainya.

Oleh kerana itu, dunia itu tercela dalam pandangan Rabi'ah al-Adawiyyah maka dia berkata: "*Apabila kamu tidak menghitungnya di dalam hati kamu, aku tidak akan mencelanya*." [49]

Pernah dibawakan kepada Sayyidatina Aishah R.A wang seratus ribu dirham, maka beliau tidak menjauhinya tetapi menginfakkan semuanya pada hari itu juga. Pembantu

---

[49] Sebagai pembalikan, maka dia berkata: "*Apabila kamu menghitungnya di dalam hati kamu, aku akan mencelanya*."

Sayyidatina Aishah R.A berkata: "*Seandainya kamu membeli daging dengan satu dirham sehingga kamu dapat berbuka dengannya*." Sayyidatina Aisyah R.A menjawab: "*Seandainya kamu mengingatkanku nescaya akan ku lakukan.*"

Maka inilah kekayaan yang sebenar, sesuatu yang lebih sempurna daripada zuhud.[50] Situasi (Saidatina Aisyah) ini bagi manusia yang jahil dan terpedaya sangatlah dicurigai. Sebabnya, setiap manusia yang terpedaya ini kononnya merasakan ketiadaan hubungan antara hatinya dengan dunia. Padahal jika hatinya membenci sesuatu, maka dia akan disibukkan dengannya sebagaimana orang yang mencintainya. Tidak menoleh padanya dengan keinginan dan tidak juga menjauhinya, inilah yang paling sempurna.
Tandanya ialah dia tidak merasakan perbezaan antara dicuri semua hartanya atau harta orang lain,[51] selama mana dia merasakan perbezaan maka dia akan disibukkan dengannya.

---

[50] Rentetan daripada tindakan Sayyidatina Aisyah menginfakkan seluruh dirham yang ada di tangannya, beliau mempunyai peluang menggenggam harta yang banyak tetapi tidak merasa harta tersebut digenggamannya kerana mampu menginfakkannya tanpa bersisa.
[51] Kebiasaannya jika harta orang lain dicuri, dia sememangnya tidak mengambil berat, namun jika seluruh hartanya dicuri pula dan dia tetap bersikap yang sama, maka inilah kesempurnaan zuhud.

Kesempurnaan Zuhud

Kesempurnaan zuhud adalah zuhud dalam zuhud dengan maksud tidak menganggap dirinya zuhud atau mempunyai kedudukan zuhud. Sesungguhnya orang yang meninggalkan kehidupan dunia dan menyangka bahawa dia meninggalkan sesuatu maka sesungguhnya dia telah mengagungkan dunia.

Sebab dunia bagi orang yang mempunyai pandangan batin adalah tidak mempunyai apa-apa. Pemiliknya seperti orang yang dihalang untuk memasuki rumah raja kerana ada anjing di pintu rumahnya, kemudian dia menjatuhkan sesuap roti dan menyibukkan anjing itu dengannya lalu dia masuk ke rumah raja dan duduk di atas tilam.

Perumpamaan tadi menunjukkan syaitan seperti anjing di depan pintu Allah SWT, dunia dan seisinya lebih sedikit dibandingkan dengan satu suapan bila dikaitkan dengan Allah sebab suapan itu memiliki hubungan dengan Allah. Sedangkan akhirat tidak terbayang akan lenyap dibandingkan sifat dunia sebab akhirat itu tidak ada pengakhirannya[52]

---

[52] Lihat contoh ini secara jelas dan terperinci didalam kitab *Ihya' Ulumiddin*, 4/328, Cetakan Darul Kutaibah. Dalam kitab *Ithaf Sadatul Muttaqin* syarahan kepada *Ihya' Ulumiddin*, 11/664, Cetakan Kutub Ilmiyyah.

Zuhud Ditinjau Dari Faktor Pendorongnya

Zuhud jika ditinjau dari faktor pendorong ianya mempunyai tiga tahap;

Pertama : Ia didorong oleh ketakutan akan neraka. Ini adalah zuhudnya orang-orang yang takut – *Khâifin.*

Kedua : Lebih tinggi daripada yang pertama, ianya disebabkan oleh kecintaan pada kenikmatan akhirat. Ini adalah zuhudnya orang-orang yang berharap - *Râjiyin*. Ibadah dengan disertai rasa pengharapan lebih utama daripada beribadah disertai ketakutan. Sebab, harapan menuntut kecintaan.

Ketiga : Ini yang paling tinggi, pendorongnya adalah memadamkan segala renungan kepada selain Allah, menyucikan jiwanya dan merendahkan segala sesuatu selain Allah. Ini adalah zuhudnya orang-orang arif - *Ãrifin*. Ini adalah zuhud yang sejati. Apa yang sebelumnya adalah tatacara berhubungan. Sebab, pelakunya meninggalkan segala sesuatu pada saat sekarang untuk meraih gandaan balasan pada hari esok.

Zuhud Ditinjau Dari Sudut Apa Yang Ada Di Dalamnya

Zuhud jika ditinjau dari apa yang ada di dalamnya berupa kezuhudan terbahagi kepada beberapa tahap.

Tahap yang sempurna adalah zuhud terhadap segala sesuatu, selain Allah SWT, di dunia dan di akhirat. Manakala zuhud yang terendah adalah zuhud terhadap dunia semata-mata, tanpa akhirat. Kemudian masuk di dalamnya segala sesuatu yang ada di dalamnya dan kenikmatan.

Tahap di bawahnya lagi ialah zuhud terhadap masalah harta, bukan pada kedudukan atau zuhud terhadap sebahagian sesuatu, namun tidak zuhud terhadap sesuatu yang lain. Hal itu lemah. Kerana, kedudukan itu lebih lazat dan lebih diinginkan daripada harta. Maka, zuhud terhadap kedudukan lebih penting.

Zuhud Adalah Kamu Meninggalkan Dunia Dengan Kerelaan

Zuhud : Sesungguhnya zuhud adalah kamu meninggalkan dunia dengan kerelaan, padahal kamu mampu meraihnya. Adapun bila kamu meninggalkan dunia dan kamu menyukainya, maka itu namanya fakir, bukan zuhud. Akan tetapi, fakir pun mempunyai keutamaan jika dibandingkan dengan kaya.

Kefakiran itu mencegah bersenang lenang dengan dunia. Ini lebih utama daripada yang mampu dengan dunia dan bersenang-lenang dengannya sehingga diam bersahabat dan tenang dengannya, dan hatinya tidak tergerak untuk

menjauhinya. Akibatnya, rasa sakit dan penyesalan menjadi berat saat kematian.

Dunia seakan-akan syurga orang kaya, namun ia juga seakan-akan penjara bagi orang miskin. Apabila si miskin mencintai dunia, maka bebaslah pencintanya dari penderitaannya. Kefakiran termasuk salah satu penyebab kebahagian.

Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى يَحْمِي عَبْدَهُ الْمُؤْمِنَ عَنِ الدُّنْيَا وَهُوَ يُحِبُّهُ, كَمَا يَحْمِي أَحَدُكُمْ مَرِيضَهُ الطَّعَامَ وَالشَّرَابَ

Maksudnya "*Sesungguhnya Allah SWT menjaga hamba-Nya yang beriman dari dunia dan meskipun dia menyukainya. Sebagaimana salah seorang dari kamu menjaga sakitnya dari makan dan minum*."[53]

Nabi SAW bersabda :

يَدْخُلُ فُقَرَاءُ أُمَّتِي الْجَنَّةَ قَبْلَ الْأَغْنِيَاءِ بِخَمْسِ مِئَةِ عَامٍ

Maksudnya "*Akan masuk Syurga dalam kalangan umatku golongan fakir yang jaraknya antara lima ratus tahun dengan golongan kaya*."[54]

---

[53] Dikeluarkannya oleh Imam Tirmizi beliau menghasankannya dan Imam Hakim beliau mensahihkannya.

[54] Dikeluarkannya oleh Imam Tirmizi dan Imam Ibnu Majah.

Nabi SAW bersabda :

خَيْرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ فُقَرَاؤُهَا

Maksudnya "*Sebaik-baik umat ini adalah orang-orang fakirnya*."[55]

Nabi SAW bersabda :

إِذَا رَأَيْتَ الْفَقْرَ مُقْبِلاً فَقُلْ مَرْحَبًا بِشِعَارِ الصَّالِحِينَ, وَإِذَا رَأَيْتَ الْغِنَيَ مُقْبِلًا فَقُلْ ذَنْبٌ عُجِّلَتْ عُقُوبَتُهُ

Maksudnya "*Apabila kamu melihat orang fakir datang, maka ucapkanlah, "Selamat datang syiarnya orang-orang yang soleh". Apabila kamu melihat orang kaya datang, maka ucapkanlah "dosa yang dipercepatkan hukumannya*." [56]

Nabi Musa AS berkata: "*Ya Tuhanku, siapakah kekasih-Mu di antara makhluk-makhluk-Mu sehingga aku boleh mencintai mereka kerana-Mu?*" Allah menjawab: "*Setiap orang yang fakir*."

---

[55] Imam al-Iraqi berkata: Hadis ini tiada asal. Imam Zabidi: berdiam akan hal hadis ini.

[56] Dikeluarkan oleh Abu Mansur ad-Dailami daripada riwayat Makhul daripada Abu Darda' dan beliau tidak pernah mendengar daripadanya. Diriwayat juga oleh Abu Nu'aim daripada perkataan Ka'ab, hadis ini tidak dimarfu'kan dengan sanadnya yang lemah.

Ketahuilah, sesungguhnya apabila orang fakir rela dengan apa yang diberikanNya, tanpa kerakusan dalam mencari, maka darjatnya dekat dengan kedudukan orang yang berzuhud.

Nabi SAW bersabda :

طُوْبَى لِمَنْ هُدِىَ لِلْاِسْلاَمِ وَكَانَ عِيْشُهُ كِفَافًا وَقَنَعَ بِهِ

Maksudnya "*Berbahagialah orang-orang yang diberi hidayah Islam dan kehidupan yang secukupnya, serta dia menerimanya*."[57]

Nabi SAW bersabda :

اَلْفُقَرَاءُ الصُّبُرُ هُمْ جُلَسَآءِ اللّٰهِ تَعَالَى

Maksudnya "*Orang-orang fakir yang bersabar adalah teman duduk (bersama-sama) Allah Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.*"[58]

Nabi SAW bersabda :

أَحَبُّ الْعِبَادِ إِلَى اللّٰهِ الفَقِيرُ الْقَانِعُ

---

[57] Diriwayatkannya oleh Imam Muslim, Imam Tirmizi mensahihkannya dan Imam Nasa'ie dengan lafaz (قد أفلح من اسلم) Sesungguhnya yang berjaya itu adalah orang-orang yang selamat

[58]. Diriwayatkannya oleh Imam Abu Bakar bin Lalin, Imam Ibnu 'Adiy, Imam Ibnu Hibban dalam kitab *ad-Dhu'afa'*. Disebutkannya oleh Imam Ibnu Jauzi dalam kitab *al-Maudhu'at*.

Maksudnya "*Hamba yang paling dicintai Allah adalah hamba yang fakir dan menerima seadanya* ."[59]

Allah SWT mewahyukan kepada Nabi Ismail AS : "*Carilah Aku antara orang-orang yang luluh hatinya*." Nabi Ismail AS bertanya: "*Siapakah mereka*?" Allah SWT berfirman: "*Orang-orang yang fakir dan siddiq*."

Kesimpulannya, pahala seorang yang fakir amatlah besar jika dia menerima dan sabar. Redha dan sabar atas kefakiran merupakan permulaan zuhud. Makam-makam ini tidak sempurna kecuali dengan sabar. Maka, kita akan menghuraikan sifat sabar.

---

[59] Imam al-Iraqi berkata: Tiada wujud lafaz ini, disisi Imam Ibnu Majah: "*Sesungguhnya Allah menyukai hamba-Nya fakir yang terpelihara maruahnya.*"

Asas Keempat
Sabar
(الصبر)

Asas Ke 4 : Sabar
(As-Sabru)

Allah SWT berfirman:

وَٱصۡبِرُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: *"Dan bersabarlah kamu semua. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bersabar "*

Surah al-Anfal: 46

Allah SWT telah mengumpulkan untuk orang-orang yang bersabar dengan perkara-perkara yang tidak dikumpulkan kepada selain mereka. Maka telah berfirman Allah yang Maha Mulia:

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَيۡهِمۡ صَلَوَٰتٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَرَحۡمَةٞۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُهۡتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya: *"Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk."*

Surah al-Baqarah: 157

Allah SWT berfirman:

ۗ وَلَنَجۡزِيَنَّ ٱلَّذِينَ صَبَرُوٓاْ أَجۡرَهُم بِأَحۡسَنِ مَا كَانُواْ

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersabar dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”*

Surah al-Nahl: 96

Allah SWT berfirman:

وَجَعَلۡنَا مِنۡهُمۡ أَئِمَّةٗ يَهۡدُونَ بِأَمۡرِنَا لَمَّا صَبَرُواْۖ وَكَانُواْ

بِـَٔايَٰتِنَا يُوقِنُونَ ٢٤

Maksudnya: *“Dan kami jadikan antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami manakala mereka bersabar.”*

Surah as-Sajadah: 24

Allah SWT berfirman:

ۗ إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجۡرَهُم بِغَيۡرِ حِسَابٖ ١٠

Maksudnya: *“Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.”*

Surah az-Zumar: 10

Allah SWT telah menyebutkan di dalam al-Quran tentang sabar lebih daripada 70 tempat.

Rasulullah SAW bersabda:

اَلصَّبْرُ نِصْفُ ٱلْاِيْمَانِ

Maksudnya *“Sabar adalah separuh daripada Iman.”*[60]

Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ أَقَلَّ مَا أُوْتِيْتُمْ, اَلْيَقِيْنُ وَعَزِيْمَةُ الصَّبْرِ, وَمَنْ أُعْطِيَ حَظَّهُ مِنْهُمَا لَمْ يُبَالِ بِمَا فَاتَهُ مَنْ قِيَامِ اللَّيْلِ وَصِيَامِ النَّهَارِ

Maksudnya *“Ini termasuk hal sedikit yang diberikan kepada kamu adalah keyakinan dan kesabaran yang teguh. Barang siapa yang diberi sebahagian dari kedua-*

---

[60] Dikeluarkannya oleh Imam Abu Nu’aim dan Khatib al-Baghdadi dengan sanad hasan. Imam al-Haithami berkata dalam kitab *Majma’ az-Zawaid*: Diriwayatkannya oleh Imam at-Thabrani dalam kitab *al-Kabir* dan perawinya adalah perawi yang sahih.

duanya, maka tidak dipedulikan dengan apa yang luput darinya berupa solat malam dan berpuasa di siang hari."[61]

Rasulullah SAW bersabda:

الصَّبْرُ كَنْزٌ مِنْ كُنُوْزِ الْجَنَّةِ

Maksudnya *"Sabar adalah khazanah di antara khazanah-khazanah syurga."*[62]

Pernah ditanya kepada Rasulullah SAW pada satu kali tentang iman maka Baginda menjawab:

هُوَ الصَّبْرُ

Maksudnya "*Iman adalah sabar*."[63]

Nabi Isa AS berkata: "*Sesungguhnya kamu semua tidak akan mendapat apa yang kamu sukai kecuali dengan kesabaran kamu atas apa yang kamu benci*."

---

[61] Imam al-Iraqi berkata: Tiada didapatinya dan disepakati oleh Imam az-Zabidi

[62] Imam al-Iraqi berkata: *gharib* (asing) yang tiada didapatinya, Imam az-Zabidi: Berkemungkinan menjadi (من كنوز الخير) daripada khazanah-khazanah yang baik dan meriwayatkan daripada perkataan Hasan al-Basri, Kitab *al-Ithaf Sadatul Muttaqin*: 11/9.

[63] Dikeluarkannya oleh Imam at-Thabrani dalam kitab *Makarimul Akhlak* dan Imam Ibnu Hibban dalam kitab *ad-Dhuafa'*.

Hakikat Sabar

Hakikat sabar adalah keteguhan dorongan agama dalam menghadapi dorongan hawa nafsu. Ia merupakan sifat khusus manusia yang merupakan kombinasi dari cabang sifat kemalaikatan dan kebinatangan. Sesungguhnya sifat yang mendominasi pada binatang adalah dorongan syahwat.

Sedangkan malaikat tidak dikuasai oleh syahwat bahkan sifat tersebut dijauhkan daripada mereka untuk mereka rindu sehingga sentiasa memandang keindahan sisi ketuhanan serta gembira dengan tahap kedekatan denganNya. Mereka bertasbih mensucikan Allah SWT siang dan malam tiada henti-hentinya, tidak terdapat di dalamnya ajakan syahwat. Oleh itu, tidak tergambar adanya kesabaran pada malaikat dan binatang.

Bahkan manusia dikuasai oleh dua pasukan yang kedua-duanya saling bertentangan.

Pertama, pasukan Allah dan para malaikat-Nya begitu juga akal dan semua pendorongnya.

Kedua, pasukan syaitan serta pelbagai syahwat dan dorongan kepadanya.

Setelah seorang hamba sampai pada usia baligh, maka ia akan menampakkan dorongan agama dan akal yang

memaksanya untuk memikirkan akibat perbuatan dosa dan bermulalah memerangi pasukan syaitan.

Jika dorongan agama kukuh dalam menghadapi dorongan hawa nafsu sehingga dapat mengalahkannya maka dia telah meraih kedudukan sabar. Sebab tiada terbayang ada kesabaran kecuali tatkala adanya dua dorongan yang bertentangan. Hal itu seperti meminum ubat yang pahit rasanya kerana akal mendorong untuk meminumnya sedangkan syahwat menahan.

Setiap orang yang dikalahkan syahwatnya maka tidak ada tekad untuk meminum ubat itu. Maka, barangsiapa yang syahwatnya dikalahkan oleh akal maka dia akan sabar dalam menelan rasa pahit demi mendapat kesembuhan.

Iman yang separuh dapat sempurna dengan kesabaran. Oleh itu, Nabi SAW bersabda:

اَلصَّبْرُ نِصْفُ الْاِيْمَانِ

Maksudnya "*Sabar adalah separuh dari pada iman*."[64]

Kerana iman dimutlakkan terhadap setiap makrifat dan semua amalan-amalannya. Semua amal dalam hal mencegah dan melakukan suatu perbuatan, membersihkan dan menghiasi tidaklah akan sempurna kecuali dengan bersabar. Sesungguhnya semua

[64] Dikeluarkannya oleh Imam Abu Nu'aim dan Khatib al-Baghdadi daripada Ibnu Mas'ud dengan sanad hasan,

perbuatan iman adalah bertolak belakang dengan seruan syahwat. Maka tidaklah sempurna perbuatan iman kecuali dengan kukuhnya dorongan agama dalam menghadapi seruan syahwat.

Oleh itu, Nabi SAW bersabda:

اَلصَّوْمُ نِصْفُ الصَّبْرِ

Maksudnya *“Puasa itu merupakan separuh dari sabar.”*[65]

Sesungguhnya sabar pada suatu waktu menghadapi dorongan syahwat dan dalam waktu lain menghadapi dorongan kemarahan, sedangkan puasa mematahkan dorongan syahwat.

Tahap Sabar

Sabar mempunyai **tiga tahap** dikira dari segi lemah dan kuatnya:

Tahap tertinggi : adalah kamu mengekang ajakan hawa nafsu secara keseluruhan sehingga tidak terbaki baginya kekuatan nafsu untuk bertempur, perbuatan tersebut hanya boleh dicapai dengan terus – menerus bersabar dan sentiasa bermujahadah. Orang seperti itulah yang

---

[65] Dikeluarkannya oleh Imam Ibnu Majah dan Imam Tirmizi menghasankannya.

dikatakan kepada mereka, sesungguhnya mereka yang mengatakan dalam FirmanNya :

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسۡتَقَٰمُواْ

Maksudnya: *“Sesungguhnya mereka yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman tauhidnya itu)”*

Surah al-Ahqaf: 13

Kepada merekalah ada seruan yang menyeru:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفۡسُ ٱلۡمُطۡمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ٱرۡجِعِيٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرۡضِيَّةً

Maksudnya: “*Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan penuh redha dan diredhai-Nya.”*

Surah al-Fajr: 27-28

Tahap terendah: Begitu kuat ajakan hawa nafsu hingga meruntuhkan penentangan penjaga agama. Akhirnya, hawa nafsu akan menguasai dan menyerahkan hati kepada pasukan syaitan. Orang-orang seperti itulah yang dikatakan kepada mereka:

وَلَٰكِنۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ مِنِّي لَأَمۡلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ

Maksudnya: *“Tetapi telah tetap hukuman seksa dariku: ‘Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan semua jin dan manusia bersama-sama”*
Surah as-Sajadah : 13

Tanda-tandanya ada dua perkara:

Pertama: Seseorang yang mengatakan: “*Aku rindu untuk bertaubat, tetapi aku terhalang sehingga aku tidak berharap mampu bertaubat*.” Ini adalah orang yang berputus asa dan binasa.

Kedua: Seseorang yang tidak tertinggal di dalam dirinya sifat rindu untuk bertaubat, tetapi dia berkata: “*Allah Maha Mulia lagi Maha Penyayang. Dia tidak memerlukan taubatku namun tidak akan menjadi sempit Syurga yang luas dan keampunan yang menyeluruh bagiku.”*

Ini adalah orang miskin, akalnya telah menjadi tawanan syahwatnya dan tidak digunakan kecuali dalam mengambil tipu daya syahwat. Akalnya seperti muslim ditawan oleh orang-orang kafir. Orang kafir itu sangat menghina dan memerintahkannya untuk memelihara khinzir dan menjaga khamar, dan memanggulnya di atas leher dan bahunya menuju rumah-rumah mereka.

Lihatlah bagaimana keadaan seorang hamba ketika diambil oleh anak raja yang paling mulia dan diserahkan kepada musuhnya yang paling bengis sehingga

memperhambakan dan menghinanya. Seperti itulah keadaan orang yang lalai terhadap Allah SWT, kita memohon perlindungan kepada Allah dari hal tersebut.

Tahap pertengahan[66]: hendaklah kamu tidak putus-putus untuk jihad. Akan tetapi, pertempuran antara kedua-duanya adalah persaingan, kadangkala menang dan kadangkala kalah. Ini termasuk orang-orang yang berjuang.

Allah SWT berfirman:

خَلَطُواْ عَمَلاً صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا

Maksudnya: “*Mereka mencampur baurkan pekerjaan yang baik dengan pekerjaan yang buruk.*”

Surah at-Taubah: 102

Tandanya adalah meninggalkan syahwat yang lemah dan tidak berdaya menghadapi syahwat yang lebih kuat. Kadang-kadang dia dapat menundukkannya pada suatu waktu namun pada waktu lain tidak. Dalam setiap keadaan dia menyesal atas kelemahannya dan terus menerus membiasakan diri untuk memeranginya. Hal itu merupakan jihad yang paling besar bilamana dia bertaqwa dan membenarkan adanya pahala yang terbaik iaitu

---

[66] Dalam kitab *al-Makhtutah*: Telah didahulukan tahap pertengahan daripada tahap terendah dan ianya betul mengikut susunan dalam menyusun tahap.

Syurga, maka kelak Kami akan menyiapkan jalan yang mudah.

Kesimpulannya, seseorang itu lebih rendah daripada binatang jika dia tidak membetulkan syahwat dengan kekuatan akal, kerana dia telah dianugerahi akal sedangkan binatang tidak diberi akal.

Allah SWT berfirman:

إِنْ هُمْ إِلَّا كَٱلْأَنْعَـٰمِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

Maksudnya: *“Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi jalannya.”*

Surah al-Furqan: 44

Keperluan Untuk Bersabar Secara Umum

Ketahuilah, sesungguhnya keperluan untuk bersabar berlaku secara umum dalam semua keadaan, kerana apa yang menimpa seseorang dalam hidup ini tidak lepas dari dua bentuk:

Bentuk pertama : Iaitu ada kalanya sesuai dengan hawa nafsu atau bertentangan dengannya. Maka bila sesuai dengan hawa nafsunya seperti sihat, selamat, kaya, pangkat dan ramai anggota keluarga maka dia lebih memerlukan sabar bersamanya. Sesungguhnya apabila tidak membatasi dirinya, maka dia akan melakukan

sewenang-wenangnya dan leka dalam bersenang lenang dan mengikut hawa nafsu serta melupakan yang memulakan dan yang mengakhiri.

Para sahabat Nabi R.A berkata : "*Kami diberikan ujian kesempitan, maka kami bersabar. Kami diuji dengan kemudahan maka kami tidak dapat bersabar*."

Oleh kerana itu, dikatakan: "*Setiap kaum mukmin akan bersabar dalam menghadapi musibah, tetapi hanya orang-orang yang benar sahaja (Siddiq) yang bersabar tatkala sihat*." Makna sabar disini, hendaklah tidak bersandar terhadapnya dan mengetahui bahawa semua itu adalah titipan baginya dan kembali dalam waktu terdekat. Hendaklah ia tidak disibukkan dengan kelalaian dan bersenang-lenang serta menunaikan kewajipan mensyukuri nikmat. Perkara itu merupakan suatu penjelasan yang panjang.

Bentuk kedua adalah yang bertentangan dengan hawa nafsu. Itu terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

Bahagian pertama: Ketaatan.

Nafsu berpaling dari sebahagian ketaatan disebabkan oleh kemalasan seperti solat, dan berpaling dari sebahagiannya kerana kebakhilan seperti zakat, berpaling dari sebahagiannya yang lain disebabkan kedua-duanya

seperti haji dan jihad, dan sabar di atas ketaatan termasuk hal yang berat.

Orang yang taat memerlukan kesabaran dalam tiga keadaan:

Keadaan pertama: memulakan ibadah dengan meluruskan keikhlasan kemudian sabar dari celanya riak dan tipu syaitan serta hawa nafsu.

Keadaan kedua: Keadaan amal hendaknya tidaklah malas dan benar-benar menunaikan fardhu serta sunatnya. Menunaikannya sesuai dengan adab disertai menghadirkan hati dan menghindarkan sifat was-was.

Keadaan ketiga: Setelah selesai hendaklah bersabar dengan tidak menyebut dan menyebarkannya untuk dinampakkan usaha dipuji dan diperdengarkan. Semua itu termasuk sabar yang berat bagi jiwa.

Bahagian kedua: Kemaksiatan.

Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

اَلْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ هَوَاهُ, وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ السُّوْءَ

Maksudnya *“Orang yang berjuang adalah orang yang memerangi hawa nafsunya.* [67] *Manakala orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan keburukan.*”[68]

Sabar dalam menjauhi kemaksiatan adalah lebih berat terutama kemaksiatan yang telah menjadi kebiasaan yang mudah dilakukan. Sebab nampak di dalamnya dua tentera yang menghadapi dorongan agama. Iaitu pasukan hawa nafsu dan pasukan kebiasaan.

Oleh kerana itu, bila berkumpul terhadap hal itu kemudahan untuk melakukannya dan ringan belanja di dalamnya maka tidak akan bersabar terhadapnya kecuali orang-orang yang benar. Demikian juga hal itu seperti maksiat lisan kerana sesungguhnya hal tersebut adalah mudah. Ini termasuk di dalamnya seperti mengumpat, berdusta, perdebatan dan memuji diri sendiri. Dalam menolak hal tersebut, diperlukan pelbagai jenis kesabaran yang lebih kuat

Bahagian ketiga: Apa yang tidak berhubung dengan usaha seorang hamba tetapi dia mempunyai usaha dalam menolak dan meraihnya.

---

[67] Diriwayatkannya oleh Imam Hakim daripada hadis fadhilat dengan lafaz: ((nafsunya)) diganti dengan ((hawanya)) dan mensahihkannya. Diriwayatkannya oleh Imam Ahmad, Imam Tirmizi, Imam Ibnu Hibban, Imam at-Thabrani, Imam al-Qadha’ie, Imam Nasaie.

[68] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Majah dengan sanad yang Hasan. Kitab *Ihya’ Ulumiddin* 4/140, *Ithaf Sadatul Muttaqin*: 7/413.

Misalnya, gangguan yang diperolehi dari orang lain, baik dengan tangan mahupun lisan. Maka sabar atas hal itu dengan menahan diri untuk membalasnya pada satu waktu wajib dan pada waktu lain sunat.

Sebahagian sahabat berkata: "*Kami tidak menganggap keimanan seseorang apabila dia tidak bersabar menghadapi gangguan dari orang lain*."

Allah SWT berfirman:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا ۚ وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *"Dan mengapa pula kami tidak berserah diri kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan untuk tiap-tiap seorang dari kami menjalaninya? Dan demi sesungguhnya, kami akan bersabar terhadap segala perbuatan kamu menyakiti kami dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah."*

Surah Ibrahim: 12

Allah SWT berfirman:

وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

Maksudnya: *"…Janganlah engkau hiraukan usikan dan celaan mereka, serta berserahlah kepada Allah (memelihara keadaanmu)….*"

Surah al-Ahzab: 48

Allah SWT berfirman:

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ ﴿٩٧﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُن مِّنَ ٱلسَّـٰجِدِينَ ﴿٩٨﴾

Maksudnya: *"Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah hati dengan sebab apa yang mereka katakan. Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud."*

Surah al-Hijr: 97-98

Bahagian Keempat: Apa yang awal dan akhirnya tidak masuk di dalam pilihan seperti musibah-musibah dengan kematian orang-orang yang dicintai, musnahnya harta, sakit dan hilang sebahagian anggota badan. Dengan bersabar terhadapnya termasuk kedudukan yang tertinggi.

Ibnu Abbas R.A berkata : "*Sabar di dalam al-Quran ada tiga tahap*:

1) Sabar dalam menunaikan perkara-perkara fardhu baginya tiga ratus darjat.

2) Sabar dalam meninggalkan apa yang diharamkan Allah SWT baginya enam ratus darjat.
3) Bersabar dalam menghadapi musibah Ketika permulaan menimpa nya sembilan ratus darjat.”

Nabi SAW bersabda:

اِذَا اِبْتَلَيْتُ عَبْدِيْ بِبَلاَءٍ فَصَبَرَ وَلَمْ يَشْتَكِ اِلَى عُوَادِهِ أَبْدَلْتُهُ لَحْمًا خَيْرًا مِنْ لَحْمِهِ, وَ دَمًّا خَيْرًا مِنْ دَمِّهِ, فَاِنْ أَبْرَأْتُهُ أَبْرَأْتُهُ وَ لاَ ذَنْبَ لَهُ وَ اِنْ تَوَفَّيْتُهُ فَأِلَى رَحْمَتِيْ ،

Maksudnya “Allah SWT berfirman dalam hadis qudsi yang bermaksud *“Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan suatu ujian, kemudian bersabar dan tidak mengadu kepada orang-orang yang menziarahinya, maka Aku mengganti dagingnya dengan daging yang lebih baik daripada dagingnya. Dan mengganti darahnya dengan darah yang lebih baik daripada darahnya. Maka jika aku menyembuhkannya, Aku menggantikannya dan tiada dosa baginya. Dan bila Aku mewafatkannya, maka dia berpulang ke rahmat-Ku.”*[69]

Nabi SAW bersabda:

---

[69] Dikeluarkannya oleh Imam Malik dalam kitab *Muwattha’* dan diriwayatkannya oleh Imam Baihaqi secara *mauquf* dari jalur Abu Hurairah. Imam az-Zabidi: Diriwayatkannya oleh Imam Hakim secara *marfu’*, Imam at-Thabrani dan Imam Ibnu ‘Asakir. Kitab *al-Ithaf*: 11/55.

اِذَا وَجَّهْتُ اِلَى عَبْدِ مِنْ عَبِيْدِيْ مُصِيْبَةً فِيْ بَدَنِهِ أَوْ فِيْ مَالِهِ أَوْ وَلَدِهِ, ثُمَّ اسْتَقْبِلِ ذِلِكَ بِصَبْرٍ جَمِيْلٍ, اِسْتَحْيَيْتُ مِنْهُ يَوْمُ ٱلْقِيَامة أَن أَنْصُبَ لَهُ مِيْزَاناً

"Allah SWT berfirman dalam hadis qudsi yang bermaksud, "*Apabila Aku menimpakan musibah kepada hamba-Ku di antara hamba-hambaKu di dalam badan, harta atau anaknya, kemudian dia menghadapinya dengan kesabaran yang indah maka Aku rasa malu kepadanya pada hari kiamat untuk menimbang amalannya atau membuka kitab catatan amal baginya.*'"[70]

Nabi SAW bersabda:

اِنْتِظَارُ ٱلْفَرَجِ بِالصَّبْرِ عِبَادَةٌ

"*Menunggu masa lapangan/kesenangan dengan kesabaran adalah ibadah*."[71]

Nabi SAW bersabda:

---

[70] Diriwayatkan oleh Ibnu 'Adiy dengan sanad yang lemah. Diriwayatkan juga oleh Imam Hakim, Imam Tirmizi dan Imam ad-Dailami. Kitab *al-Ithaf*: 11/52.

[71] Dikeluarkannya oleh Imam Qudha'ie dan Imam Ibnu Abi Dunia dengan sanad-sanad yang lemah

مِنْ اِجْلاَلِ اللهِ تَعَالَى وَ مَعْرِفَةِ حَقِّهِ أَنْ لَا تَشْكُوْ وَجْعَكَ, وَلاَ تُذَكِّرُ مُصِيْبَتَكَ

"A*ntara pengagungan kepada Allah SWT dan mengetahui hak-Nya ialah hendaklah kamu tidak mengadukan rasa sakitmu dan tidak menyebutkan musibah yang menimpamu*."[72]

Kini kamu benar-benar telah mengetahui bahawa kamu memerlukan kesabaran dalam semua waktumu. Jelas bahawa sabar merupakan separuh dari iman dan separuh yang lain adalah berkaitan dengan perbuatan. Iaitu bersyukur.

Nabi SAW bersabda:

اَلْأِيمَانُ نِصْفَيْنِ : نِصْفُ صَبْرٌ, وَ نِصْفُ شُكْرٌ

Maksudnya "*Iman itu terbahagi kepada dua bahagian, separuhnya adalah sabar dan separuh yang lain adalah syukur*."[73]

Hal ini dipandang dari segi perbuatan-perbuatan dan mengungkapkannya dengan beriman terhadapnya.

---

[72] Diriwayatkannya oleh Imam Abu Dunya daripada Sufyan daripada sebahagian fuqaha'.

[73] Dikeluarkannya oleh Imam Baihaqi dalam kitab *Syu'abul Iman* dan Imam Abu Mansur ad-Dailami daripada riwayat Yazid ar-Ruqashi dan ianya lemah.

Asas Kelima
Syukur
(الشكر)

Asas 5: Syukur

(Asy-Syukru)

Sesungguhnya Allah SWT berfirman:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

Maksudnya: "*Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hambaKu yang bersyukur".*

Surah as-Saba' ayat 13

Allah SWT berfirman:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ

Maksudnya: *"Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu".*

Surah Ibrahim ayat 07

Allah SWT berfirman:

فَٱذْكُرُونِيٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُواْ لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Maksudnya: "*Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah*

kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)".

Surah Al-Baqarah ayat 152

Allah SWT berfirman:

وَسَيَجۡزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: *"..dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)".*

Surah Ali "Imran ayat 144

Allah SWT berfirman:

مَّا يَفۡعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمۡ إِن شَكَرۡتُمۡ وَءَامَنتُمۡۚ

Maksudnya: "*Apa gunanya Allah menyeksa kamu sekiranya kamu bersyukur (akan nikmatNya) serta kamu beriman (kepadaNya)?"*

Surah An-Nisa' ayat 147

Nabi SAW bersabda :

لِلطَّاعِمِ الشَّاكِرِ مَنْزِلَةُ الصَّائِمِ الصَّابِرِ عِنْدَ اللهِ

Maksudnya: "*Orang yang makan dan bersyukur, kedudukannya di sisi Allah SWT seperti seorang yang berpuasa yang sabar*." [74]

---

[74] Hadis riwayat Tirmizi dengan status hasan dan juga Ibnu Majah.

Rasulullah SAW menangis dalam solat tahajjudnya, lalu Sayyidatina Aisyah r.a bertanya, *"Apakah yang membuatmu menangis? Sesungguhnya Allah SWT telah mengampuni dosa-dosamu yang lalu dan akan datang*".

Nabi SAW menjawab :

أَفَلاَ أَكُوْنَ عَبْدًا شَكُوْرًا

Maksudnya: "*Tidak bolehkah aku menjadi hamba yang bersyukur?*. [75]

Dan Nabi SAW bersabda :

يُنَادِي يَوْمِ اْلقِيَامَة لِيَقُمِ الحَمَّادُوْنَ, فَتَقُوْمُ زُمْرَةٌ فَيُنْصَبُ لَهُمْ لِوَاءٌ فَيَدْخُلُوْنَ الْجَنَّةَ. فَقِيْلَ : وَ مَا الْحَمَّادُوْنَ؟ قَالَ : اَللَّذِيْنَ يَشْكُرُوْنَ اللهَ عَلىَ كُلِّ حَالٍ

Maksudnya:; "*Pada hari kiamat nanti akan diseru, "Bangunlah wahai golongan Hammadun. Maka berdirilah satu golongan, kemudian mereka diserahkan satu bendera, lalu mereka masuk ke dalam syurga*". Maka Baginda ditanya; "Siapakah golongan *Hammadun* itu?. Maka Baginda SAW bersabda; " *Mereka adalah orang-*

[75] Hadis riwayat Muslim dari Sayyidatina Aisyah secara ringkas. Juga diriwayatkan oleh Bukhari melalui al-Mughirah.

orang yang senantiasa mensyukuri nikmat Allah dalam setiap keadaan”.[76]

Nabi SAW bersabda :

اَلْحَمْدُ رِدَاءُ الرَّحْمَانِ

Maksudnya:; “*Puji-pujian adalah selendang (pakaian kebesaran) Allah Yang Maha Pengasih”*.[77]

Syukur Adalah Sebahagian Kedudukan Yang Tinggi.

Ketahuilah bahawa syukur itu adalah salah satu daripada kedudukan yang tertinggi. Ianya lebih tinggi daripada kedudukan sabar, *khauf*, zuhud dan pelbagai kedudukan yang telah dibicarakan sebelum ini. Ini adalah kerana semua tersebut (sabar, *khauf*, zuhud dan sebagainya) bukan memfokuskan ke dalam dirinya, tetapi yang ditujui ialah perkara diluar dirinya. Sepertimana kesabaran yang dikehendaki darinya ialah penggagahan terhadap hawa nafsu. *Al-Khauf* pula adalah sokongan yang mengiringi orang-orang yang takut pada makam-makam terpuji yang

---

[76] Diriwayatkan oleh Thabrani, Abu Nu’aim dan Baihaqi di dalam *Syu’ab*. Di dalam senarai perawinya terdapat Qis bin ar-Rabei’ dan jumhur ulama hadis mendhaifkannya.

[77] Dalam riwayat yang sahih daripada Abi Hurairah : الكبرياء رداؤه maksudnya; “ *Berbesar diri itu selendang kebesaranku*”. *Ithaf,*11/94. Namun lafaz seperti yang dinukilkan Imam Ghazali menurut al-Iraqi tidak didapati asalnya.

ditujuinya. Zuhud pula adalah lari daripada ikatan-ikatan yang menyibukkan dari Allah SWT.

Adapun syukur, ia ada jati dirinya sendiri yang tidak terhenti di syurga sahaja. Syukur bukanlah taubat, tidak juga *khauf*, bukanlah sabar dan zuhud. Syukur adalah suatu yang selamanya di dalam syurga.

Demikian itu, Allah SWT berfirman:

وَءَاخِرُ دَعْوَىٰهُمْ أَنِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠﴾

Dan akhir doa mereka ialah segala puji dipersembahkan kepada Allah yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam!

Surah Yunus ayat 10

Kamu akan mengetahui hakikat ini dengan mengetahui hakikat syukur. Sesungguhnya syukur itu terdiri daripada tiga entiti iaitu ilmu, keadaan dan amal.

Entiti pertama : Ilmu. Ia adalah perkara pokok yang menghasilkan “keadaan”. “Keadaan” pula menghasilkan “amal”. Kesemua tiga entiti ini adalah merupakan rukun-rukun.

Rukun Pertama : Ilmu.

Pengetahuan mengenai nikmat dan Pemberi Nikmat, kerana keseluruhan nikmat itu adalah berasal daripada

Allah SWT. Ia Tunggal di kalangan semua penerima nikmat. Semua para perantara adalah terpaku dan tunduk kepadaNya. Inilah pengetahuan yang terhasil di sebalik penyucian dan ketauhidan, kedua-duanya adalah termasuk di dalam syukur.

Bahkan susunan keutamaan di dalam pengetahuan keimanan adalah penyucian. Kemudian apabila kamu mengetahui Zat Yang Maha Suci dan kamu mengetahui bahawa tiada yang suci melainkan Yang Maha Esa, maka itulah tauhid.

Kemudiannya apabila kamu mengetahui bahawa segala sesuatu di alam semesta ini wujudnya disebabkan Yang Maha Esa itu. Semua itu merupakan nikmat dariNya semata. Maka itu disebut pujian.

Semua turutan ini ditunjukkan isyaratnya di dalam sabda Baginda SAW :

مَنْ قَالَ سُبْحَانَ اللهِ فَلَهُ عَشْرُ حَسَنَاتٍ, وَ مَنْ قَالَ لَا اِلَهَ اِلاَّ اللهُ فَلَهُ عِشْرُوْنَ حَسَنَاتٍ, وَ مَنْ قَالَ الْحَمْدَللهِ فَلَهُ ثَلاَثُوْنَ حَسَنَاتٍ

Maksudnya: "*Barangsiapa yang menyebut Subhanallah (Maha Suci Allah) maka baginya sepuluh kebaikan, barangsiapa yang menyebut La Ilaha Illallah (Tiada Tuhan melainkan Allah) maka baginya dua puluh kebaikan, barangsiapa yang menyebut Alhamdulillah (Segala puji bagi Allah) maka baginya tiga puluh kebaikan*."

Ini adalah kerana menyuci dan mengesakan Allah SWT, kedua-duanya termasuk di dalam pujian dan penambahannya. Kesemua darjat-darjat ini adalah berdasarkan pengetahuan.

Adapun pergerakan lidah, maka kelebihannya adalah bergantung kepada pancaran daripada makrifah dan tajdid yang terhasil daripada keyakinannya di dalam hati. Sesungguhnya mulut itu adalah alat untuk menghilangkan kelalaian agar kesannya tetap berterusan.

Ketahuilah juga tatkala kamu menyakini bahawa selain daripada Allah SWT mempunyai kepentingan di dalam kenikmatan yang sampai kepadamu, maka tidak sah segala pujianmu. Ia juga bermakna tidak sempurna jugalah makrifah dan syukurmu.

Seperti seseorang yang mendapat anugerah dari seorang Raja. Dia masih meletakkan terdapatnya pertolongan Menteri dalam penghasilan anugerah tersebut atau menyampai dan memudahkan penganugerahan tersebut. Semuanya itu adalah bersekutu di dalam nikmat. Kamu berasa gembira dengan nikmat yang terhasil dari dua peranan tersebut.

Sememangnya, jika kamu melihat anugerah yang sampai kepadamu bertandatangan Raja dengan penanya. Maka hal ini tidak mengurangkan nilai syukurmu, kerana kamu mengetahui bahawa pena itu ditundukkan kepadanya

(Raja) dan tidak ada sebahagian pun kenikmatan itu untuk dirinya sendiri.

Oleh itu, hati kamu tidak boleh meletakkan kebahagian tersebut kepada pena dan mensyukurinya. Kerana kadangkala tiada keperluan menolehpun kepada penjaga gedung anugerah atau wakilnya apabila kita memahami bahawa kedua-duanya memerlukan habuan setelah bekerja. Kedua-duanya ditundukkan, maka tiada bahagian untuk kedua-duanya di dalam kenikmatan tersebut.

Maka demikianlah juga bagi orang yang telah dibuka pandangan batinnya, dia mengetahui bahawasanya matahari, bulan, bintang dan bumi adalah tunduk kepada perintah Allah SWT seperti pena, kertas dan tinta dalam satu proses tandatangan. Sesungguhnya hati makhluk adalah termasuk gudang kekayaan Allah SWT.

Sedangkan kuncinya ada di tangan Allah SWT Kemudian Allah SWT membuka pintu tersebut dengan menguasainya melalui dorongan yang kuat sehingga dia yakin bahawa kebaikannya ada dalam memberi, sebagai satu contoh.

Ketika itu, dia tidak dapat meninggalkan perbuatan memberi sehingga memerlukan usaha daripada sesuatu yang dia kuasai iaitu dorongan dan usaha. Ini adalah kerana tiada seorangpun yang akan memberimu sesuatu kecuali dengan kerana dengan tujuan untuk dirinya

sendiri. Samada untuk mendapat manfaat dengannya di akhirat yang berupa pahala atau pujian dan sebutan dalam kehidupan duniawi atau pelbagai sebab lain.

Orang yang tidak mengetahui bahawa kemanfaatannya ada di dalam kemanfaatanmu, maka dia tidak akan memberimu. Maka, orang tersebut bukanlah orang yang boleh memberikan manfaat buat dirimu kerana dia hanya berusaha untuk dirinya sahaja.

Sesungguhnya yang akan memberikan kenikmatan kepadamu adalah Zat Yang Menundukkan dia dan menguasai dorongan-dorongan ini ke atasnya. Dia menetapkan terhadap dirinya bahawa tujuannya adalah tergantung pada penunaian dan pemberian nikmat. Apabila kamu mengetahui masalahnya adalah seperti tersebut, maka kamulah orang yang mengesakan Allah SWT dan tergambarlah syukur darimu. Bahkan, pengetahuan ini merupakan hakikat syukur.

Nabi Musa a.s. dalam munajatnya bersabda :
"Tuhanku! Telah Engkau ciptakan Adam a.s. dengan kekuasaanMu, Engkau telah terus mencipta dan mencipta. Maka bagaimanakah caranya aku bersyukur kepadaMu?" Allah SWT menjawab "*Mengetahui bahawa perkara tersebut berasal dariKu, maka pengetahuan tersebut adalah merupakan syukur kepadaKu*".

Rukun Kedua: "Keadaan" iaitu suatu yang timbul daripada pengetahuan. Ianya ialah kegembiraan terhadap

zat Yang Maha Pemberi Nikmat dengan disertai ketundukan dan pengagungan.

Barangsiapa yang dianugerahi seekor kuda oleh seorang Raja, maka akan tergambar kegembiraan dengan anugerah tersebut dari tiga sisi.

Pertama : dari satu sisi, dia akan dapat mengambil manfaat dari kuda tersebut.

Atau yang kedua : dari sisi yang lain ia menunjukkan pertolongan Raja dengan keadaannya, dan dia akan memberikan kenikmatan terhadapnya dengan sesuatu yang lebih agung dibandingkan dengannya.

Ketiga : dari satu sisi, dia dapat memanfaatkan kuda tersebut untuk menjadi tunggangan baginya hinggakan dia dapat pergi mengadap Raja dan melayaninya.

Perkara pertama di atas bukanlah menunjukkan bersyukur. Kerana sesungguhnya dia bergembira dengan nikmat tetapi bukan kepada yang Maha Pemberi Nikmat. Perkara kedua, meskipun ia termasuk bersyukur, tetapi masih lagi bersifat lemah berbanding yang ketiga.

Maka, dalam kesempurnaan bersyukur, hendaklah dia bergembira dengan apa yang dibukakan Allah SWT berupa nikmatNya. Ianya bukanlah semata-mata mengecapi nikmat, tetapi dengan nikmat di sisi tersebut memudahkan perjalanan menuju kepadaNya. Maka,

disebabkan nikmat-nikmatNya itulah kesolehan menjadi sempurna.

Sebagai tanda (kesolehan yang sempurna) hendaklah dia tidak gembira dengan segala nikmat yang akan melalaikannya dari mengingati Allah SWT bahkan bersedih. Dia bergembira apabila dicegah dan dipalingkan Allah SWT dari kesibukan dan kelebihan duniawi.

Inilah syukur yang paling sempurna. Barangsiapa yang tidak mampu, hendaklah dia memilih yang kedua. Adapun yang pertama adalah yang gembira dengan nikmat tetapi bukan dengan Pemberi Nikmat, maka ini langsung tidak termasuk di dalam syukur.

Rukun Ketiga : Amal.

Perkara demikian adalah dengan menggunakan kenikmatan yang Allah SWT kurniakan kepadanya untuk mencapai apa yang dicintaiNya dan bukan apa yang membawa kemaksiatan kepadaNya.

Perkara ini sukar dilaksanakan melainkan kepada mereka yang mengetahui hikmah-hikmah Allah SWT di dalam semua ciptaanNya. Namun yang menjadi persoalan ialah mengapa Allah SWT menciptakan segala sesuatu ini? Perbahasan perkara tersebut adalah Panjang dan kami telah perjelaskannya di dalam kitab *Ihya' Ulumiddin.*

Kesimpulannya, hendaklah diketahui seperti mata contohnya merupakan nikmat dari Allah SWT Maka mensyukurinya ialah dengan menggunakannya dengan membaca al-Quran, buku-buku ilmiah, membuat penelitian terhadap langit dan bumi untuk mengambil pengetahuan dengan mengagungkan Penciptanya. Begitu juga menutupkan pandangan terhadap setiap keaiban umat Islam yang terbuka.

Menggunakan telinga untuk mendengar zikir dan pelbagai perbincangan yang bermanfaat untuk akhirat. Namun hendaklah berpaling dari mendengar cacian dan umpatan.

Menggunakan lisan dalam berzikir mengingati Allah SWT dan memujiNya. Lisan digunakan daam menampakkan rasa syukur kepadaNya dan bukannya berupa keluhan.

Barangsiapa yang tatkala ditanya mengenai keadaannya, kemudian dia mengeluh, maka dia telah berbuat maksiat kepada Allah SWT Kerana dia telah mengadukan tindakan Penguasa Langit kepada hamba yang hina dan tidak mampu melakukan sesuatu. Akan tetapi apabila dia bersyukur (dengan keadaannya) maka dialah orang yang taat.

Adapun syukurnya “hati”, apabila hati digunakan untuk berfikir, berzikir dan mencari makrifah. Merahsiakan kerja kebaikannya terhadap makhluk dan niat yang baik. Demikian jugalah terhadap tangan, kaki dan semua

anggota tubuh yang lain termasuk harta benda dan sebagainya yang tak terjangkau.

Siapakah orang yang mendapat darjat kesyukuran yang sempurna?

Ketahuilah bahawa orang mendapat kesempurnaan syukur hanya orang yang dadanya dilapangkan Allah SWT terhadap Islam. Maka, dia berada di atas cahaya yang datang dari Allah SWT mata hatinya mampu melihat segala sesuatu hikmah dan rahsia serta perkara kecintaan kepada Allah SWT Barangsiapa yang tidak tersingkap perkara tersebut, maka wajiblah dia mengikut sunnah dan Batasan-batasan syariat sehinggalah pelbagai rahsia syukur mengukuhkannya.

Hendaklah diketahui sekiranya dia memandang kepada wanita yang bukan mahramnya, maka dia telah mengingkari nikmat mata, nikmat matahari dan segala nikmat yang tanpanya pandangan menjadi tidak sempurna. Namun pandangan hanya menjadi sempurna dengan mata dan cahaya matahari, sedangkan matahari menjadi sempurna jika adanya langit. Maka dia juga seakan-akan mengingkari nikmat Allah SWT di langit dan di bumi.

Bandingkanlah juga contoh ini dengan segala jenis kemaksiatan. Jika sesungguhnya ia hanya menghunjam dengan sebab-sebab yang mendorong wujud segalanya

makhluk langit dan bumi. Perkara ini adalah kajian di lembah yang sangat dalam yang kami isyaratkan perbincangannya di dalam kitab *Syukur* dari kitab induk *Ihya' Ulumiddin*. Berikut ini memadailah satu contoh buatmu.

وَٱلَّذِينَ يَكۡنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلۡفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿٣٤﴾ يَوۡمَ يُحۡمَىٰ عَلَيۡهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكۡوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمۡ وَجُنُوبُهُمۡ وَظُهُورُهُمۡۖ هَٰذَا مَا كَنَزۡتُمۡ لِأَنفُسِكُمۡ فَذُوقُواْ مَا كُنتُمۡ تَكۡنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya *Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*
(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.

Surah at-Taubah ayat 34-35

Dikatakan bahawa "*Barangsiapa minum dengan menggunakan bekas daripada emas dan perak, maka*

seakan-akan menggelegak di dalam perutnya neraka Jahannam”.[78]

Dan dikatakan kepadanya;

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَـٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.

Surah al-Baqarah ayat 275

Maka orang-orang yang Soleh teguh diperbatasan syariat dan tidak mengetahui rahsia-rahsianya. Manakala orang-orang yang ‘Arif meneliti rahsia-rahsia melalui diri mereka sendiri dan apabila menyaksikan penyaksian syariat bertambahlah cahayanya di atas cahaya.

Adapun orang-orang yang buta dan jahil tidak berdiri di atas batasan syariat dan tergelincir di atas kesemua rahsia. Mereka tidaklah seperti hamba yang bertaqwa dan

---

[78] Hadis riwayat Darul Qutniy daripada Ibnu Umar dan daripada Ummu Salamah, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda ”*Orang-orang yang minum daripada bekas-bekas daripada perak akan mengelegak di dalam perut mereka api Jahannam*. Hadis Muttafaq Alaih. Satu riwayat dari Muslim, “*Orang yang makan dan minum di dalam bekas emas dan perak……*” *Mishkat Al-Masobih* 2/1231-1234.

juga tidak seperti orang merdeka yang mulia. Mereka adalah orang-orang yang telah difirmankan oleh Allah SWT dan tetaplah ketetapan terhadap mereka;

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٣﴾

“Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka Jahannam dengan semua jin dan manusia (yang pada masa hidupnya tidak berusaha untuk beriman dan beramal soleh)".

Surah aAs-Sajadah ayat 13

FirmanNya lagi;

۞ أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ

Maksudnya *"Maka adakah orang yang mengetahui bahawa al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta mata hatinya? "*

Surah ar-Ra’d ayat 19

FirmanNya lagi;

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾ قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ

بَصِيرًا ۝١٢٥ قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ

124. "Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".
125. Ia berkata: "Wahai Tuhanku, mengapa Engkau himpunkan daku dalam keadaan buta, padahal aku dahulu melihat?"
126. Allah berfirman: "Demikianlah keadaannya! Telah datang ayat-ayat keterangan Kami kepadamu, lalu engkau melupakan serta meninggalkannya, dan demikianlah engkau pada hari ini dilupakan serta ditinggalkan".

Surah Taha ayat 124-126

Ayat-ayat Allah SWT merupakan hikmah-hikmahNya yang dianugerah kepada para makhlukNya. Sesungguhnya telah disampaikan kepada makhlukNya melalui lisan para Nabi Alaihimus salam sebagaimana dijelaskan dalam keseluruhan syariat, dari awal sampai akhirnya.

Tidak terdapat satupun ketetapan daripada ketetapan-ketetapan Allah SWT melainkan terdapat rahsia padanya. Sesuatu yang khusus dan hikmah yang hanya diketahui oleh orang yang mengetahuinya dan diingkari hanya oleh orang yang tidak mengetahuinya.

Penjelasan mengenai perkara tersebut amat panjang. Maka, carilah di dalam kitab “Syukur”.(dalam *Ihya’*) Dengan kesempurnaan syukur yang tidak terbayang kecuali dari orang yang tegak kerana Allah SWT semata-mata, ikhlas, tiada kecintaan kepada selainNya.

Maka, seterusnya kami akan bahaskan mengenai ikhlas dan benar.

Asas Keenam
Ikhlas
dan
Benar
(الإخلاص و الصِّدْق)

Asas 6: Ikhlas dan Benar

(Fi al-Ikhlas wa al-Sidq)

Ketahuilah bahawa ikhlas itu mempunyai hakikat, asas dan kesempurnaan. Maka ini adalah 3 rukunnya.

- ✓ Asas ialah niat yang terdapat ikhlas di dalamnya.
- ✓ Hakikat pula ialah menolak sebarang pencampuran yang tidak baik terhadap niat.
- ✓ Manakala kesempurnaan ikhlas ialah benar.

Rukun Pertama: Niat

Firman Allah SWT:

وَلَا تَطۡرُدِ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ رَبَّهُم بِٱلۡغَدَوٰةِ وَٱلۡعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجۡهَهُۥۖ

Maksudnya: "Dan janganlah Engkau usir orang-orang yang beribadat dan berdoa kepada Tuhan mereka pagi dan petang, sedang mereka menghendaki keredaanNya semata-mata."

Surah al-An'am: 52

Makna niat ialah mengharapkan keredhaan Allah Ta'ala semata-mata.

Dan Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: *"Hanyasanya amalan-amalan itu adalah berdasarkan niat." Hadis.*[79]

Seterusnya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَرْفَعُ صَحِيفَةَ عَمَلِ الْعَبْدِ فَيَقُولُ اللهُ تَعَالَى: أَلْقُوهَا، فَإِنَّهُ لَمْ يرِدْ بِهَا وَجْهِي وَاكْتُبُوا لَهُ كَذَا وَكَذَا. فَتَقُولُ الْمَلَائِكَةُ: إِنَّهُ لَمْ يَعْمَلْ مِنْهَا شَيْئًا، فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: إِنَّهُ نَوَاهُ، إِنَّهُ نَوَاهُ.

Maksudnya: *"Sesungguhnya malaikat mengangkat lembaran catatan amalan seorang hamba lalu Allah Ta'ala berfirman: Campaklah lembaran ini kerana sesungguhnya dia tidak melakukan amalan kerana Aku namun catatlah baginya (kebaikan) begitu begini. Lalu malaikat bertanya: Sesungguhnya dia tidak melakukan sedikit pun amal daripadanya. Kemudian Allah menjawab: Sesungguhnya dia telah berniat untuk melakukannya, sesungguhnya dia telah berniat untuk melakukannya."* [80]

---

[79] Diriwayat oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.

[80] Riwayat al-Dar al-Qutni dengan isnad yang hasan.

Rasulullah SAW bersabda:

النَّاسُ أَرْبَعَةٌ: رَجُلٌ آتاهُ اللهُ مَالًا وَعِلْمًا فَهُوَ يَعْمَلُ بِعِلْمِهِ فِي مَالِهِ، فَيَقُولُ رَجُلٌ: لَوْ آتَانِيَ اللهُ مَا آتَاهُ لَعَمِلْتُ كَمَا يَعْمَلُ، فَهُمَا فِي الْأَجْرِ سَوَاءٌ. وَرَجُلٌ آتَاهُ اللهُ مَالًا وَلَمْ يُؤْتِهِ عِلْمًا فَهُوَ يَخْبِطُ بِجَهْلِهِ فِي مَالِهِ، فَيَقُولُ رَجُلٌ: لَوْ آتَانِيَ اللهُ تَعَالَى مَا آتَاهُ لَعَمِلْتُ كَمَا يَعْمَلُ، فَهُمَا فِي الوِزْرِ سَوَاءٌ.

Maksudnya: *"Manusia itu ada empat golongan: (Golongan pertama) ialah seseorang yang Allah kurniakan harta dan ilmu lalu dia beramal dengan ilmunya menunaikan tuntutan terhadap hartanya, Lalu berkata (golongan kedua iaitu) seorang lelaki (yang dikurniakan ilmu namun tidak dikurniakan harta): Sekiranya Allah mengurniakan aku akan harta sebagaimana dikurniakan kepada lelaki (golongan pertama) tadi, nescaya aku akan melakukan sebagaimana yang dia lakukan (terhadap tuntutan harta). Kemudian (baginda Nabi bersabda) kedua-dua golongan ini dari segi pahala adalah sama. Dan (golongan ketiga ialah) seorang lelaki yang dikurniakan harta namun tidak dikurniakan ilmu, maka dia telah memboroskan harta (pada perkara yang tidak sepatutnya) disebabkan kejahilanya, lalu (golongan keempat iaitu) seseorang lelaki (yang tidak dikurniakan harta dan ilmu): Kalaulah aku dikurniakan harta seperti lelaki (golongan ketiga) tadi, nescaya aku akan melakukan sebagaimana yang dia lakukan (boros harta pada perkara yang tidak sepatutnya.*

Lalu (baginda nabi bersabda: Maka mereka berdua (golongan ketiga dan keempat) dari segi dosa adalah sama."[81]

Dan Nabi SAW bersabda:

مَنْ غَزَى وَلَا يَنْوِي إِلَّا عِقَالًا فَلَهُ مَا نَوَى.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang keluar berperang dan tidaklah dia berniat melainkan semata-mata untuk mendapatkan seutas tali untuk mengikat tunggangannya (yang merupakan harta rampasan perang), maka baginya apa yang dia niatkan."*[82]

Dan diriwayatkan bahawa seorang lelaki daripada Bani Israel telah melalui kawasan gunung berpasir pada musim kemarau, lalu beliau berkata dalam hatinya: Sekiranya aku memiliki makanan sebanyak seperti timbunan pasir ini, nescaya aku akan agihkan kepada manusia. Kemudian Allah mewahyukan kepada nabinya: *"Katakanlah kepada lelaki tadi; Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menerima sedekah kamu, mensyukuri atas kebaikan niat kamu, dan telah mengurniakan kamu pahala atas perkara sekiranya pasir itu adalah makanan maka kamu akan bersedekah dengannya."*

---

[81] Riwayat Ibn Majah dengan lafaz: «مثل هذه الأمة» dan riwayat Imam al-Tirmizi dan beliau berkata: "Hasan Sahih."

[82] Riwayat Imam Nasa'i dan Ahmad.

Nabi SAW bersabda:

إِذَا الْتَقَى الْمُسْلِمَانِ بِسَيْفَيْهِمَا فَالْقَاتِلُ وَالْمَقْتُولُ فِي النَّارِ. فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللهِ، هَذَا الْقَاتِلُ، فَمَا بَالُ الْمَقْتُولِ؟ فَقَالَ: أَرَادَ قَتْلَ صَاحِبِهِ.

Maksudnya: *"Apabila bertemunya dua orang muslim dengan pedang masing-masing (untuk saling berbunuhan), maka orang yang membunuh dan yang terbunuh akan masuk neraka".*
Lalu ditanya kepada nabi: Wahai Rasulullah, (Neraka) ini memang untuk orang yang membunuh, namun kenapa yang terbunuh (turut masuk dalam neraka)? Maka nabi menjawab: *"Dia (yang terbunuh) itu juga berkehendak (niat) untuk membunuh saudaranya juga."*[83]

Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً عَلَى صَدَاقٍ وَهُوَ لَا يَنْوِي أَدَاءَهُ فَهوَ زانٍ، وَمَنِ ادَّانَ دَيْنًا وَهوَ لَا يَنْوِي قَضَاءَهُ فَهوَ سارقٌ.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang berkahwin dengan isterinya atas sesuatu mahar namun tidak berniat untuk menunaikannya maka dia telah berzina. Dan barangsiapa yang melangsaikan sesuatu hutang namun dia tidak*

[83] Muttafaqun 'Alaih iaitu disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.

berniat untuk melunaskan hutang maka dia adalah pencuri.”[84]

Hakikat Niat

Hakikat niat ialah: Kemahuan yang membangkitkan kekuatan, yang terbit daripada pengetahuan (*makrifah*).
Maka penjelasannya ialah sesungguhnya kesemua amalan kamu adalah tidak akan terjadi melainkan dengan kekuatan (*qudrah*), kehendak (*iradah*) dan ilmu. Adapun ilmu memberi kesan kepada kehendak, manakala kehendak membangkitkan kekuatan, seterusnya kekuatan berkhidmat kepada kehendak dengan menggerakkan anggota badan.

Contohnya: Sesungguhnya Allah menciptakan di dalam diri kamu syahwat makanan namun nafsu itu berada dalam diri kamu dalam keadaan senyap seolah-olah nafsu itu sedang tidur. Dan apabila penglihatan kamu tertumpu kepada makanan maka terhasillah pengetahuan tentang makanan. Seterusnya bangkitlah syahwat kepada makanan, lalu kamu pun menghulurkan tangan untuk mendapatkan makanan.
Hanyasanya tangan yang dihulur adalah disebabkan kekuatan yang terdapat padanya, yang patuh kepada isyarat syahwat. Manakala syahwat yang bangkit adalah

[84] Riwayat Imam Ahmad dan Ibn Majah dan lain-lain. Ithaf: 18/13.

disebabkan hasil pengetahuan yang diperolehi daripada tinjauan pancaindera.

Sebagaimana diciptakan dalam diri kamu syahwat kepada perkara-perkara yang bersifat segera, maka diciptakan juga dalam diri kamu kecenderungan kepada kelazatan yang bersifat mendatang, yang dapat dibangkitkan kecenderungan tersebut dengan isyarat pengetahuan yang terhasil daripada akal. Dan kekuatan juga berkhidmat terhadap kecenderungan ini dengan menggerakkan anggota.

Justeru, niat dapat dijelaskan sebagai:

الْمَيْلُ الْجَازِمُ الْبَاعِثُ لِلْقُدْرَةِ

Maksudnya: "Kecenderungan yang bersungguh-sungguh, yang dapat membangkitkan kekuatan."

Dan adapun orang yang keluar berperang, kadangkala faktornya adalah disebabkan kecenderungan kepada harta rampasan perang maka itulah niatnya, dan kadangkala faktornya adalah disebabkan kecenderungan kepada pahala akhirat maka itulah niatnya. Oleh itu, niat ialah kemahuan yang dapat membangkitkan manakala makna ikhlas pada niat ialah:

تَصْفِيَةُ الْبَاعِثِ عَنِ الشَّوْبِ

Maksudnya: *"Penyucian kepada niat yang membangkitkan kekuatan daripada sebarang kekotoran."*

Niat adalah satu juzuk daripada ibadah

Apabila amalan terhasil daripada faktor niat, maka dengan kedua-dua iaitu niat dan amal inilah yang akan menyempurnakan ibadah. Niat ialah salah satu daripada 2 juzuk ibadah bahkan yang paling terbaik antara keduanya kerana amalan dengan anggota badan semata-mata bukanlah yang dikehendaki melainkan apabila terkesan di dalam hati untuk cenderung kepada kebaikan dan menjauhi daripada kejahatan. Kemudian hatinya dapat mengkhususkan kepada berfikir dan berzikir yang dapat menyampaikan seseorang kepada ketetapan *(al-Anis)* dan pengetahuan *(al-Makrifah)* di mana kedua-duanya adalah penyebab kepada kebahagiaan di akhirat.

Justeru, bukanlah maksud daripada perbuatan meletakkan dahi di atas tanah adalah semata-mata untuk meletakkan dahi di atas tanah, namun tujuannya ialah untuk menundukkan hati kerana hati akan terkesan dengan perbuatan anggota badan.

Bukan juga maksud daripada perbuatan mengeluarkan zakat adalah untuk menghilangkan pemilikan (terhadap harta yang dilakukan oleh pembayar zakat) namun bertujuan untuk menghilangkan sifat keji daripada kebakhilan iaitu memutuskan hubungan hati terhadap harta (yang dizakatkan.)

Bukan juga maksud daripada ibadah korban *(al-Udhiyyah)* untuk mendapatkan daging binatang korban dan menumpahkan darah binatang korban, namun bertujuan untuk menjadikan hati dapat merasai ketaqwaan dengan mengagungkan syiar-syiar[85] Allah Ta'ala.

Niat adalah gambaran kecenderungan hati kepada kebaikan dan berkeupayaan untuk berlegar mencapai tujuan daripada perbuatan. Niat lebih baik daripada amalan anggota badan kerana hanyasanya yang dikehendaki daripada perbuatan anggota badan ialah meninggalkan kesan kepada tempat yang dikehendaki iaitu hati.

Oleh sebab itu, hati akan mewarisi kesemua amalan hati sedangkan anggota badan tidak menerima sebarang kesan (daripada perbuatan anggota.) Perbuatan anggota badan yang tidak disertai dengan kehadiran hati akan menjadi sia-sia dan tidak memberi sebarang kesan kepada seseorang.

Sekiranya dikehendaki untuk mengubati sakit perut dengan meminum ubatan yang dapat sampai ke dalam perut lebih bermanfaat dan tidak mustahil untuk

---

[85] Syiar menurut kamus dewan ialah kebesaran dan kemuliaan.

Manakala dari segi istilah syara' bermaksud sesuatu yang menjadi tanda kepada ketaatan kepada Allah. Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun'im, Dr. (2004), *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fadhilah, j.2, h. 337.

mengubatinya berbanding dengan hanya menyapu ubat di luaran perut bagi meringankan kesan kesakitan. Dan demikian juga, sekiranya tidak berkesan sapuan ubat di luaran perut sudah tentu perbuatan itu adalah tidak berguna. Oleh itu berdasarkan penjelasan ini dapatlah diketahui rahsia sabda baginda Nabi SAW :

نِيَّةُ الْمُؤْمِنِ خَيْرٌ مِنْ عَمَلِهِ.

Maksudnya: *"Niat orang mukmin itu lebih baik daripada amalannya."*[86]

Berusaha Untuk Memperbanyakkan Niat

Apabila kamu telah mengetahui tentang kelebihan niat dan niat itu mengambil tugas sebagai berlegarnya maksud tujuan (perbuatan anggota badan) dan ia memberi kesan kepadanya maka berusaha bersungguh-sungguhlah untuk memperbanyakkan niat dalam kesemua amalan kamu sehingga kamu berniat melakukan amalan yang satu dengan niat yang banyak.

Sekiranya kamu benar dalam keinginanmu nescaya kamu akan diberi petunjuk kepada jalannya dan memadailah

[86] Riwayat al-Tabarani dengan dua sanad. Imam al-'Iraqi berkata: Kedua-dua sanad ini adalah dhaif. Imam al-Zabidi berkata: Hadis ini mempunya banyak jalan (*turuq* hadis), dengan keseluruhan jalannya dapat menguatkan hadis ini. Ithaf: 28/13.

contoh yang satu ini iaitu memasuki ke dalam masjid dan duduk di dalamnya adalah ibadah.

Justeru kamu boleh berniat pada amalannya dengan **8 perkara:**

Pertamanya: Hendaklah seseorang itu menyakini bahawa masjid itu adalah rumah Allah 'Azza wa Jalla dan orang yang memasukinya menziarahi Allah Ta'ala, maka hendaklah kamu berniat sedemikian.

Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَعَدَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَدْ زَارَ اللهَ تَعَالَى وَحَقٌّ الْمَزُورِ إِكْرَامُ زَائِرِهِ.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang duduk di dalam masjid, maka sesungguhnya dia telah menziarahi Allah Ta'ala, dan hak ke atas yang diziarahi untuk memuliakan orang yang menziarahinya."*[87]

Kedua: Niat untuk *murabatah*[88] berdasarkan firman Allah Ta'ala:

ٱصۡبِرُواْ وَصَابِرُواْ وَرَابِطُواْ

[87] Riwayat Ibn Hibban dalam al-Dhu'afa' daripada hadis Salman dan riwayat al-Baihaqi dalam al-Shu'ab sepertinya dengan isnad yang sahih.

[88] مُرَابَطَة

Maksudnya: *“Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamudan tetaplah bersiap siaga, (di medan perjuangan)”*

Surah Ali ‘Imran: 200

Dikatakan maknanya ialah menunggu solat selepas mengerjakan solat.

Ketiga: Niat i’tikaf dan maknanya menahan pendengaran, penglihatan dan anggota daripada pergerakan yang biasa dilakukan. Sesungguhnya i’tikaf adalah antara bentuk puasa, Nabi SAW bersabda:

رَهْبَانِيَّةُ أُمَّتِي الْقُعُودُ فِي الْمَسَاجِدِ.

Maksudnya: *“Kerahiban*[89] *bagi umatku ialah duduk di dalam masjid-masjid.”*[90]

Keempat: Menyendiri *(Khulwah)* dan menghindari segala kesibukan untuk melazimi rahsia berfikir tentang akhirat dan tatacara persiapan menghadapinya.

---

[89] رَهْبَانِيَّة dari segi bahasa Arab berasal daripada perkataan رَهْبَة yang bermaksud takut dan gentar daripada sebarang perkara yang membimbangkan. Dari segi istilah bermaksud membebaskan diri daripada kesibukan dunia dan kelazatannya, berzuhud terhadap perkara dunia dan beruzlah daripada ahli dunia. Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun’im, Dr. (2004), *op. cit.*, h. 187.

[90] Imam al-‘Iraqi berkata: “Aku tidak temui asal bagi hadis ini.” Dan Imam al-Zabidi tidak memberi komentar terhadap hadis ini dalam kitab *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*.

Kelima: Mengkhususkan diri untuk berzikir mengingati Allah dan mendengar zikir dan memperdengarkannya berdasarkan hadis Nabi SAW :

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ يَذْكُرُ اللهَ تَعَالَى أَوْ يُذَكِّرَ بِهِ كَانَ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللهِ تَعَالَى.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang berpagi-pagian menuju ke masjid untuk berzikir mengingati Allah atau diingatkannya dengan berzikir, maka dia adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah Ta'ala."*[91]

Keenam: Hendaklah seseorang itu niat untuk tujuan mendapatkan faedah ilmu, memberi peringatan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan dalam solat, mencegah daripada kemungkaran dan menyeru kepada kebaikan sehingga dengan sebabnya kebaikan menjadi mudah dan seseorang itu berkongsi dalam melakukan kebaikan.

---

[91] Imam al-'Iraqi berkata: "Ini diketahui sebagai ucapan Ka'ab al-Ahbar. Di dalam Kitab *Sahihain* (al-Bukhari dan Muslim) terdapat riwayat daripada Abu Hurairah R.A :

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ أَوْ رَاحَ ، أَعَدَّ اللهُ لَهُ نُزُلًا فِي الْجَنَّةِ كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ.

Ertinya: "Barangsiapa yang berpagi-pagian menuju ke masjid atau berpetang-petang menuju ke masjid, maka Allah menyediakan baginya suatu tempat di dalam syurga setiap kali dia keluar pada pagi atau petang."

Ketujuh: Hendaklah kamu berniat untuk meninggalkan dosa kerana malu dengan Allah ‘Azza Wa Jalla dengan cara kamu menahan diri kamu di rumahNya sehingga kamu berasa malu dengan Allah untuk melakukan dosa.

Kelapan: Hendaklah seseorang itu berniat untuk mengambil manfaat persaudaraan kerana Allah. Sesungguhnya persaudaraan itu adalah sangat berharga dan simpanan yang berguna untuk hari akhirat. Dan masjid merupakan tempat berkumpulnya ahli agama yang mencintai kerana Allah dan mencintai jalan Allah.

Justeru, analogikanlah seperti ini terhadap sekalian amalan. Maka dengan terhimpunnya kesemua niat ini, kamu dapat menyucikan amalan dan dapat melakukan amalan golongan muqarrabin. Sebagaimana seseorang itu juga sekiranya menyalahi kesemua niat baik ini akan menyebabkannya terkait dengan amalan syaitan.

Contohnya, orang yang duduk di masjid bertujuan untuk bercakap perkara yang sia-sia (batil), mengumpat tentang peribadi orang lain, duduk bersama-sama dengan teman yang lalai dan suka bermain-main, memerhati orang yang melintasinya di kalangan orang perempuan dan kanak-kanak, saling berdebat dengan orang yang menyalahi pandangannya di kalangan kawan-kawannya untuk bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk dengan memancing hati-hati orang yang mendengar melalui ucapannya dan apa-apa sahaja.

Dan demikian juga, tidak seharusnya seseorang itu lalai dengan niat yang baik dalam melakukan perkara-perkara yang harus. Terdapat dalam riwayat:[92]
"*Sesungguhnya seorang hamba itu akan ditanya pada hari kiamat tetang semua perkara sehinggakan perbuatan mencelak kedua-dua matanya, lebihan tanah yang terdapat pada jari-jarinya, sentuhannya terhadap baju saudaranya*."

Contoh niat dalam melakukan perkara-perkara yang harus (*al-mubahat*): Seseorang yang mengenakan minyak wangi pada hari Jumaat, kemungkinan boleh berniat untuk menikmati keharumannya, bermegah dengan menzahirkan kemewahannya, atau berhias untuk wanita dan teman wanita yang melalaikan. Hendaklah dia berniat untuk mengikut akan Sunnah, mengagungkan rumah Allah Ta'ala, memuliakan hari Jumaat, mengelak daripada menyakiti orang lain dengan menghilangkan bauan yang busuk, mendatangkan kerehatan kepada orang sekeliling dengan bauan yang wangi, dan menutup pintu umpatan sekiranya mereka menghidu bauan yang busuk. Bagi kedua-dua golongan yang mempunyai niat masing-masing diisyaratkan dalam hadis, sabda Nabi SAW :

---

[92] Imam al-'Iraqi berkata: "Aku tidak menemui isnad bagi hadis ini." Walaubagaimana pun terdapatnya hadis sahih mengenai soal jawab pada hari akhirat.

مَنْ تَطَيَّبَ فِي اللهِ جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ، وَمَنْ تَطَيَّبَ لِغَيْرِ اللهِ جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَرِيحُهُ أَنْتَنَ مِنَ الْجِيفَةِ.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang memakai minyak wangi kerana Allah, maka dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan wangiannya lebih harum daripada kasturi. Dan barangsiapa yang memakai minyak bukan kerana Allah, dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan wangiannya lebih busuk daripada bangkai."*[93]

Niat tidak termasuk dalam ikhtiar[94]

Ketahuilah bahawa niat tidak termasuk dalam pemilihan. Maka janganlah kamu terpedaya lalu kamu mengatakan dengan lidah dan hati kamu: *Aku berniat untuk duduk di dalam masjid ini sekian dan sekian….,* lalu kamu menyangkakan bahawa telah berniat. Sedangkan kamu

---

[93] Riwayat Abu al-Walid al-Sifar dalam Kitab al-Solah daripada hadis Ishaq bin Abi Talhah secara mursal.

[94] Ikhtiyar dari segi bahasa arab bermaksud pemilihan, mengutamakan sesuatu ke atas yang lain dan melebihkan sesuatu ke atas yang lain. Dari segi istilah menurut ulamak mazhab Hanafi bermaksud niat kepada sesuatu dan berkehendak kepadanya, manakala Jumhur ulama' menyatakan maksudnya ialah niat untuk melakukan perbuatan dan melebihkannya berbanding dengan yang lain. Perbezaan antara *ikhtiyar* (pemilihan) dan *iradah* (kehendak) ialah *ikhtiyar* tertumpu kepada perkara yang satu. Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun'im, Dr. (2004), *op. cit.*, h. 100.

telah mengetahui sebelum ini bahawa niat ialah pendorong yang menggerakkan anggota yang tanpanya tidak mungkin wujud perbuatan.

Niat yang terpaksa ialah seperti ucapan: *Aku berniat untuk mencintai si fulan dan merinduinya dan memuliakannya* atau *aku berniat untuk dahaga, atau lapar atau kenyang.* Sesungguhnya setiap daripada niat ini mempunyai faktor pedorong dan penolakan. Apabila sesuatu perbuatan dilaksanakan adalah disebabkan mempunyai sebab-sebabnya kerana tidak dapat dibayangkan terjadinya perbuatan tanpa ada sebab-sebabnya. Manakala ucapan seseorang: Saya telah berniatnya sebelum melakukannya adalah merupakan ucapan di dalam hatinya dan bukannya niat.

Justeru, sesiapa yang berjimak kerana desakan nafsu syahwatnya, maka dari mana manfaat kata-katanya: *Aku berniat untuk berjimak kerana untuk mendapatkan anak dan meramaikan bilangan mereka yang akan menjadi kebanggaan.*

Bahkan, kamu tidak akan dapat membangkitkan niat-niat ini dari dalam hati kamu melainkan apabila iman kamu telah kuat dan pengetahuan kamu telah sempurna tentang remehnya nikmat dunia dan hebatnya pahala akhirat sehingga perkara ini menguasai diri kamu.

Membangkitkan kemahuan yang bersungguh-sungguh (*raghbah*) dari dalam diri kamu adalah suatu yang sangat

penting dalam segala hal kerana kemahuan itu adalah penghubung kepada pahala akhirat. Sekiranya tidak dibangkitkan kemahuan, maka kamu tidak mempunyai niat.

Perumpamaan niat ini, ulamak salaf telah menangguhkan beberapa amalan kebaikan sehingga diriwayatkan bahawa Muhammad bin Sirin tidak menunaikan solat jenazah ke atas al-Hasan al-Basri. Dan dia berkata: "*Masih belum hadir di dalam hatiku niat.*"

Dan dikatakan kepada Tawus: "*Doakanlah bagi kami*." Lalu dia berkata: "*Sehinggalah aku dapati niat terhadapnya.*"

Berkata sebahagian ulamak salaf: "*Aku sedang mendapatkan niat untuk menziarahi seseorang sejak sebulan, namun niat aku masih belum betul lagi*."

Justeru, barangsiapa yang merasai hakikat niat dan mengetahui bahawa niat adalah ruh amalan, maka dia tidak akan memenatkan dirinya dengan amalan yang tidak mempunyai ruh padanya.

Perkara ini diperkukuhkan lagi bahawa perkara yang harus kadangkala boleh menjadi lebih afdhal daripada ibadah apabila niat dapat dihadirkan ketika melakukannya.

Oleh itu, barangsiapa yang mempunyai niat ketika makan dan minum untuk menguatkan diri untuk beribadah, dan tidak terbit dari dalam dirinya untuk niat berpuasa dalam keadaan tersebut, maka makan itu lebih utama baginya.

Barangsiapa yang penat dalam ibadah, lalu dia mengetahui bahawa dengan dia tidur dapat mengembalikan kecergasannya, maka tidur adalah lebih utama baginya.

Bahkan sekiranya dia mengetahui sebagai contohnya bahawa menikmati gurauan dan cerita jenaka yang harus seketika dapat mengembalikan kecergasannya, maka demikian itu lebih utama baginya daripada solat berserta perasaan jemu.

Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللهَ لَا يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا.

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah tidak akan jemu (dengan kamu) sehinggalah kamu sendiri berasa jemu."*[95]

Abu Darda' berkata: "*Sesungguhnya aku merehatkan diriku dengan suatu permainan, maka hal demikian dapat membantu aku melakukan kebenaran (ketaatan).*"

---

[95] Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim.

Sayyidina ‘Ali berkata: “*Rehatkanlah hati, kerana sesungguhnya hati apabila dipaksa maka dia akan buta*.”

Kesemua ini adalah perkara sukar (*daqaiq*) yang memberatkan golongan ahli zahir di kalangan para fuqaha’, sebagaimana menjadi berat bagi doktor-doktor yang lemah untuk mengubati pesakit demam panas dengan daging. Sedangkan bagi doktor pakar, kadangkala menyuruh pesakit demam panas untuk memakan daging bagi mengembalikan kekuatan pesakit yang lemah sehingga dia dapat menerima ubat yang bermanfaat selepas itu.

Rukun Kedua: Niat Ikhlas

Firman Allah SWT:

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعۡبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ

Maksudnya: *“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid.”*

Surah al-Bayyinah: 5

Firman Allah SWT:

أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلۡخَالِصُۚ

Maksudnya: *“Ingatlah! (hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik).”*

Surah al-Zumar: 3

Dan Firman Allah SWT:

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ وَأَصۡلَحُواْ وَٱعۡتَصَمُواْ بِٱللَّهِ وَأَخۡلَصُواْ دِينَهُمۡ لِلَّهِ

Maksudnya: *“Kecuali orang-orang yang bertaubat (dari perbuatan munafik itu) dan memperbaiki amalan mereka (yang salah), dan mereka pula berpegang teguh kepada (agama) Allah, serta mengerjakan agama mereka dengan ikhlas kerana Allah.”*

Surah al-Nisa’: 146

Berfirman Allah SWT (hadis qudsi):

الْإِخْلَاصُ سِرٌّ مِنْ سِرِّي، اسْتَوْدَعْتُهُ قَلْبَ مَنْ أَحْبَبْتُ مِنْ عِبَادِي

Maksudnya: “Ikhlas itu adalah rahsia daripada rahsiaKu, aku akan letakkannya dalam hati sesiapa yang aku suka di kalangan hambaKu.”[96]

Nabi SAW bersabda kepada Mu’az RA:

---

[96] Riwayat al-Hasan al-Basri secara *mursal* daripada hadis Huzaifah dan dalam sanadnya ada pertikaian, dan Imam al-Qushairi meriwayatkan dalam al-Risalah dengan sanad yang dhaif.

أَخْلِصِ الْعَمَلَ يُجزِكَ الْقَلِيلُ مِنْهُ.

Maksudnya: *"Ikhlaskanlah dalam amalan, kamu akan dibalas walaupun sedikit daripadanya."*[97]

Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ يُخْلِصُ الْعَمَلَ أَرْبَعِينَ يومًا الاَّ ظهرتْ يَنَابِيْعُ على لِسَانِهِ

Maksudnya: *"Tiadalah sesiapa di kalangan hamba yang ikhlas dalam amalan selama 40 hari, melainkan akan terzahir sumber-sumber hikmah dari hati melalui kepada lidahnya."*[98]

Hakikat Ikhlas Dalam Niat

Hakikat ikhlas ialah mengkhususkan kepada pendorong yang satu dan lawannya ialah bersekutu (*al-Isyrak*) iaitu mempunyai 2 pendorong yang bersekutu. Setiap pendorong itu saling bercampur antara satu sama lain. Sekiranya niat itu bersih daripada segala campuran maka dinamakannya niat yang murni.

Sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa niat itu adalah pendorong, maka barangsiapa yang melakukan

---

[97] Riwayat al-Dailami dalam al-Firdaus dengan sanad munqati'.

[98] Riwayat Ibn 'Adi dan Abu Nu'aim dalam *Hilyah al-Awliya'* daripada jalan Makhul dan sanadnya dhaif. Lihat takhrij lengkap dalam kitab *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*: 83/13.

amalan semata-mata untuk riya’ maka dia adalah orang yang ikhlas dan barangsiapa yang melakukan amalan semata-mata kerana Allah maka dia adalah orang yang ikhlas. Namun dikhususkan istilah ikhlas itu kepada salah satu daripada dua keadaan tadi secara adat kebiasaan.

Seperti istilah *Ilhad* (athies), sesungguhnya istilah ini bermaksud cenderung namun dikhususkan untuk kecenderungan kepada kebatilan.

Niat ikhlas akan tergelincir dengan pencampuran riya’ telah kami sebutkannya, namun kadangkala ikhlas boleh tergelincir dengan tujuan-tujuan yang lain.

Sesungguhnya orang yang berpuasa kadangkala niat melakukan ibadah beserta mendapatkan manfaat bagi penjagaan kesihatan yang terhasil daripada puasa.

Dan kadangkala orang yang memerdekakan hamba bertujuan untuk membebaskan daripada perbelanjaan tanggungan hambanya dan disebabkan akhlaknya yang buruk.

Dan kadangkala orang yang mengerjakan haji bertujuan untuk mendapatkan kesihatan dengan gabungan pergerakan musafir, atau melarikan diri daripada kesusahan menguruskan keluarga atau lari daripada seksaan musuh-musuh, atau kebosanan tinggal bersama ahli keluarga.

Dan orang yang menuntut ilmu kadangkala berniat belajar untuk memudahkan urusan mendapatkan pekerjaan, atau dijaga dengan kemuliaan (izzah) ilmu daripada kezaliman, atau menulis mushaf untuk memperelokkan tulisan khatnya, atau mengerjakan haji secara berjalan kaki bagi meringankan perbelanjaan sewaan, atau berwudhu’ untuk membersihkan atau menyejukkan anggota, atau mandi untuk mewangikan bauan badan, atau beri’tikaf untuk mengurangkan ke atasnya sewaan tempat tinggal, atau berpuasa untuk meringankan kepenatan memasak dan membeli makanan kepada diri sendiri atau bersedekah untuk menghilangkan keterikatan dengan peminta sedekah atau menziarahi pesakit agar dia nanti turut diziarahi apabila sakit.

Justeru, kesemua tujuan ini kadangkala dapat dikosongkan dan kadangkala bercampur dengan niat ibadah secara tersembunyi. Maka apabila terlintas sesuatu daripada tujuan-tujuan ini dalam perbuatan, maka keikhlasan itu telah hilang dan perkara ini sangat sukar.

Oleh sebab itu, sebahagian ulama’ berkata: “*Dalam keikhlasan satu saat, terdapat kejayaan selama-lamanya, namun perkara ini suatu yang sukar.”*

Abu Sulaiman al-Darani: “*Beruntunglah bagi sesiapa yang benar baginya langkah pertama iaitu tidaklah dia kehendaki dengannya melainkan kerana Allah Ta’ala*.”

Ma’ruf al-Kurkhi memukul dirinya sambil berkata: “*Wahai jiwa, ikhlaskanlah dalam niatmu, nescaya kamu akan bebas.*”

Tahap Kecacatan Ikhlas Dalam Niat

Ketahuilah bahawa percampuran kecacatan (noda) ikhlas dalam niat ini mempunyai peringkat. Kadangkala noda itu menguasai kamu dan kadangkala noda itu dapat dikuasai dan kadangkala noda itu setara dengan niat ibadah. Dan tidaklah terhapus asal pahala dalam melakukan perkara-perkara harus (mubahat).

Selagimana berbaki campuran niat yang berkehendak semata-mata kerana Allah Ta’ala, maka baginya pahala dengan kadar campuran niat tersebut. Dan tiada baginya pahala ke atas baki campuran niat kepada yang lain.

Apabila seseorang itu melakukan ibadah, diperintahkan untuk mengikhlaskan niatnya kerana Allah Ta’ala. Sekiranya noda itu menguasai niat maka terbatal ibadah, sekiranya noda itu setara dan dapat dikuasai maka terbatal keikhlasan.

Persoalannya, adakah dikira ibadah dan terhasil asal pahalanya adalah bergantung kepada penyucian kepada kesemua noda niat ini? Dalam hal ini terdapatnya pandangan yang telah kami tunjukkan dalam perbahasan

Riya’. Dan perinciannya dapat diperolehi dalam kitab induk *al-Ihya’*.

Rukun Ketiga: Benar

Benar adalah merupakan kesempurnaan ikhlas. Firman Allah Ta’ala:

رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَـٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ

Maksudnya: *“Ada yang bersikap benar menunaikan apa yang mereka janjikan kepada Allah (untuk berjuang membela Islam).”*

Surah al-Ahzab: 23

Firman Allah Ta’ala:

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَـٰبِ إِبْرَٰهِيمَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾

Maksudnya: *“Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) di dalam Kitab (al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; Sesungguhnya adalah ia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi.”*

Surah Maryam: 41

Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يُكْتَبُ عِنْدَ اللهِ صِدِّيقًا.

Maksudnya: *“Sesungguhnya seseorang itu adalah benar dan berusaha sentiasa menjadi orang yang benar*

sehinggalah dicatat di sisi Allah sebagai orang yang benar.”[99]

Dan memadailah dengan kelebihan sifat benar ialah dengan seseorang itu mengetahui kelebihan golongan *al-Siddiqin*. Dan ketahuilah bahawa **sifat benar ini mempunyai 6 tingkatan**. Barangsiapa yang dapat mencapai kesemua tingkatan kesempurnaan maka dia berhak terhadap nama *al-Siddiq* (orang yang benar).

Tingkatan pertama: Benar dalam percakapan, dalam kesemua keadaan sama ada berkaitan dengan perkara yang telah lepas, masa akan datang dan sekarang.

Sifat benar pada tingkatan pertama ini mempunyai 2 kesempurnaan:

Kesempurnaan pertama: Berwaspada daripada melakukan *ma’arid.*[100] Walaupun dia adalah benar dalam percakapan hatinya, namun difahami daripada ucapannya makna yang berlawanan dengan yang sebenarnya.

---

[99] Muttafaqun ‘Alaih dan pada awal hadisnya:

« إن الصدق يهدي إلى البر...»

Ertinya: “Sesungguhnya benar itu memberi petunjuk kepada kebaikan.”

[100] *Ma’arid* ialah seerti dengan *tauriyah* dalam percakapan iaitu bercakap sesuatu perkara namun maksud yang dikehendaki adalah lain. Namun perbuatan ini tidaklah menjadi suatu kebiasaan sebaliknya hanya digunakan apabila terdesak. – Penterjemah.

Dan berwaspadalah daripada berdusta iaitu memahamkan sesuatu yang bersalahan dengan kebenaran, iaitu apabila hati bersungguh untuk mengambarkan gambaran yang dusta dengan iringan pendustaan lidah.

Apabila mata hati telah cenderung daripada sihat kepada bengkok, maka tidak akan terzahir kebenaran padanya sehingga mimpinya juga tidak benar. Dan perbuatan *ma'arid* tidaklah termasuk dalam larangan seumpama ini (pendustaan) kerana seseorang itu benar pada percakapan hatinya namun terjebak dengan kewaspadaan yang kedua (pendustaan hati dan lidah) iaitu menjadikan sesuatu lafaz itu bukan pada maknanya yang sebenar. Maka janganlah seseorang melakukan sedemikian melainkan untuk tujuan yang benar.

Kesempurnaan yang kedua ialah memelihara akan kebenaran dalam percakapannya dengan Allah Ta'ala.

Apabila seseorang itu berkata: "*Aku telah hadapkan wajahku*" sedangkan di dalam hatinya ketika itu terdapatnya sesuatu selain Allah maka dia telah berdusta.

Apabila seseorang itu berkata: "*Hanya kepadaMu Allah kami sembah*" sedangkan dia ketika itu adalah hamba kepada dunia atau nafsunya atau hamba kepada selain

Allah, maka tidak mungkin dapat tercapai sifat benar apan ini pada hari kiamat.

Oleh sebab itu, Nabi Isa AS pernah mengungkapkan: "*Wahai hamba kepada dunia*."

Nabi kita SAW juga pernah bersabda:

تَعِسَ عَبْدُ الدِّرْهَمِ وَالدِّينَارِ.

Maksudnya: *"Binasalah hamba kepada dirham dan dinar."*[101]

Tingkatan Kedua: Tingkatan benar pada niat.

Hendaklah seseorang itu benar-benar memurnikan niatnya yang dapat mendorong kepada kebaikan. Sekiranya pada niatnya terdapat kecacatan, maka hilanglah sifat benar kerana Allah. Dikatakan: ini adalah benar-benar masam dan ini adalah benar-benar manis sekiranya benda itu benar-benar terasa begitu. Maka perkara ini merujuk kepada keikhlasan itu sendiri.

---

[101] Riwayat Imam al-Bukhari dan Ibn Majah. Dan lafaz al-Bukhari:

تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ ، وَعَبْدُ الدِّرْهَمِ ، وَعَبْدُ الخَمِيصَةِ إِنْ أُعْطِيَ رَضِيَ وَإِنْ لَمْ يُعْطِ سَخِطَ

Ertinya: "Binasalah hamba dinar, hamba dirham dan hamba pakaian sutera, sekiranya diberi dia akan redha dan sekiranya tidak diberi dia akan marah."

Tingkatan Ketiga: Keazaman.

Sesungguhnya seseorang hamba itu kadangkala berazam untuk bersedekah sekiranya dikurniakan harta, dan melakukan keadilan sekiranya dikurniakan kekuasaan. Dan keazamannya sekali sekala berlaku dengan lemah dan ragu-ragu dan sekali sekala berlaku dengan pasti dan kuat tanpa ada ragu-ragu.

Maka ketetapan yang kuat dinamakan sebagai keazaman yang benar sebagaimana yang didapati oleh Sayyidina Umar dalam dirinya ketika dia berkata:
"*Sungguh aku mara melangkah kemudian leher ku dipenggal lebih aku suka berbanding dengan memerintah suatu kaum di dalamnya terdapat Sayyidina Abu Bakr*".

Dan darjat keazaman golongan *al-Siddiqin* dalam kekuatan azam adalah berbeza-beza dan kemuncaknya ialah berakhir pada redha untuk lehernya dipenggal bukan secara hakikatnya.

Tingkatan Keempat: Tingkatan benar pada menyempurnakan keazaman.

Sesungguhnya hati kadangkala menjadi pemurah dengan keazaman pada permulaannya, tetapi ketika menyempurnakan keazamannya boleh jadi berlakunya kekurangan dari segi kesempurnaan perlaksanaannya

kerana mempunyai azam adalah suatu yang mudah sedangkan kesukaran adalah untuk menyempurnakannya. Oleh sebab itu Allah Ta'ala berfirman:

رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَـٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ

Maksudnya: *"Ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam)."*

Surah al-Ahzab: 23

Firman Allah Ta'ala:

۞ وَمِنْهُم مَّنْ عَـٰهَدَ ٱللَّهَ لَئِنْ ءَاتَىٰنَا مِن فَضْلِهِۦ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾ فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُم مِّن فَضْلِهِۦ بَخِلُوا۟ بِهِۦ وَتَوَلَّوا۟ وَّهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٧٦﴾ فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِى قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُۥ بِمَآ أَخْلَفُوا۟ ٱللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: *"Dan di antara mereka ada yang membuat janji Dengan Allah dengan berkata: "Sesungguhnya jika Allah memberi kepada Kami dari limpah kurniaNya,*

tentulah Kami akan bersedekah, dan tentulah Kami akan menjadi dari orang-orang yang soleh"
Kemudian setelah Allah memberi kepada mereka dari limpah kurniaNya, mereka bakhil dengan pemberian Allah itu, serta mereka membelakangkan janjinya; dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebajikan).
Akibatnya Allah menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui Allah, kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah dan juga kerana mereka sentiasa berdusta."

Surah al-Taubah: 75-77

Tingkatan Kelima: Tingkatan benar dalam amalan iaitu dengan

menjadikan seseorang itu tidaklah membuktikan ke atas sesuatu daripada batinnya melainkan batinnya bersifat dengan sifat tersebut. Dan maknanya ialah selarinya antara apa-apa yang tersembunyi di dalam batin *(al-sarirah)* dengan apa-apa yang dipaparkan secara zahir *(al-'alaniyyah).*

Justeru, orang yang berjalan dengan tenang menunjukkan secara hukumnya bahawa dia memiliki ketenangan dalam batinnya. Sekiranya dia tidak sedemikian pada batinnya dan hatinya cenderung untuk mengkhayalkan manusia bahawa dia mempunyai ketenangan pada batinnya, maka

hal yang demikian adalah riya'. Dan sekiranya hatinya tidak cenderung kepada makhluk namun lalai maka tidaklah menjadi riya' namun sifat benar telah hilang daripadanya.

Oleh sebab itu Nabi SAW berdoa:

اَللَّهُمَّ اجْعَلْ سَرِيرَتِي خَيْرًا مِنْ عَلَانِيَتِي ، وَاجْعَلْ لِي علانِيَةً صَالِحَةً.

Maksudnya: *"Wahai Allah, jadikanlah apa-apa yang terdapat di dalam hati ini lebih baik daripada apa-apa yang dizahirkan. Dan jadikanlah bagiku perlakuan yang baik."*[102]

Abdul Wahid berkata: "*al-Hasan al-Basri apabila mengarahkan sesuatu, maka dialah orang yang paling hebat di kalangan manusia melakukannya. Dan apabila dia menegah daripada sesuatu, maka dialah orang yang paling utama di kalangan manusia yang meninggalkannya. Dan aku tidak pernah melihat seseorang yang selari batinnya dengan zahirnya melainkan dia*".

Tingkatan Keenam: Benar dalam kedudukan (*maqamat*) agama.

[102] Maknanya adalah sahih namun Imam al-'Iraqi berkata: "Aku tidak menjumpainya." Imam al-Zabidi berkata: "Riwayat Imam al-Tirmizi daripada Umar س dan beliau mendhaifkannya. Riwayat Abu Nu'aim dalam al-Hilyah. Lihat Ithaf: 150/11.

Tingkatan ini merupakan yang paling tinggi pintunya iaitu benar dalam kedudukan (*maqamat*) agama seperti takut (*al-khauf*), harap (*al-raja'*), cinta (*al-hub*), dan redha (*al-redha*), tawakkal (*al-tawakkul*) dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya bagi setiap kedudukan (*maqamat*) ini mempunyai permulaannya yang bertitik tolak dengan namanya, dan mempunyai hakikat-hakikat dan matlamat-matlamatnya sehinggalah dapat dikatakan; "*Ini adalah sifat takut yang benar dan ini adalah syahwat yang benar*."

Oleh sebab itu Allah Ta'ala berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)."*

Surah al-Hujurat: 15

Allah Ta’ala berfirman:

۞ لَّيۡسَ ٱلۡبِرَّ أَن تُوَلُّواْ وُجُوهَكُمۡ قِبَلَ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلۡبِرَّ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلۡكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى ٱلۡمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلۡمُوفُونَ بِعَهۡدِهِمۡ إِذَا عَٰهَدُواْۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ فِي ٱلۡبَأۡسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلۡبَأۡسِۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُواْۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُتَّقُونَ ١٧٧

Maksudnya: *“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang*

meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba ; dan mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan menyempurnakan janjinya apabila berjanji; dan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian (sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa."

Surah al-Baqarah: 177

Maka inilah tingkatan sifat benar. Barangsiapa yang dapat merealisasikan kesemuanya maka dia adalah seorang yang benar (*siddiq*). Dan barangsiapa yang tidak mendapat sebahagiannya, maka martabatnya adalah berdasarkan kadar sifat benarnya. Dan antara sifat benar ialah pengukuhan hati bahawa Allah adalah Yang Maha Pemberi Rezeki dan tempat kita bertawakkal. Sehubungan itu, kita akan menyebut tentang tawakkal.

Asas Ketujuh Tawakkal

(في التّوكُّل)

Asas Ketujuh: Tawakkal

(Fi al-Tawakkul)

Allah Ta'ala berfirman:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلۡيَتَوَكَّلِ ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "Dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah".

Surah Ibrahim: 12

Firman Allah Ta'ala:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: "Dan kepada Allah jualah hendaklah kamu berserah (setelah kamu bertindak menyerang), jika benar kamu orang-orang yang beriman."

Surah al-Maidah: 23

Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya."*

Surah Ali Imran: 159

Firman Allah Ta’ala:

وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ

Maksudnya: *“Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).”*

Surah al-Talaq: 3

Firman Allah Ta’ala:

أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبۡدَهُۥ

Maksudnya: *“Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hambaNya (yang bertaqwa)?”*

Surah al-Zumar: 36

Firman Allah Ta’ala:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمۡلِكُونَ لَكُمۡ رِزۡقًا فَٱبۡتَغُواْ عِندَ ٱللَّهِ ٱلرِّزۡقَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah itu, tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu; oleh itu carilah rezeki dari sisi Allah.”*

Surah al-‘Ankabut: 17

Nabi SAW bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا.

Maksudnya: *"Sungguh kalau kamu sekalian bertawakkal kepada Allah dengan tawakkal yang sungguh-sungguh, nescaya kamu diberi rezeki sebagaimana burung diberi rezeki, ia berangkat pagi dalam keadaan lapar dan pulang petang dalam keadaan kenyang".*[103]

Nabi SAW bersabda:

مَنِ انْقَطَعَ إِلَى اللَّهِ كَفَاهُ اللَّهُ تَعَالَى كُلَّ مَئُونَةٍ ، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لا يَحْتَسِبُ وَمَنِ انْقَطَعَ إِلَى الدُّنْيَا وَكَّلَهُ اللَّهُ إِلَيْهَا.

Maksudnya: *"Barangsiapa yang memutuskan urusan rezekinya kepada Allah, maka Allah akan mencukupkan kesemua keperluannya dan mengurniakannya rezeki daripada jalan yang tidak disangka-sangka. Barangsiapa yang memutuskan urusan rezeki kepada dunia, maka Allah akan menyerahkan urusan rezekinya kepada dunia."*[104]

---

[103] Riwayat Imam al-Tirmizi dan al-Hakim dan beliau mensahihkannya.

[104] Riwayat al-Tabarani dalam *al-Saghir* dan Ibn Abi al-Dunya. Dan daripada jalan al-Baihaqi dalam *al-Shu'ab* daripada riwayat al-Hasan daripada 'Imran bin Husoin sedangkan al-Hasan tidak mendengar

Dan adapun tindakan Rasulullah apabila ada di kalangan ahli keluarga nabi ditimpa kesulitan, baginda nabi akan mengungkapkan:

قُومُوا إِلَي الصَّلَاةِ.

Maksudnya: *“Dirikanlah solat, dengan demikian tuhanku telah memerintahkan.*

Lalu baginda Nabi membacakan firman Allah Ta’ala:

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُكَۗ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلتَّقۡوَىٰ ١٣٢

Maksudnya: *“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah Engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadaMu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.”*

Surah Taha: 132[105]

---

daripadanya (‘Imran). Dan disebutkan dalam *Majma’ al-Zawaid*: Perawi-perawinya thiqah melainkan Ibrahim bin al-Ash’ath.

[105] Imam al-‘Iraqi berkata: al-Tabarani meriwayatkan dalam *al-Awsat* daripada Muhammad bin Hamzah daripada ‘Abdullah bin Salam dan dia adalah datuk kepada ayahnya maka jaraknya adalah jauh untuk dia (Muhammad bin Hamzah) untuk mendengar hadith daripadanya (‘Abdullah bin Salam).

Hakikat Tawakkal

Hakikat tawakkal dapat dijelaskan sebagai keadaan yang terbit daripada tauhid dan kesannya terzahir pada amalan-amalan. Tawakkal mempunyai 3 rukun iaitu pengetahuan (*al-Ma'rifah*), keadaan (*al-Hal*) dan amalan (*al-'Amal*).

Rukun Pertama: Pengetahuan (*al-Ma'rifah*)

Rukun ini adalah asas dan yang saya maksudkan ialah Tauhid. Kerana sesungguhnya hanyasanya seseorang itu bertawakkal kepada Allah ialah apabila dia tidak melihat pelaku disebalik apa yang berlaku selain Allah.

Dan kesempurnaan pengetahuan ini dapat menterjemahkan ucapan kamu:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِير.

Maksudnya: *"Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya segala kerajaan dan segala pujian, dan Dia Yang Maha Berkuasa atas setiap sesuatu."*

Dalam ucapan (tahlil) ini terdapatnya Iman dengan tauhid, kesempurnaan kekuasaan (*al-Qudrah*), kepemurahan (*al-*

Jud) dan kebijaksanaan (*al-Hikmah*) yang berhak untuk segala pujian.

Barangsiapa yang mengucapkannya dalam keadaan benar dan ikhlas, maka telah sempurna tauhidnya dan tetap hatinya dengan asas (pengetahuan tauhid) yang daripadanya terbit keadaan tawakkal. Dan yang aku maksudkan dengan benar pada ucapannya (tahlil) ialah apabila dia menjadikan makna ucapan tersebut sebagai suatu sifat yang lazim pada zatnya (hatinya) dan menguasai hatinya yang tidak diluaskan untuk sebarang penentuan selainnya.

Tauhid padanya dua isi (*Luban*) dan dua kulit (*Qishran*)

Tauhid mempunyai dua isi dan dua kulit dan mempunyai empat lapisan seperti buah badam iaitu mempunyai isi kemudian minyak yang merupakan isi kepada isinya dan kulit atas yang merupakan lapisan kepada kulitnya.

Maka **(pertamanya) kulit yang paling atas** ialah ucapan pada lisan semata-mata dan ini adalah iman orang munafiq.

Kedua (Kulit kedua) ialah keyakinan dengan hati yang mantap dan ini adalah darjat orang awam dan darjat ulama' ilmu kalam. Tiada perbezaan antara ulama' ilmu

kalam dengan orang awam pada keyakinan melainkan pada pengetahuan tentang helah untuk menolak keraguan yang ditimbulkan oleh golongan yang melakukan bid'ah pada pegangan aqidah.

Ketiga yang merupakan isi ialah tersingkapnya dengan cahaya Allah Azza Wa Jalla tentang hakikat tauhid ini dan rahsianya dengan sebenar-benarnya. Dan demikian itu ialah dengan melihat sesuatu yang banyak dan mengetahui bahawa kesemua itu wujud daripada pelaku yang satu (Allah) secara tersusun. Dan demikian itu ialah dengan seseorang mengetahui rantaian sebab-sebab dan dan tatacara rantaiannya serta perkaitan rantaian pertama dengan perkara yang disebabkan oleh sebab-sebab tertentu.[106] Pemilik kedudukan (maqam) ini jauh untuk dipisahkan (tauhidnya) kerana dia melihat segala perbuatan, jumlahnya dan perkaitannya dengan pelaku (Allah Yang Esa).[107]

---

[106] Sebagaimana telah dibicarakan pada perbahasan Asas Kelima Aqidah iaitu Allah Yang Maha Berkehendak (*al-Iradah*). Rujuk buku 10 Asas Aqidah yang telah diterbitkan.

[107] Imam al-Ghazali berkata: Tingkatan tauhid ini adalah kedudukan (maqam) golongan muqarrabin. Al-Ghazali (2011), *Ihya' Ulum al-Din*, c. 1, Jeddah: Dar al-Minhaj, j. 8, h. 202.

Keempat iaitu isi kepada isi iaitu seseorang tidak melihat pada kewujudan melainkan satu atau mengetahui bahawa yang hanya wujud secara hakikatnya adalah satu.[108]

Hanyasanya melihat sesuatu yang banyak itu berlaku kepada sesiapa yang pandangannya terpisah-pisah seperti orang yang melihat manusia contohnya melihat kakinya, kemudian tangannya, kemudian wajahnya kemudian kepalanya, maka hatinya merasakan akan banyaknya. Sekiranya seseorang itu melihat manusia secara jumlah yang satu maka tidak akan terlintas di

---

[108] Dia ialah *al-Haq* iaitu Allah ﷾ Yang Maha Esa, Zat yang wajib wujud, satu pada zatNya, satu pada sifatNya dan satu pada perbuatanNya. Adapun selain daripadaNya di kalangan makhluk maka wujud mereka adalah secara mendatang (*'aradi*) dan mungkin wujud (*mumkin*). Tidak mungkin untuk membandingkan kewujudan makhluk dengan kewujudan Allah dan tidak mungkin untuk menjadikan kewujudan makhluk bagi digandingkan lawannya ialah kewujudan Allah. Sedangkan Allah Yang Maha Esa, tiada seumpamaNya, tiada yang dapat menandingiNya dan tiada sekutu bagiNya. Firman Allah Ta'ala:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

Ertinya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Dia tiada beranak, dan dia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya."

Surah al-Ikhlas 1-4.

dalam hatinya satu demi satu bahkan dia adalah seperti seorang yang mendapatkan sesuatu yang satu (lengkap).

Justeru demikian bagi orang yang bertauhid, tiada beza pandangannya antara langit dan bumi dan sekalian makhluk yang wujud (*al-mawjudat*) bahkan melihat kesemuanya berada dalam ketetapan hukum Zat Yang Satu (Allah). Perbahasan mengenai perkara ini sangat mendalam dan memerlukan huraian yang panjang, maka carilah perbahasan ini daripada kitab *al-Tauhid wa al-Tawakkul* daripada kitab induk *al-'Ihya'* nescaya kamu akan menemui paparan (*al-talwihat*)[109] daripadanya.

Dan *fana'* dalam tauhid hanyasanya berlaku pada tingkatan tauhid ini dengan menjadikan seseorang tenggelam dengan (Allah) Yang Satu (*al-Wahid*) dan Yang Benar (*al-Haq*) sehinggakan hatinya tidak menoleh kepada selainNya dan juga tidak menoleh kepada dirinya sendiri. Kerana sesungguhnya dirinya -dari segi zahirnya- adalah selain Allah, dan sekalipun masih belum benar-benar berlaku padanya makna melebihkan sesuatu berbanding dirinya (*al-ghairiyyah*) dengan pandangan lain dan penjelasan dalam bentuk yang lain.[110]

---

[109] *Talwihat* bermaksud huraian, tambahan dan ulasan pada perbahasan kitab.

[110] Imam al-Ghazali berkata: Tingkatan ini adalah persaksian (*musyahadah*) golongan *al-Siddiqin*. Al-Ghazali (2011), *Ibid.*

Tawakkal memerlukan Tauhid Perbuatan (*al-Fi'l*)

Hakikat tawakkal hanyasanya memerlukan tauhid perbuatan dan *fana'* tidak memerlukan pada tauhid *al-Zat* bahkan orang yang bertawakkal harus untuk melihat kepelbagaian, sebab-sebab dan perkara yang menyebabkan (*musabbab*) tetapi hendaklah dia menyaksikan perkaitan antara rantaian sebab-sebab tersebut dengan Allah sebagai penyebabnya.

Pada pandangan saya, perkara ini tidaklah samar daripada kamu kerana tidak termasuk dalamnya perkara-perkara yang menjadi ikhtiar manusia. Sesungguhnya kamu sekiranya melihat hujan yang merupakan sebab kepada tumbuhnya tumbuhan, maka kamu mengetahui bahawa hujan itu berlaku dengan sebab pengantaraan awan dan awan pula terjadi dengan sebab angin dan wap-wap bukit. Dan demikian juga bukit-bukau yang merupakan benda yang statik (*al-Jamadat*) terjadi dengan sebab yang berakhir kepada sebab yang pertama (Allah) yang tidak dapat disangkal. Dan sekiranya kamu tidak mengetahui bilangan pengantara yang menjadi sebab itu, maka tidaklah perkara itu memudaratkan kamu.

Hanyasanya yang menjadi kesamaran bagi kamu (tentang sebab dan musabbab ini) ialah perbuatan bagi manusia. Sekiranya kamu berkata:
Siapa yang memberi saya makan dengan makanan, maka dia yang memberi saya makan dengan pilihannya. Sekiranya dia berkehendak maka dia akan beri dan

sekiranya dia berkehendak maka dia akan halang. Maka bagaimana saya tidak melihatnya sebagai pelaku?

Hanyasanya dalam pemerhatian ini kamu adalah ibarat seperti seekor semut yang melihat garisan hitam di atas kertas putih yang terhasil daripada pena. Maka kamu menyandarkan garisan hitam itu hanyalah disebabkan oleh pena sahaja kerana pandangan mata kecil dan terhad pada semut itu tidak dapat menjangkau kepada melihat jari-jemari, dan daripadanya sehingga ke tangan, dan daripadanya sehingga kepada kekuasaan yang menggerakkan tangan, dan daripadanya sehingga kepada kemahuan di mana kekuasaan itu tunduk kepadanya, dan daripadanya sehingga kepada pengetahuan yang menyebabkan bangkitnya kemahuan dan ketetapannya, dan daripadanya sehingga kepada orang yang mempunyai kekuasaan, ilmu dan kemahuan.

Maka demikian juga kamu menyandarkan perbuatan hamba kepada kemahuan, pengetahuan dan kekuasaan mereka kerana jangkauan kamu tidak melihat kepada pena yang kamu tulis pengetahuan dengannya pada paparan hati, dan daripadanya sehinggalah ke jari-jemari yang antaranya adalah hati hamba-hambaNya, dan daripadanya sehingga ke tangan yang dengannya diselaputi tanah penciptaan Adam, dan daripadanya sehingga kepada kekuasaan yang dengannya berlaku pergerakan tangan bagi menutup akan sifat tanah [Maha Tinggi Allah dan Maha Suci Allah daripada sebarang pergerakan dan diam, namun contoh ini adalah untuk

memberikan kefahaman.][111] Dan daripadanya sehingga kepada Yang Maha Berkuasa yang daripadanya kekuasaan itu datang dan kembali. Dan yang demikian berlaku kerana kamu tidak mengetahui makna sabdaan Nabi SAW :

إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُورَتِهِ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah mencipta nabi Adam berdasarkan gambarannya.”* [112]

Dan kamu juga tidak faham makna Firman Allah dalam hadis al-Qudsi:

خَمَّرْتُ طِينَةَ آدَمَ بِيَدِي.

Maksudnya: *“Aku menutupi tanah Adam dengan tanganku.”*[113]

Dan kamu juga tidak memahami makna firman Allah Ta’ala:

ٱلَّذِى عَلَّمَ بِٱلْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ ٱلْإِنسَٰنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾ كَلَّآ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَيَطْغَىٰٓ ﴿٦﴾

---

[111] Tambahan daripada naskhah manuskrip yang terdapat dalam kurungan […]

[112] Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim.

[113] Berkata Imam al-‘Iraqi: “Riwayat al-Dailami dalam Musnad al-Firdaus dengan isnad yang sangat dhaif.

Maksudnya: *“Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya; Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya).”*

Surah al-‘Alaq: 4-6

Sesungguhnya, tidaklah kamu mengetahui tentang pena *(al-Qalam)* melainkan daripada batang buluh, dan tidaklah kamu mengetahui tentang jari dan tangan melainkan terdiri daripada daging dan tulang, dan tidaklah kamu mengetahui tentang gambaran melainkan terdiri daripada warna dan bentuk.

Sekiranya tersingkap bagi kamu hakikat makna semua itu, maka kamu akan mengetahui bahawa apabila kamu melempar, bukanlah kamu yang melepar namun hakikatnya yang melempar ialah Allah. Dia telah menguasakan kamu pendorong yang kuat dan pengetahuan yang dapat menghakimi secara pasti bahawa kejayaan kamu dalam melempar sebagai contohnya, sehingga bangkitnya kekuasaan *(al-Qudrah)* tersendiri yang penciptaannya adalah untuk berkhidmat kepada kehendak (*al-Iradah*), dan pengetahuan (*al-Ma’rifah*) berkhidmat dengan merasakan akur dan terpaksa. Kamu telah pun mengetahui bahawa sesungguhnya kamu adalah terpaksa membuat pemilihan yang sebenar, lalu kamu melakukan sesuatu sekiranya kamu berkehendak. Namun sebenarnya kamu

berkehendak apabila Allah berkehendak sama ada kamu mahu atau pun enggan.

Justeru sekarang pada huraian ini terdapatnya rahsia yang menggerakkan kaedah keterpaksaan (*al-Jabr*) dan pemilihan (*al-Ikhtiar*) serta mendatang keraguan yang menyalahi tauhid dan taklif syara'. Sesungguhnya kami telah huraikannya dalam kitab *al-Tauhid, al-Tawakkul* dan *al-Syukr* daripada kitab induk *al-Ihya'*. Maka carilah perbahasan tersebut daripadanya sekiranya kamu tergolong di dalam ahlinya.

Bagaimana keadaaan tawakkal memberi pengaruh?

Tidak cukup Iman itu dengan tauhid perbuatan dan zat dalam mempengaruhi keadaan tawakkal sehinggalah ditambah kepadanya Iman dengan rahmat, kepemurahan dan hikmah yang dengannya terhasil kepercayaan (*al-Thiqah*) kepada Allah sebagai Wakil Yang Benar *(al-Wakil al-Haq*) iaitu kamu menyakini secara pasti atau disingkapkan bagi kamu pandangan hati *(al-Basirah*).

Sesungguhnya Allah Ta'ala sekiranya menciptakan makhluk (manusia) kesemuanya dengan akal yang paling hebat di kalangan mereka bahkan akal yang paling sempurna yang dapat dijadikan perihal akal kepadanya, kemudian Dia menambah kepada mereka ilmu dan hikmah, kemudian Dia mendedahkan kepada mereka

akibat semua perkara, mendedahkan rahsia alam *malakut* [114] kepada mereka, cebisan-cebisan hikmah, perincian kebaikan dan kejahatan lalu Dia memerintahkan manusia untuk mentadbir alam *mulk* [115] dan *malakut*, sudah tentu mereka tidak dapat mentadbirnya dengan lebih baik daripada apa yang Dia lakukan.

---

[114] Menurut Imam al-Ghazali dari semua realiti yang ada, secara bentuk ada dua bahagian iaitu; empirikal atau alam inderawi (*'alam al-syahadah)* dan metafizik atau alam mata hati (*'alam al-malakut atau 'alam al-ghaib)*. Kita boleh membandingkan antara dua alam ini seperti kulit dengan isinya, bentuk luar sesuatu dengan ruhnya, kegelapan dengan cahaya, atau kerendahan dengan ketinggian. Alam *malakut* disebut alam atas, alam ruhani dan alam nurani, sementara alam s*yahadah* adalah alam bawah, alam jasmani, dan alam gelap. Lihat dalam *Misykat al-Anwar,* dalam *Majmu'ah Rasail (*Beirut: Dar al-Fikr, 1996), hlm. 273. Lihat juga *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy, Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 192.

Kesimpulannya, alam *malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi.

[115] Alam *Mulk* ialah alam yang dapat dilihat dengan mata atau pancaindera fizikal. Ia merangkumi alam yang dapat dilihat dengan mata fizikal manusia dan juga alam yang dapat diterokai dengan penggunaan alatan. Maka ianya melebar luas meliputi seluruh alam semesta yang berfizik meskipun jauhnya hingga ke bilangan Metagalaxy, Teragalaxy dan sebagainya, sehingga sampai kepada yang tanpa batas (*infinity*).. Alam *Mulk* ini juga hanya boleh berinteraksi dengan roh jasadi. Keseluruhan Alam *Mulk* ini ialah alam yang di bawah pentadbiran Allah. Manakala Alam *Malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi. (lihat huraian terperinci pada erti *malakut*)

Mereka tidak mungkin dapat menambah atau mengurangi apa yang telah Dia tetapkan walaupun sebesar sayap nyamuk. Mereka juga tidak mungkin sama sekali dapat menolak sebarang kesakitan, keaiban, kekurangan, kefakiran, mudharat, kejahilan dan kekufuran. Dan mereka juga tidak mungkin dapat mengubah pengagihan Allah Ta'ala daripada rezeki, ajal, kekuasaan, kelemahan, ketaatan dan maksiat bahkan mereka menyaksikan kesemuanya itu adalah semata-mata keadilan yang tiada padanya sebarang kezaliman, suatu kebenaran hakiki yang tiada padanya kekurangan, suatu yang bersifat istiqamah sempurna yang tiada padanya kelemahan dan percanggahan. Bahkan setiap apa yang mereka lihat akan kekurangan maka dikaitkannya dengan kesempurnaan lain yang lebih agung daripadanya. Apa yang disangkanya sebagai mudharat maka di atasnya terdapatnya manfaat yang lebih hebat daripadanya yang tidak akan dapat dicapai manfaat itu melainkan dengannya.

Mereka mengetahui secara pasti bahawa Allah Ta'ala Maha Bijaksana, Maha Pemurah dan Maha Pengasih, Dia tidak bakhil langsung kepada makhluk dan Dia tidak menyimpankan sesuatu pun perkara untuk memperbaiki hamba-hambaNya.

Justeru, perbahasan ini sekarang adalah lautan lain tentang pengetahuan (*al-Ma'rifah*). Yang menggerakkan

ombak-ombaknya ialah rahsia takdir *(al-Qadar)*[116] yang dihalang untuk membicarakannya oleh golongan ahli *mukasyafah*.[117] Namun ramai di kalangan manusia yang akan kehairanan terhadapnya (takdir). Dan tidak dapat berfikir tentangnya melainkan orang-orang yang berilmu dan tidak dapat tercapai takwilannya melainkan orang-orang yang kukuh keilmuannya (*al-Rasikhun*).[118]

---

[116] Takdir (*Al-Qada*) bermaksud keluarnya perkara-perkara yang harus berlaku (*al-Mumkinat*) daripada tiada kepada ada satu demi satu bertepatan dengan qadha' Allah. Qadha' berlaku sejak azali sedangkan qadar sentiasa berlaku. Lihat Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif, al- (2004), *Mu'jam al-Ta'rifat*, tahqiq Muhammad Siddiq al-Minshawi, Kaherah: Dar al-Fadhilah, h. 146.

[117] Imam al-Ghazali menyebut dalam kitab al-Ihya: *"Ilmu mukasyafah ialah ilmu kerohanian (batin) yang menjadi kemuncak bagi segala ilmu… Ilmu ini adalah ilmu golongan al-Siddiqin dan al-Muqarrabin iaitu dijelaskan sebagai cahaya yang menerangi hati seseorang setelah hatinya dibersihkan dan disucikan daripada sifat mazmumah.*" Lihat al- Ghazali, Muhammad bin Muhammad, Imam (2011), *Ihya' Ulum al-Din*, c,1, Jeddah: Dar al-Minhaj, j. 1, h. 75-78.

[118] Firman Allah Ta'ala:

وَمَا يَعۡلَمُ تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٧

Ertinya: "Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata:" Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

Sesungguhnya bahagian bagi orang awam ialah menyakini bahawa setiap apa yang menimpa mereka, takdir itu tidak akan tersalah pada hak mereka. Dan setiap apa yang tidak terkena pada mereka, maka takdir itu tidak akan menimpa mereka. Dan sesungguhnya yang demikian itu adalah wajib terhasil dengan hukum kehendak azali (*al-Mashi'ah al-Azaliyyah).*

Sesungguhnya tidak ada yang dapat menolak segala keputusanNya dan tiada ada yang dapat membantah segala ketentuanNya. Bahkan setiap perkara kecil dan besar telah pun tercatat dan akan terjadi mengikut takdir yang telah diketahui dan menanti untuk terjadi. Firman Allah Ta'ala:

وَمَآ أَمۡرُنَآ إِلَّا وَٰحِدَةٞ كَلَمۡحِۭ بِٱلۡبَصَرِ ٥٠

Maksudnya: *"Dan hal Kami (dalam melaksanakan apa yang Kami kehendaki), hanyalah satu cara sahaja, (cepat jadinya) seperti sekelip mata."*

Surah al-Qamar: 50

Rukun Kedua: Keadaan Tawakkal

Maknanya ialah kamu menyerahkan sesuatu urusan kamu kepada Allah, hati kamu mempercayaiNya, diri kamu

---

Surah Ali 'Imran: 7

merasakan tenang dengan penyerahan kepadaNya dan kamu tidak berpaling kepada selain Allah sedikitpun.

Perumpamaan keadaan tawakkal kamu adalah seperti seseorang yang menyerahkan kes pertelingkahan kepada penghakiman seorang hakim yang diketahui sebagai orang yang akan berlemah lembut kepadanya, orang yang paling kuat untuk mendedahkan kebatilan, orang yang paling tahu tentangnya, orang yang paling bersungguh untuk mengatasi permasalahannya.

Oleh sebab itu seseorang itu akan tenang berada di rumahnya, tenteram jiwa tanpa memikirkan helah-helah pihak lawannya dan tanpa memerlukan pertolongan orang lain kerana dia mengetahui bahawa pihak yang mewakilinya sudah mencukupi dan memadai untuk mencapai tujuannya serta tiada sesiapa yang dapat membantahnya.

Barangsiapa yang pengetahuannya telah benar mengenai rezeki, ajal, penciptaan dan perintah adalah dengan kekuasaan Allah, Dia adalah bersendirian dalam urusan tersebut, tiada sekutu bagiNya dan sifat pemurahNya, bijaksanaNya, rahmatNya tiada penghujungnya, tidak menyamai langsung sifat rahmat dan pemurah selain daripadaNya. Maka hatinya akan pasrah secara pastinya dan pandangannya akan terhenti kepada selainNya.

Sekiranya tidak terhenti pandangannya kepada selainNya, maka perkara tersebut tidak terjadi melainkan disebabkan salah satu daripada perkara berikut:

Pertama: Lemah keyakinan terhadap apa yang telah kami sebutkannya. Lemah keyakinan ini hanyasanya terjadi kerana telah masuk ke dalam dirinya perasaan syak atau dia tidak mampu menguasai hatinya. (Kerana sesungguhnya kematian itu adalah suatu yang yakin, tiada keraguan padanya, tetapi sekiranya keyakinan itu tidak menguasai hati,)[119] maka kematian itu adalah seperti syak yang tiada keyakinan padanya.

Perkara kedua: Hati pada fitrahnya berada dalam keadaan ketakutan dan kelemahan. Sifat takut (*al-Jubn*) dan berani (*al-Jur'ah*) adalah merupakan dua fitrah. Sifat takut menjadikan perihal jiwa tunduk kepada bisikan-bisikan hati yang samar dan ragu (*awham*) maka tidak syak lagi terhadap kebatilannya sehinggakan kadangkala seorang itu takut untuk bermalam bersama mayat di atas katil yang sama, atau dalam rumah yang sama sedangkan dia tahu bahawa Allah tidak akan menghidupkannya dan kekuasaan Allah ke atas mayat tersebut adalah seperti kekuasaanNya untuk menukarkan tongkat yang berada di tangan seseorang untuk menjadi seekor ular namun dia tidak berasa takut akan perkara tersebut.

---

[119] Ayat yang berada dalam kurungan (…) di atas tidak terdapat dalam teks bahasa Arab cetakan Dar al-Qalam, namun didapati terdapat dalam terbitan Dar al-Minhaj.

Bahkan kadangkala seseorang itu menyerupakan madu dengan air kencing maka dia keuzuran untuk makan madu sedangkan dia tahu bahawa perumpamaan itu adalah dusta namun yang demikian itu adalah disebabkan kelemahan jiwa dan ketaatannya terhadap bisikan hati yang samar dan ragu (*awham*).

Justeru sebagaimana tidak sunyi seseorang itu daripada sesuatu daripadanya (bisikan hati yang samar dan ragu) sekalipun lemah maka tidaklah jauh untuk seseorang itu mendapat keyakinan dengan tauhid dengan cara tidak mencampurinya dengan sebarang keraguan di samping mengosongkan hati kepada sebab-sebab yang berlaku.

Darjat Tawakkal

Apabila kamu telah mengetahui bahawa tawakkal ialah gambaran tentang perihal hati yang percaya dengan Allah sebagai sandaran yang benar (*al-Wakil al-Haq*), dan memutuskan untuk berpaling kepada selainNya, maka ketahuilah bahawa padanya **terdapat tiga darjat**:

Pertama: Apa yang telah kami sebutkannya iaitu seperti **percaya (*al-Thiqah*)** kepada Hakim sebagai wakil dalam menyelesaikan pertikaian setelah menyakini kesempurnaannya dalam petunjuk (*al-Hidayah*), kekuasaan (*al-Qudrah*) dan belas kasihan (*al-Shafaqah*).

Kedua: Lebih kuat daripadanya (keadaan yang pertama) seperti keadaan bayi yang percaya dengan ibunya dan akan memanggil ibunya dalam setiap perkara yang menimpanya. Hal ini kerana dia percaya dengan kasih sayang dan penjagaan ibunya.

Namun tawakkalnya ini akan lenyap daripada pergantunggannya kerana tawakkal ini tidak diperolehi daripada berfikir dan usaha walau bagaimanapun tawakkalnya ini masih berkait dengan sejenis dapatan (*idrak*). Adapun tawakkal seseorang kepada hakim sebagai wakil dalam menyelesaikan pertikaian maka tawakkalnya adalah seperti diperolehi dengan cara berfikir dan memerhati.

Ketiga: Ini adalah darjat yang paling tinggi iaitu dia ketika **bertawakkal dengan Allah seperti mayat yang menyerah dirinya di hadapan orang yang memandikannya,** bukannya seperti tawakkal bayi. Sesungguhnya bayi itu akan berteriak memanggil ibunya dan memegang hujung baju ibunya.

Bahkan darjat ini seperti tawakkal bayi yang dia tahu bahawa sekiranya dia tidak berteriak memanggil ibunya, ibunya tetap akan mencarinya, sekiranya dia tidak menarik hujung baju ibunya, ibunya tetap akan mendukungnya, sekiranya dia tidak meminta susu ibunya maka ibunya tetap akan menyusukannya.

Maka orang ini pada hak Allah sebagai orang yang gugur pemilihan (ikhtiar) kerana dia tahu bahawa dirinya adalah mengikut perjalanan takdir dan tidak berbaki padanya sebarang ruang melainkan menunggu apa yang telah ditetapkan ke atasnya untuk berlaku. Kedudukan ini tidak gemar untuk berdoa dan meminta sedangkan bagi kedudukan kedua dan pertama tidak menegah untuk berdoa.

Kedudukan akhir ini juga menegah untuk melibatkan diri dalam urusan tadbir dan demikian juga bagi kedudukan kedua melainkan urusan tadbir yang berkaitan dengan wakil sahaja. Kedudukan pertama menegah untuk mencampuri urusan tadbir dengan berkaitan selain daripadaNya dan tidak menghalang dengan jalan yang digambarkannya sebagai wakil dan menggalakkan serta memerintahkannya untuk melakukannya.

Rukun Ketiga: Tawakkal pada amalan

Dan kadangkala golongan jahil menyangkakan bahawa syarat tawakkal ialah meninggalkan pekerjaan, meninggalkan usaha untuk mendapatkan rawatan dan berserah diri kepada kebinasaan. Kesemua ini adalah salah kerana perkara tersebut adalah haram di sisi syara’. Sedangkan syara’ memuji akan sifat tawakkal dan menggalakkan kepada sifat tawakkal. Justeru, mana

mungkin cara untuk mendapatkan sifat tawakkal dengan melakukan perkara yang dilarang syara'.

Hakikat sebenar tawakkal ialah usaha seseorang hamba itu tidak terlepas daripada 4 seni keadaan:

- ✓ Mendapatkan sesuatu yang bermanfaat yang belum lagi wujud; atau
- ✓ Memelihara manfaat yang sedia ada; atau
- ✓ Menolak kemudharatan supaya tidak terjadi; atau
- ✓ Memutuskan kemudharatan supaya ia hilang.

Seni Keadaan Pertama: Mendapatkan perkara-perkara yang bermanfaat

Terdapat 3 sebab-sebabnya sama ada secara pasti (maqtu') atau sangkaan kuat zahir yang boleh dipercayai (mazhnun) atau sangkaan yang ragu-ragu (mauhum).

Adapun sebab yang pasti (*maqtu'*) maka perumpamaannya ialah seperti seseorang itu tidak menghulurkan tangan untuk mendapatkan makanan sedangkan dia kelaparan lalu berkata:
"*Ini adalah usaha dan saya bertawakkal*."
Atau seseorang itu inginkan anak sedangkan dia tidak menggauli isterinya.

Atau menginginkan tanaman namun dia tidak menanam biji benih. Justeru ini adalah suatu kejahilan kerana ketetapan Allah (sunnatullah) tidak akan berubah.

Sesungguhnya perkaitan musabbab-musabbab dengan sebab-sebab telah memberikan pengetahuan kepada kamu tentang ketetapan Allah yang tiada baginya sebarang pertukaran.

Hanyasanya tawakkal bagi keadaan (pertama - *maqtu'*) ini dengan 2 perkara:

Pertama: Hendaklah kamu mengetahui bahawa tangan, makanan, benih, kekuasaan melakukannya dan kesemuanya ini adalah daripada kekuasaan Allah Ta'ala.

Kedua: Hendaklah dia tidak berserah kepada sebab-sebabnya dengan hatinya bahkan hendaklah berserah kepada pencipta kepada sebab-sebab tersebut. Bagaimana mungkin seseorang itu boleh berserah kepada tangannya sedangkan tangannya boleh jadi lumpuh dalam sekelip mata atau makanannya boleh menjadi rosak? Dan yang demikian adalah membenarkan ucapan kamu;

لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ

Maksudnya: "Tiada sebarang pergerakan dan tiada sebarang kekuasaan melainkan dengan pergerakan dan kekuasaan Allah."

Maka kalimah *al-Haul* bermaksud pergerakan, dan *al-Quwwah* ialah kekuasaan. Sekiranya hal ini adalah merupakan keadaan kamu, maka kamu seorang yang bertawakkal walaupun kamu berusaha.

Adapun sebab sangkaan zahir yang dipercayai (mazdnun) perumpamaannya ialah seperti berdampingan dengan bekalan sama ketika berada di perkampungan ataupun ketika bermusafir. Maka bukanlah meninggalkan bekalan itu adalah syarat untuk bertawakkal bahkan merupakan tauladan bagi golongan terdahulu, bahkan mereka bergantung kepada kurniaan Allah dalam menolak sebarang ancaman pencuri, mengekalkan bekalan dan kehidupan dan kekuasaan untuk melakukannya.

Adapun sebab sangkaan yang ragu-ragu (*mauhumat*), perumpamaannya ialah seperti pengkajian kepada helah-helah kehidupan dan mengeluarkan hasil-hasil dapatan terperinci daripadanya. Hal ini merupakan buah daripada sifat tamak dan kadangkala membawa seseorang kepada melakukan perkara-perkara syubhah. Maka kesemua ini adalah bertentangan dengan sifat tawakkal.

Dan dalilnya ialah Nabi SAW menyifatkan golongan yang bertawakkal sebagai orang yang tidak berubat dengan menggunakan besi panas (*al-Kai*) dan juga tidak berubat dengan mantera-mantera yang merupakan amalan orang jahiliyyah.

Nabi tidak menyifatkan orang yang bertawakkal itu sebagai orang yang tidak menetap di kota-kota dan tidak berusaha mencari pekerjaan. Maka perkaitan perkara-perkara ini dengan sebab adalah seperti perkaitan berubat dengan mantera-mantera (*al-ruqyah*) dan besi panas (*al-Kai*). Maka meninggalkan kedua-dua perbuatan tersebut adalah sebahagian daripada syarat bertawakkal.[120]

Seni Keadaan Kedua dalam menguruskan sebab-sebab (*Tadbir al-Asbab*):

Termasuk dalam menguruskan sebab-sebab (*Tadbir al-Asbab*) ialah menyimpan hasil pendapatan untuk masa hadapan (*al-Iddikhar*).

Orang yang bertawakkal apabila mewarisi sesuatu harta dan menyimpan untuk tempoh satu tahun ke atas maka terbatallah tawakkalnya. Sekiranya dia redha dengan sedikit makanan asasinya pada hari itu dan mengagih-agihkan bakinya kepada orang lain maka dia telah mencapai kesempurnaan tawakkal.

---

[120] Imam al-Tirmizi meriwayatkan hadith Nabi SAW :

مَنِ اكْتَوَى أَوِ اسْتَرْقَى فَقَدْ بَرِئَ مِنَ التَّوَكُّلِ

Ertinya: *“Barangsiapa yang berubat dengan mengenakan besi panas (al-Kai) pada badannya atau meminta bacaan mantera-mantera (al-Ruqyah) yang merupakan amalan jahiliyyah maka sesungguhnya dia telah berlepas diri daripada sifat tawakkal.”*

Sekiranya seseorang itu menyimpan untuk tempoh 40 hari, Imam Sahl al-Tustari telah berkata: "*Terbatal sifat tawakkalnya dan dia tidak dapat mencapai kedudukan yang terpuji yang dijanjikan kepada orang yang bertawakkal*." Manakala Imam al-Khawwas berkata: "*Tidak terbatal tawakkalnya*."

Para ulamak tasawuf bersepakat bahawa pertambahan simpanan yang melebihi tempoh 40 hari menyebabkan **terbatalnya sifat tawakkal melainkan sekiranya seseorang itu mempunyai tanggungan.** Maka seseorang yang mempunyai tanggungan keluarga boleh menyimpan bekalan makanan untuk tempoh satu tahun.

Baginda Nabi SAW melakukan sedemikian untuk hak keluarganya sedangkan untuk haknya sendiri baginda Nabi SAW tidak menyimpan makanan paginya untuk makan malamnya.[121]

Tidak syak lagi bahawa panjangnya angan-angan adalah bertentangan dengan sifat tawakkal. Semakin sedikit tempoh simpanan makanan maka semakin tinggi kedudukan tawakkalnya, namun menjadi ketetapan Allah (Sunnatullah) berlakunya pengulangan rezeki ketika berlakunya pengulangan tahun. Maka menyimpan makanan melebihi tempoh setahun adalah kemuncak kelemahan dan sedikit pun tidak ada sifat tawakkal.

---

[121] Muttafaqun 'alaih.

Adapun menyimpan bejana dan perkakas rumah maka adalah harus kerana ketetapan Allah (Sunnatullah) tidak berlaku pengulangannya sebagaimana pengulangan rezeki dan seseorang itu berhajat kepadanya pada setiap waktu. Bukannya seperti pakaian musim sejuk, kerana tidak diperlukan pada musim panas. Maka menyimpan pakaian musim sejuk menyalahi sifat tawakkal.

Nabi SAW bersabda mengenai seorang fakir yang telah dikebumikan:

إِنَّهُ يُحْشَرُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ، وَلَوْلَا خَصْلَةٌ كَانَ كَالشَّمْسِ الضَّاحِيَة، كَانَ إِذَا جَاءَ الشِّتَاءُ ادَّخَرَ حُلَّةَ الصَّيْفِ لِصَيْفِهِ.

Maksudnya: *"Sesungguhnya dia akan dihimpunkan pada hari kiamat dalam keadaan wajahnya seperti bulan pada malam purnama. Dan kalaulah bukan kerana satu sikapnya nescaya wajahnya seperti matahari yang terang. Sikapnya itu ialah apabila datangnya musim sejuk dia akan menyimpan pakaian musim panasnya untuk dipakai pada musim panas seterusnya."*[122]

[122] Imam al-'Iraqi berkata: Aku tidak dapati pada hadis ini asalnya. Imam al-Zabidi berkata: Pengarang kitab *al-Qut* telah meriwayatkan dengan sanadnya kepada Shihr bin Hawshab daripada Abi Umamah.

Seni Keadaan Ketiga (merangkumi keempat)

Pada menghadapi sebab-sebab yang menjadi ancaman seperti lari daripada binatang buas, mengelak daripada dinding yang condong, dan menjauhi daripada laluan air serta melawan penyakit dengan pengambilan ubat. Dan kesemua ini padanya darjat. Maka cubalah untuk sampai kepada pemahamannya melalui analogi yang telah kami sebutkannya dan huraikannya dalam kitab *Ihya*.[123]

Bilakah meninggalkan bekalan simpanan itu menjadi terpuji?

Ketahuilah bahawa meninggalkan bekalan simpanan itu adalah terpuji bagi sesiapa yang kuat keyakinannya dan hatinya. Adapun seseorang yang lemah yang hatinya bimbang sekiranya dia tidak menyimpan maka dia tidak dapat tumpu kepada ibadah, maka yang paling afdhal baginya ialah meninggalkan jalan orang-orang yang bertawakkal dan dia tidak membebani dirinya terhadap apa yang dia tidak mampu. Kerana lebih banyak kerosakan akan berlaku kepada haknya berbanding daripada kebaikan.

Bahkan sepatutnya setiap orang itu diberi ubat mengikut keadaannya dan kekuatannya. Dan kadang-kadang kekuatan seseorang itu boleh sampai ke kemuncak dengan dapat bermusafir ke pedalaman tanpa membawa

[123] Rujuk kitab *al-Tawakkul* dalam *Ihya' Ulum al-Din*.

sebarang bekal. Hal ini adalah bagi sesiapa yang dapat bersabar daripada makanan selama seminggu dan berpada dengan makan rumput. Sesungguhnya yang demikian kebiasaannya tidaklah sukar baginya di kawasan pedalaman.

Adapun orang yang lemah, sekiranya dia melakukan yang demikian, maka dia telah melakukan maksiat kerana mencampakkan dirinya ke dalam kebinasaan. Dan orang yang kuat sekiranya dia menahan dirinya di dalam gua di kawasan bukit yang tiada padanya rumput dan tidak dilalui oleh manusia, maka perkara ini juga adalah haram kerana telah menyalahi ketetapan Allah kepada makhlukNya.

Hanyasanya yang diharuskan baginya untuk meninggalkan bekalan sekiranya berada di pedalaman kerana ketetapan Allah berlaku bahawa kawasan pedalaman tidak sunyi daripada rumput dan dilalui oleh orang. Maka apabila dia kuat (mengharungi ujian), kebinasaannya jarang terjadi. Justeru dia tidaklah dikira sebagai berdosa disebabkan keadaan demikian. Hendaklah seseorang itu bermusafir di pedalaman dalam keadaan bersandarkan kepada keindahan ciptaan Allah tanpa menghadkan pandangan kepada sebab-sebab yang nyata dan jelas tanpa terkeluar daripada syara'.

Asas Kelapan Kecintaan
(في المحبة)

Asas Kelapan: Kecintaan

(Fi al-Mahabbah)

Allah Ta’ala berfirman:

يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ

Maksudnya: *“Suatu kaum yang Dia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia.”*

Surah al-Maidah: 54

Firman Allah Ta’ala:

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَـٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَـٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

Maksudnya: *“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan*

merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya."
Surah al-Taubah: 24

Nabi SAW bersabda:

لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا.

Maksudnya: *"Tidaklah sempurna iman seseorang di kalangan kamu sehingga dia menjadikan Allah dan RasulNya yang paling dicintainya berbanding daripada selain kedua-duanya."*[124]

Nabi SAW bersabda:

أَحِبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغْذُوكُمْ بِهِ مِنْ نِعَمِهِ ، وَأَحِبُّونِي لِحُبِّ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya: *"Hendaklah kamu mencintai Allah dengan apa yang telah Dia kurniakan kepada kamu daripada nikmat-nikmatNya. Dan cintailah Aku kerana mencintai Allah Azza Wa Jalla."*[125]

Sayyidina Abu Bakr al-Siddiq berkata:
"Barangsiapa yang merasai sebenar-benarnya kecintaan kepada Allah Azza Wa Jalla, maka yang demikian menghalangnya daripada mencari dunia dan memencilkannya daripada orang ramai."

---

[124] Muttafaqun 'alaih.

[125] Riwayat Imam al-Tirmizi dan dia berkata: "Hasan gharib." Juga riwayat al-Tabarani, al-Hakim dan al-Baihaqi. Lihat *Ithaf*: 12/308.

Dan al-Hasan al-Basri berkata:
"Barangsiapa yang mengenali Allah maka dia akan mencintaiNya. Barangsiapa yang mengenali dunia maka dia akan berzuhud padanya. Dan orang mukmin tidak akan berhibur sehingga dia lalai dan apabila dia bertafakkur dia akan bersedih."

Golongan yang mengingkari kecintaan (mahabbah) terhadap Allah Ta'ala

Ketahuilah bahawa **sebilangan** di kalangan ulama' ilmu kalam telah mengingkari kecintaan kepada Allah dan mentakwilnya.[126] Dan mereka berpandangan:
"Tiada makna bagi kecintaan melainkan bertindak mengikut segala perintahNya. Sekiranya tidak yang demikian, maka Allah itu sifatnya tiada sesuatu yang dapat menyerupaiNya dan Dia tidak menyerupai sesuatu apa pun, justeru bagaimana kita mencintaiNya? Hanyasanya yang tergambar bagi kita ialah kita mencintai seseorang yang merupakan daripada jenis kita."

---

[126] Takwil dari segi istilah bermaksud memindahkan lafaz daripada maknanya yang zahir kepada makna kebarangkaliannya apabila makna kebarangkalian tersebut bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah. Perbezaan takwil dan tafsir ialah tafsir adalah lebih umum berbanding takwil dan kebanyakan penggunaan tafsir ialah pada lafaz dan kosa katanya manakala penggunaan takwil ialah pada makna dan struktur ayatnya. Rujuk Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun'im (2004), *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fadhilah, j.1, h. 418.a

Mereka (ulama’ ilmu kalam) adalah terhalang untuk memahami hakikat perkara ini (mencintai Allah) dengan sebab kejahilan mereka. Sesungguhnya kami telah menyingkap tabir dalam permasalahan ini dalam kitab *al-Mahabbah* daripada kitab induk *al-Ihya’.* Maka bacalah perbahasan tersebut nescaya kamu akan dapati daripadanya rahsia-rahsia yang tersembunyi berbanding kitab-kitab yang lain. Justeru memadailah pembicaraan di sini secara ringkas sahaja pada huraian dan isyaratnya.

Apa makna sesuatu itu dicintai?

Ketahuilah bahawa setiap yang lazat itu akan dicintai. Dan makna sesuatu itu dicintai ialah kecenderungan hati kepadanya. Sekiranya kuat kecenderungan maka dinamakan sebagai rindu (*‘ishq*). Dan makna sesuatu itu dibenci ialah cepatnya berjauhan hati daripadanya kerana keadaannya yang menyakitkan. Sekiranya kuat kebencian dan berjauhan maka dinamakan sebagai marah (*maqt*).

Dan ketahuilah bahawasanya sesuatu yang dapat diketahui dengan pancaindera kamu dan kesemua perasaan kamu sama ada bertepatan dan bersesuaian dengan kamu maka inilah kelazatan; atau menyalahi dan bercanggah dengan perasaan kamu maka inilah kesakitan; atau tidak bertepatan dan tidak pula bercanggah maka inilah perasaan yang tiada kesakitan dan tiada kelazatan.

Setiap yang lazat itu akan disukai iaitu bagi jiwa yang merasai kelazatan akan cenderung kepadanya tanpa dapat disangkal padanya.

Dan ketahuilah bahawa rasa lazat adalah mengikut kepada pengetahuan. Terdapat 2 jenis pengetahuan iaitu zahir dan batin.

Pengetahuan zahir itu adalah dengan melalui panca indera yang lima; Sudah tentulah kelazatan mata ialah pada gambaran-gambaran yang cantik, kelazatan telinga ialah pada irama-irama yang disusun dengan indah, kelazatan rasa dan bau ialah pada makanan dan bauan yang sesuai dan bertepatan dengan kehendak jiwa dan kelazatan seluruh badan ialah pada memakai pakaian yang selesa dan lembut. Kesemua ini disukai oleh jiwa iaitu jiwa akan cenderung kepadanya.

Adapun pengetahuan yang batin, maka ia adalah halus yang tempatnya adalah hati dan kadangkala disebut dengan akal dan kadangkala disebut dengan cahaya dan kadangkala disebut sebagai panca indera yang keenam. Dan janganlah kamu melihat kepada sebutannya sahaja yang menyebabkan kamu akan salah.

Bahkan Nabi SAW bersabda:

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنْ دُنْيَاكُمْ ثَلَاثٌ: اَلطِّيِّبُ وَالنِّسَاءُ، وجُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي في الصلاةِ.

Maksudnya: *"Tiga perkara yang dijadikan kesukaanku terhadap dunia kamu: wangian, wanita dan dijadikan penyejuk mataku ialah ketika di dalam solat."*[127]

Maka ketahuilah bahawa wangian dan wanita pada kedua-duanya terdapat bahagian bauan, sentuhan dan

---

[127] Diriwayatkan oleh Imam Nasa'i daripada Anas tanpa sabda nabi "Tiga" dan Imam Al-Hakim meriwayatkan dengan isnad yang baik dan Imam al-'Uqaili mendhaifkannya. Imam Ahmad meriwayatkan dalam kitab *al-Zuhd*. Imam al-Hafiz Ibn Hajar berkata: "Lafaz (tiga) tidak terdapat sedikitpun dalam jalan-jalan periwayatannya dan ia merosakkan makna". Imam al-Zabidi berkata: "(Wanita) adalah kerana ramainya di kalangan orang lelaki Islam yang akan dihiasi dengan mereka pada hari kiamat. Dan dinukilkan daripada Imam al-Tibi: "Didatangkan hadis dengan struktur *fi'lun majhul* sebagai dalil bahawa perkara itu bukanlah menjadi sikap dan tabiatnya sebaliknya ditetapkan untuk menyukainya sebagai rahmat terhadap hamba-hambaNya dan kasih kepada mereka." Rujuk *Ithaf* 6/60. Dan kecintaan ini tidaklah sepertimana yang digambarkan oleh orang-orang yang jahil dan sesiapa yang hatinya penuh dengan syahwat. Maka baginda Nabi SAW terhindar daripada perkara tersebut. Hanyasanya kecintaan itu untuk kepentingan agama dan rahsia-rahsia yang tidak diketahui melainkan orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Nabi tinggal di Mekah selama 28 tahun, tidaklah dia berkahwin melainkan dengan Saidatina Khadijah R. Anha sedangkan Saidatina Khadijah R. Anha lebih berusia daripada Nabi. Dan ketika Nabi berhijrah ke Madinah, tidaklah dia berkahwin dengan gadis melainkan dengan Saidatina 'Aisyah R. Anha.

pandangan, sedangkan solat tiada bahagian padanya untuk panca indera yang lima bahkan adalah untuk kelazatan panca indera keenam yang tempatnya adalah hati. Dan tidaklah dapat dirasainya bagi sesiapa yang tidak mempunyai hati. Sesungguhnya Allah itu berkuasa untuk mengubah atau menyekat seseorang itu dengan hatinya.

Dan barangsiapa yang hanya menghadkan merasai kelazatan berdasarkan panca indera yang lima sahaja maka dia adalah binatang berkaki empat kerana binatang berkaki empat turut berkongsi pada perkara tersebut. Hanyasanya keistimewaan manusia itu ialah perbezaan dengan pandangan batin. Kelazatan penglihatan (*basar*) zahir ialah pada gambaran cantik secara zahir dan kelazatan pandangan (*basirah*) batin ialah pada gambaran cantik secara batin.

Apa makna gambaran cantik secara batin?

Boleh jadi kamu akan bertanya: Apa makna gambaran cantik secara batin? Maka jawapanku: Tiadalah di sisiku hujah melainkan tidakkah kamu merasai dalam diri kamu perasaan mencintai para Nabi, ulamak dan sahabat? Tidakkah kamu mengetahui perbezaan dalam diri kamu antara raja yang adil, berilmu, berani, pemurah dan berlemah lembut terhadap makhluk dengan raja yang zalim, jahil, bakhil keras dan kasar?

Tiadalah di sisiku hujah melainkan diri kamu apabila diceritakan kepada kamu tentang sifat benar Abu Bakr R.A, pemerintahan Umar R.A, pemurah Uthman R.A, keberanian ‘Ali R.A, tidakkah kamu merasakan dalam jiwa kamu perasaan gembira, senang dan cenderung kepada mereka dan kepada setiap yang disifatkan melalui sifat kesempurnaan daripada nabi, orang yang benar dan berilmu.

Bagaimana kamu boleh mengingkari perasaan ini sedangkan ada di kalangan manusia yang sanggup menebus diri mereka kepada ulamak mazhab dan kecintaan mereka terhadap ulamak mereka membawa kepada kesanggupan untuk mengeluarkan harta dan jiwa untuk mempertahankan mereka. Dan melangkaui kecintaan mereka kepada batasan rindu.

Kamu mengetahui bahawa kecintaan kamu kepada mereka bukanlah disebabkan rupa paras zahir mereka kerana kamu tidak sempat menyaksikan mereka. Sekiranya kamu sempat menyaksikan mereka boleh jadi kamu tidak menyukai rupa mereka. Sekiranya rupa paras zahir mereka tidak elok namun yang tinggal ialah sifat-sifat maknawi mereka secara batin maka akan tetap kamu mencintai mereka.

Sekiranya kamu meneliti tentang perkara yang dicintai oleh kamu terhadap mereka, kesemua itu kembali - selepas perincian yang panjang yang tidak dapat

dimuatkan dalam kitab ini - kepada 3 sifat iaitu ilmu, kemampuan dan suci daripada keaiban.

Adapun dari segi ilmu; disebabkan keilmuan mereka terhadap Allah, malaikat, kitab-kitab, para rasul, keajaiban alam *malakut* dan perincian syariat para nabiNya.

Adapun dari segi kemampuan; disebabkan kemampuan mereka untuk menahan nafsu mereka dan membawa nafsu ke jalan yang lurus dan kemampuan mereka terhadap hamba-hamba dengan mengurus mereka dan membimbing mereka kepada kebenaran.

Adapun dari segi suci daripada keaiban; disebabkan selamatnya batin mereka daripada aib kejahilan, bakhil, hasad, akhlak yang buruk dan terhimpunnya kesempurnaan ilmu, kemampuan beserta akhlak yang baik iaitu batin yang baik yang tidak dapat dirasai oleh binatang berkaki empat dan sesiapa yang seperti perihalnya dengan penglihatan zahir sahaja.

Kemudian, apabila kamu mencintai mereka disebabkan sifat-sifat ini, dan kamu mengetahui bahawa adalah Nabi SAW orang yang paling terhimpun padanya sifat-sifat mulia ini, maka kecintaan kamu terhadapnya mestilah lebih dahsyat lagi.

Kemudian tingkatkanlah pandangan kamu sekarang daripada mencintai nabi kepada mencintai pengutus nabi, penciptanya, pemilih di kalangan makhluk dengan

mengutusnya agar kamu mengetahui bahawa pengutusan para nabi adalah merupakan kebaikan daripada kebaikanNya.

Kemudian nisbahkanlah kemampuan nabi, keilmuan mereka dan kesucian mereka kepada ilmu Allah, kekuasaanNya dan kesuciaanNya agar kamu mengetahui bahawa sesungguhnya tiada yang suci melainkan Tuhan Yang Maha Esa lagi Benar. Sesungguhnya selain daripadaNya tidak terlepas daripada keaiban dan kekurangan. Bahkan pengabdian merupakan sebesar-besar kekurangan.

Maka kesempurnaan apakah bagi seseorang yang tidak dapat berdiri dengan dirinya sendiri, tidak dapat memiliki kematian, kehidupan, rezeki dan ajal untuk dirinya sendiri? Kesempurnaan ilmu apakah bagi seseorang yang menghadapi masalah sifat batinnya dalam keadaan sakit dan sihat? Bahkan dia tidak mengetahui keseluruhan anggotanya yang batin, perinciannya dan hikmahnya yang sebenar lebih-lebih lagi mengenai alam malakut di langit dan bumi.

Justeru, sandarkanlah perkara ini kepada ilmu azali (meliputi kesemua makhluk-makhluk yang wujud dan perkara-perkara diketahui yang tiada penghujung baginya) yang tidak luput daripadaNya walau seberat zarah di langit dan bumi. Dan sandarkanlah perkara ini kepada kekuasaan pencipta langit dan bumi di mana tidak akan terlepas sesuatu kewujudan daripada genggaman

kekuasaanNya dalam mewujudkannya, mengekalkannya dan mentiadakannya.

Sandarkanlah kesuciaan ilmuNya daripada sebarang keaiban kepada kesucian ZatNya agar kamu mengetahui bahawa sesungguhnya tiada kesucian, kekuasaan dan ilmu melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Satu dan Yang Maha Benar. Hanyasanya selain daripadaNya adalah kekuasaan yang diberikan oleh Allah.

Allah berfirman:

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ

Maksudnya: *"Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya)."*

Surah al-Baqarah: 255

Allah berfirman:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلاً

Maksudnya: *"Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".*

Surah al-Isra': 85

Maka lihatlah sekarang, adakah kamu dapat mengingkari sifat-sifat ini dan kepujian-kepujian yang dicintai ini? Atau kamu mengingkari sifat-sifat kesempurnaan dan agung itu

ialah Allah Ta’ala? Dan lihatlah bagaimana kamu boleh mengingkari kecintaanNya selepas daripada itu.

Janganlah membataskan kecenderungan cinta itu kepada pemberi nikmat sahaja

Sekiranya pandangan kamu terbatas kepada mengetahui sifat-sifat keagungan, kesempurnaan dan cenderung kepada menelitinya serta gembira dan rindu dengannya, maka janganlah kamu membataskan kecenderungan kecintaan kepada pemberi nikmat yang baik kepada kamu sahaja. Dan janganlah kamu menjadi lebih teruk daripada anjing. Sesungguhnya anjing mencintai tuannya yang berbuat baik kepadanya.

Perhatikanlah perkara ini di sekeliling kamu, Adakah terdapat seseorang yang berbuat baik kepada kamu selain daripada Allah Ta’ala? Adakah kamu mempunyai bahagian keseronokan, kelazatan dan menikmati dalam sesuatu perkara dan tamak terhadap nikmat itu melainkan Allah Ta’ala yang menciptakannya, menzahirkannya, mengekalkannya dan menjadikan nafsu syahwat cenderung kepadanya serta merasai kelazatan dengannya? Dan perhatikanlah kepada anggota kamu dan kehalusan ciptaan Allah Ta’ala terhadap kamu agar kamu mencintaiNya disebabkan ihsanNya kepada kamu.

Justeru kamu akan menjadi orang awam dari kalangan makhluknya sekiranya kamu tidak dapat mencintaiNya

disebabkan oleh keindahanNya, keagunganNya dan kesempurnaanNya sebagaimana para malaikat mencintaiNya disebabkan perkara tersebut. Patuhilah sabda Nabi SAW :

أَحِبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغْذُوكُمْ بِهِ مِنْ نِعَمِهِ ، وَأَحِبُّونِي لِحُبِّ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya: *"Hendaklah kamu mencintai Allah dengan apa yang telah Dia kurniakan kepada kamu daripada nikmat-nikmatNya. Dan cintailah Aku kerana mencintai Allah."*[128]

Dan ketika ini kamu menjadi hamba yang berperangai buruk kerana mencintai dan melakukan kerja disebabkan upah dan nafkah. Namun tidaklah mengapa sekiranya bertambah dan berkurangnya kecintaan kamu disebabkan bertambah dan berkurangnya ihsanNya. Hal ini adalah kecintaan yang paling lemah.

Bahkan kecintaan yang paling sempurna ialah seseorang yang mencintai Allah kerana keagunganNya, keindahanNya dan kepujian sifat-sifatNya yang tidak tergambar adanya sekutu pada ketuhanan. Oleh itu, Allah Ta'ala telah mewahyukan kepada Nabi Daud AS: *"Sesungguhnya orang yang paling dikasihi di sisi Aku ialah sesiapa yang beribadah kepada Aku tanpa mengharapkan pemberian, namun dia beribadah adalah untuk menunaikan hak-hak ketuhanan* (*al-Rububiyyah*).

[128] Riwayat Imam al-Tirmizi dan dia berkata: "Hasan gharib." Juga riwayat al-Tabarani, al-Hakim dan al-Baihaqi. Lihat *Ithaf*: 12/308.

Dinyatakan dalam kitab al-Zabur: *“Siapakah yang lebih zalim daripada orang yang beribadah semata-mata kerana syurga atau neraka. Sekiranya Aku tidak menciptakan syurga dan neraka, adakah Aku tidak layak untuk ditaati dan disembah?”*

Nabi Isa AS pernah melalui sekumpulan ahli ibadah dan sesungguhnya mereka mengasingkan diri mereka untuk beribadah dan mereka berkata: “*Kami takut kepada neraka dan mengharapkan syurga.*”
Lalu Nabi Isa menjawab: *“Kamu hanya takut kepada makhluk (neraka) dan kamu mengharapkan kepada makhluk (syurga)”.*
Kemudian beliau melalui kumpulan ahli ibadah yang lain yang turut mengasingkan diri mereka untuk beribadah. Lalu mereka berkata: *“Kami beribadah kepada Allah kerana mencintaiNya dan mengagungkan kemulianNya”.*
Lalu Nabi Isa menjawab: *“Kamu adalah wali-wali Allah yang sebenar. Dan aku diperintahkan untuk tetap bersama-sama dengan kamu.”*

Orang yang mengenali Allah (*Al-‘Arif*) tidak akan mencintai melainkan hanya kepada Allah

Golongan a*l-‘Arif* tidak akan mencintai melainkan hanya kepada Allah Ta’ala. Sekiranya dia mencintai selain Allah maka dia mencintainya kerana Allah Azza Wajalla. Kerana

kadangkala seseorang pecinta itu mencintai hamba yang disayangi, kaum kerabatnya, negaranya, pakaiannya, ciptaannya, penulisannya dan mencintai semua yang datang daripadanya dan sesuatu yang disandarkan kepadanya. Dan setiap apa yang wujud adalah ciptaan Allah dan karyaNya. Dan setiap makhluk adalah hamba-hamba Allah.

Justeru, sekiranya seseorang itu mencintai rasul maka dia mencintai Allah kerana rasul adalah utusan yang dicintaiNya dan kekasihNya. Sekiranya seseorang itu mencintai sahabat maka kerana mereka adalah kekasih rasulNya dan mereka dicintai Allah dan merupakan hambaNya dan sentiasa melakukan ketaatan.

Sekiranya seseorang itu mencintai makanan adalah kerana makanan itu dapat menguatkan kenderaannya yang dapat menyampaikannya kepada kekasihnya (Allah) dan yang dimaksudkan kenderaan itu ialah badan. Sekiranya mencintai dunia adalah kerana dunia itu merupakan bekalannya untuk sampai kepada kekasihnya (Allah). Dan sekiranya seseorang itu suka melihat kepada bunga-bungaan, sungai-sungai, cahaya-cahaya dan pemandangan-pemandangan yang indah kerana kesemuanya itu merupakan ciptaan kekasihnya (Allah).

Ciptaan ini adalah sebagai petunjuk kepada sifat keindahan dan keagunganNya serta pengingat kepada sifat-sifat terpuji bagiNya (Allah) yang merupakan hakikat kepada perkara yang dicintai oleh seseorang. Dan

sekiranya seseorang itu mencintai orang yang melakukan kebaikan kepadanya dan guru yang mengajarnya ilmu agama, maka dia mencintainya kerana mereka adalah penghubung antara dia dengan kekasihnya (Allah) dalam menyampaikan ilmu dan hikmahNya kepada dirinya. Dan dia mengetahui bahawa Allah yang telah mentakdirkan mereka untuk mengajarnya dan membimbingnya serta membelanjakan harta kepadanya. Sekiranya kalau bukan disebabkan penguasaan dorongan daripada Allah untuk menuju kepadaNya dan paksaanNya melalui rantaian faktor-faktor pendorong dan tujuan untuk membimbingnya dan membelanjakan harta kepadanya, nescaya dia itu tidak akan melakukannya.

Dan orang yang paling hebat melakukan kebaikan kepada kita ialah Rasulullah SAW. Dan hanya bagi Allah segala kurniaan dan kelebihan dengan menciptakan Rasulullah dan mengutuskannya sebagaimana firmanNya:

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ

وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

Maksudnya: *“Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad*

yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak).”

Surah al-Jumu’ah: 2

Dan tidaklah seorang Rasul itu melainkan seorang hamba yang ditundukkan, diutus dan dipikulkan amanah untuk menyampaikan risalah mengikut arahan. Oleh itu Allah ﷻ berfirman:

إِنَّكَ لَا تَهْدِى مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ

Maksudnya: *“Sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya).”*

Surah al-Qasas: 56

Dan renungkanlah pada Surah al-Nasr menerusi firman Allah:

وَرَأَيْتَ ٱلنَّاسَ يَدْخُلُونَ فِى دِينِ ٱللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَٱسْتَغْفِرْهُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابًۢا ﴿٣﴾

Maksudnya: *“dan Engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai. Maka ucapkanlah tasbih*

dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, Sesungguhnya Dia amat menerima taubat."

Surah Al-Nasr: 2-3

Sesungguhnya Allah telah meletakkan kedudukan Rasul sebagai pemerhati dengan berfirman yang bermaksud: *"Apabila kamu melihat hamba-hamba Allah memasuki ke dalam agama Allah, maka katakanlah dengan pujian kepada Allah bukan dengan pujian terhadapku (diri sendiri). Inilah makna tasbih dengan memuji tuhannya. Sekiranya hati kamu berpaling kepada diri kamu dan usaha kamu semata-mata, maka beristighfarlah kepada Allah agar Dia mengampunkan kamu. Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu tidak memiliki kekuasaan dalam apa jua perkara."*

Bertitik tolak daripada inilah, Umar bin al-Khattab R.A. melihat ketika menerima surat daripada Khalid bin al Walid selepas kejayaan pembukaannya dalam peperangan[129]:
"Daripada Khalid -Pedang Allah yang terhunus ke atas orang musyrikin-, kepada Abu Bakr – Amirul Mukminin-".
Lalu beliau berkata: "Sesungguhnya pertolongan Allah kepada orang Islam menjadikan Khalid telah menyandarkan kepada dirinya dan menamakannya sebagai Pedang yang terhunus ke atas musyrikin.

Sekiranya dia merenungi akan kebenaran secara hakikatnya, nescaya dia akan tahu bahawa bukanlah

---

[129] Selepas pembukaan al-Yamamah.

kemenangan itu disebabkan pedangnya. Tetapi bagi Allah Ta'ala rahsia dalam kehendakNya untuk memenangkan Islam, maka Allah menolong Islam dengan satu getaran iaitu getaran ketakutan yang dicampakkan ke dalam hati orang kafir sehingga mereka berasa kalah.

Orang lain juga turut meyaksikan kepada getaran ketakutan itu sehingga berasa kalah maka tersebarlah akan kekalahan secara umumnya. Khalid dan sesiapa yang keadaan sepertinya menyangkakan bahawa dialah yang meninggikan kalimah Islam dengan kekuatannya dan ketajaman mata pedangnya.[130]

Maka Umar dan orang yang keadaan sepertinya di kalangan orang yang benar (*al Siddiqin*) dan wali-wali Allah, melihat perkara ini secara hakikat dan mengetahui bahawa Khalid perlu kepada istighfar dan bertasbih dengan memuji Tuhannya apabila berpandangan sedemikian sebagaimana diperintahkan kepada Rasulullah SAW.

---

[130] Imam Al-Ghazali mendatangkan perenggan ini untuk menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan sahabat Nabi dari segi ilmu dan makrifah serta pandangan Khalid terhadap peranannya dalam meninggikan kalimah Allah dan dia menyakini bahawa pertolongan adalah daripada Allah.

Asas Kesembilan Redha dengan Ketentuan

(فِي الرِّضَا بِالْقَضَاءِ)

Asas 9: Redha dengan Ketentuan

(Fi al-Redha bl al-Qada')

Firman Allah SWT :

رَضِيَ اَللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

"Allah redha pada mereka dan mereka juga redha terhadapNya.."

Al-Maidah : 119

Nabi SAW mengatakan :

إِذَا أَحَبَّ اللهَ عَبْداً ابْتِلَاهُ ، فَإِنْ صَبَرَ اجْتِبَاهُ ، وَإِنْ رَضِيَ اصْطَفَاهُ

"Apabila Allah mencintai seseorang hamba, Dia akan mengujinya. Apabila hamba itu bersabar, dipilihnya dan apabila hamba itu redha, nescaya menjadi orang pilihannya.."[131]

[131] Berkata al-'Iraqi : dikeluarkan oleh at-Thabrani, disebutkan oleh Abi Tolib di dalam *Qut al-Qulub* (2/53). Dikeluarkan oleh Hannad dalam *az-Zuhud* (1/239).

Nabi SAW bersabda :

أعْبُدِ اللهُ تَعَالَى بِالرِّضَا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَفِي الصَّبْرِ عَلَي مَا تَكْرَهُ خَيْرٌ كَثِيرٌ

Maksudnya: : *"Sembahlah Allah SWT dengan keredhaan. Jika kamu tidak mampu, maka dengan kesabaranmu pada perkara yang tidak kamu sukai itu ada banyak kebaikan."*[132]

Nabi SAW bertanya kepada sekelompok manusia :

مَا أَنْتُمْ ؟ فَقَالُوا : مؤمنونَ ، فقالَ : وَمَا عَلاَمَةُ إِيمَانِكُمْ ؟ فقالوا : نَصبِرُ على البلاءِ ، وَنشكرُ عندَ الرَّخاءِ ، وَنرضى بمواقع القضاءِ ، فقالَ : مُؤْمِنُونَ وَرَبِّ الْكَعْبَةِ

Maksudnya: : *"Siapakah kamu?"* Mereka menjawab *: "Kami adalah orang-orang yang beriman."* Nabi SAW bertanya : *"Apakah tanda-tanda keimanan kamu itu?"* Mereka membalas : *"Kami bersabar terhadap bala' yang menimpa kami, kami bersyukur ketika dalam kecukupan dan kami redha dengan qada' Allah SWT yang telah*

---

[132] Riwayat al-Baihaqi dalam *al-Syu'ab* (9528) daripada hadis Ibnu Abbas r.a yang terkandung wasiat yang masyhur. Berkata al-'Iraqi : dikeluarkan oleh at-Thabrani, Abu Na'iem di dalam *al-Hulliyyah* pada hadis yang panjang, dan disebutkan oleh al-Hafiz Ibnu Kathir di dalam *al-Bidayah Wa al-Nihayah* daripada Abu Na'iem dan al-Hafiz al-Juwaini.

ditetapkan kepada kami." Nabi SAW berkata : "*Kamu adalah orang-orang yang benar-benar beriman dan demi Tuhan Kaabah*."

Di dalam riwayat lain, Nabi SAW mengatakan :

حُكَمَاءُ عُلَمَاءُ ، كَادُوا مِنْ فِقْهِهِمْ أَنْ يَكُونُوا أَنْبِيَاءَ

Maksudnya: : "*Para Hukama' dan Ulama' dengan kefaqihan mereka, hampir sahaja menjadi (menyamai) para Nabi*."[133]

Di antara yang telah diwahyukan Allah SWT kepada Nabi Daud A.S. :

مَا لِأَوْلِيَائِيْ وَالهَمَّ بِالدُّنْيَا ؟ إِنَّ الهَمَّ يُذْهِبُ حَلاَوَةَ مُنَاجَاتِيْ مِنْ قُلُوْبِهِمْ, إِنَّ مَحَبَّتِيْ مِنْ أَوْلِيَائِيْ أَنْ يَكُوْنُوْا رُوْحَانِيِّيْنَ لاَ يَغْتَمُّوْنَ

Maksudnya: : "*Bukankah termasuk di kalangan waliKu mereka yang susah ketika di dunia. Sesungguhnya dukacita itu menghilangkan kemanisan bermunajat kepadaKu melalui hati-hati mereka. Sesungguhnya kecintaanku dari wali-waliKu menjadikan kerohanian mereka tidak berduka*."

---

[133] Dikeluarkan at-Thabrani di dalam a*l-Auwsat* daripada riwayat Yusuf bin Maimun. Dikeluarkan oleh Ibnu Majah di dalam a*s-Sunan* (223), al-Bukhari di dalam a*t-Tarikh al-Kabir* (8/337), dan al-Hindi di dalam *Kanzul 'Ummal* (28952) dengan penulisan yang sama dengannya. Riwayat Abu Na'iem di dalam a*l-Hulliyyah* daripada hadis Suwaid bin al-Haris r.a.

Allah SWT berfirman di dalam hadis Qudsi :

أَنَا اللّٰهُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا ، فَمَنْ لَمْ يَصْبِرْ عَلَى بَلَائِي ، وَلَمْ يَشْكُرْ نَعْمَائِي ، وَلَمْ يَرْضَ بِقَضَائِي.. فَلْيَطْلُبْ رَبًّا سِوَايَ

Maksudnya: : "*Aku adalah Allah, yang tiada Tuhan kecuali Aku, maka sesiapa yang tidak bersabar di atas ujianKu, dan tidak mensyukuri nikmatKu, dan tidak redha dengan qada'Ku, maka carilah Tuhan selainKu*."[134]

Allah SWT berfirman di dalam hadis Qudsi :

خَلَقْتُ الْخَيْرَ وَخَلَقْتُ لَهُ أَهْلًا ، وَخَلَقْتُ الشَّرَّ وَخَلَقْتُ لَهُ أَهْلًا ؛ فَطُوبَى لِمَنْ خَلَقْتُهُ لِلْخَيْرِ وَيَسَّرْتُ الْخَيْرَ عَلَى يَدَيْهِ ، وَوَيلٌ لِمَنْ خَلَقْتُهُ لِلشَّرّ وَيَسَّرْتُ الشَّرّ عَلَى يَدَيْهِ ، وَوَيلٌ ثُمَّ وَيْلٌ لِمَنْ قَالَ : لِمَ وَ كَيْفَ ؟

Maksudnya: : "*Aku menciptakan kebaikan, dan menciptakan bagi mereka ahlinya, dan Aku menciptakan keburukan, dan menciptakan bagi mereka ahlinya, maka berbahagialah bagi sesiapa yang Aku ciptakannya dengan kebaikan, dan Aku mudahkan bagi mereka untuk mengerjakan kebaikan, dan celakalah bagi sesiapa yang aku cipatakannya keburukan, dan aku mudahkan baginya*

[134] Dikeluarkan oleh at-Thabrani di dalam *al-Kabir* dan Ibnu Hibban di dalam a*l-Dhuafa'.* Dan sanadnya lemah.

untuk melakukan keburukan itu, dan celakalah, kemudian celakalah bagi sesiapa yang mengatakan : kenapa dan bagaimana?"[135]

Allah SWT mewahyukan kepada Nabi Daud A.S :

يا داوود ؛ تُرِيدُ وأُرِيدُ ، وإنَّما يكونُ ما أُرِيدُ ؛ فإن سلَّمتَ لِمَا أُرِيدُ .. كفيتُكَ ما تُرِيدُ ، وإن لم تُسلِّمْ لِمَا أُرِيدُ .. أتعبتُكَ فيما تُرِيدُ ، ثمَّ لا يكونُ إلَّا ما أَرِيدُ

Maksudnya: : "*Wahai Daud, kamu berkehendak dan Aku juga berkehendak, dan sesungguhnya perkara itu berlaku mengikut kehendak Aku, apabila kamu pasrah terhadap apa yang Aku kehendaki, maka akan Aku cukupkan apa yang kamu kehendaki, dan jika kamu tidak pasrah di atas apa yang Aku kehendaki, akan Aku penatkanmu pada apa yang kamu kehendaki, kemudian tidak akan berlaku melainkan apa yang Aku kehendaki*."

Bagaimana Gambaran Redha

Sesungguhnya, terdapat sekelompok manusia yang mengingkari dan mengatakan : "*Tidak dapat digambarkan redha dengan apa yang berlawanan dengan nafsu, dan*

---

[135] Dikeluarkan oleh Ibnu Shahin dengan sanad yang lemah, dan at-Thabrani daripada Ibnu Abbas dan sanadnya lemah.

sesungguhnya yang digambarkan hanyalah kesabaran sahaja.” Hal ini terjadi disebabkan mereka ingkar dalam mencintai Allah.

Kami akan menerangkannya, dan tanda-tanda redha terhadap ujian juga terhadap apa yang berlawanan dengan tabiat dan hawa nafsu, perkara ini digambarkan melalui tiga bentuk :[136]

Pertama : Berlebih-lebihan dalam menunjukkan kasih sayang, dan terlalu merasakan kesakitan berkasih sayang terhadap makhluk sehingga menguasai syahwat dan nafsu. Adakala dalam keadaan kemarahan, tertimbullah kelukaan, maka tiadalah perasaan ketika itu. Dan ketika menginginkan sesuatu, kakinya dirasakan seperti ditusuk duri dan tidak dirasakan apa-apa. Kemudian ketika dalam keadaan kemarahannya reda, dia akan meraih apa yang dikehendakinya, perasaan sakit akan timbul dan menjadikannya merasa pedih.

Dan apabila digambarkan bahawa kesakitan itu akan ringan, maka rasa kasih sayang itu juga menjadi ringan, dan jika digambarkan bahawa kesakitan itu menjadi berat, maka rasa kasih dan sayang juga menjadi kuat. Setiap

---

[136] Setiap yang didatangkan dalam bentuk rangka: dan kami akan mendalaminya kepada kamu tentang redha dengan ujian dan tentang apa yang berbeza dengan tabiat dan hawa nafsu, digambarkan dengan tiga bentuk.

seorang yang merasa cinta dan kesakitan, akan berlaku peningkatan dan penurunan terhadap perasaan itu.

Gambaran seperti ini yang cenderung kepada sesuatu yang datang dari daging dan darah yang penuh dengan kekotoran, sesungguhnya ia boleh dilihat dengan mata luarannya yang boleh mengakibatkan kekacauan padanya sehingga yang dilihat besar itu seperti kecil, yang jauh itu seperti dekat dan yang buruk itu tampak cantik.

Maka bagaimanakah keadaan yang tidak dapat digambarkan dengan keindahan *Rabb* yang bersifat agung, *azali* dan kekal abadi yang tidak dapat dibayangkan dengan terputusnya dan terpotongnya pandangan batin yang dirasai dan yang lebih benar dan yang lebih jelas di sisi ahlinya yang melihat dengan luaran?

Berkata al-Junaid r.a : "*Aku bertanya kepada Sirriy As-Saqathi r.a, Adakah orang yang mencintai akan merasa sakit dengan ujian?*" Beliau menjawab : "*Tidak".* Aku bertanya : "*Walaupun di pukul dengan pedang*?" Beliau menjawab : "*Tidak, walaupun dipukul dengan pedang sebanyak tujuh puluh kali pukulan, dipukul dan dipukul*." Dan berkata sebahagian mereka : "*Aku mencintai sesuatu kerana aku menyayanginya, jika aku mencintai neraka, begitu juga aku akan masuk ke dalam neraka*."

Dan berkata Umar bin Abdul Aziz r.a : "*Tidak akan kekal bagiku kebahagian kecuali yang telah ditentukan oleh*

Allah SWT” Sebahagian ahli sufi telah kehilangan anak kecilnya yang berumur tiga hari, maka dikatakan kepadanya. “Mengapa kamu tidak memohon kepada Allah SWT untuk mengembalikan anak itu kepada kamu?” Dia menjawab : “Penentanganku kepada Allah atas apa yang ditentukan lebih teruk buatku daripada kehilangan anak ini.”

Kedua : Di antara redha Allah juga adalah merasakan kesakitan itu menegahnya dari tabiat semulajadi, tetapi akal dan iman yang akan meredhainya, kerana pengetahuannya terhadap pahala berdasarkan redhanya terhadap ujian yang dirasai dengan pedih sebagaimana redhanya orang yang sakit ketika dibelah urat untuk dikeluarkan darah dan merasakan pahit ketika meminum ubat, kerana kita tahu bahawa itu adalah pengubat kepada kesembuhan. Bahkan merasa tenang terhadap orang yang menunjukkan ubat itu walaupun ubat itu pahit.

Begitu juga dengan seorang peniaga yang ditimpa kesusahan dalam permusafiran yang berlawanan dengan tabiatnya. Inilah yang dapat disaksikan di antara contoh-contoh yang boleh ditunjukkan oleh dunia. Maka bagaimana mungkin boleh diingkari oleh kebahagiaan akhirat?

Diriwayatkan bahawa seorang perempuan telah mengikuti penaklukan satu tempat yang bernama al-Mousuli al-Ansari. Perempuan itu mengalami kecederaan sehingga

terputus kukunya tetapi dia masih dalam keadaan ketawa. Maka ditanyakan kepadanya :
"*Tidakkah kamu merasa sakit?*"
beliau menjawab :
"*Sesungguhnya kesakitan ini telah mengalirkan pahala ke dalam hatiku sehingga terasa hilang rasa sakitku. "Sesungguhnya barangsiapa yang yakin bahawa pahala derita itu lebih besar daripada apa yang dirasainya, nescaya mudahnya baginya untuk meredhai sesuatu".*

Ketiga: Hendaklah meyakini bahawa Allah SWT meletakkan setiap yang di bawah keajaiban ada kelembutan, bahkan bagi orang yang memiliki sifat lemah lembut. Perihal ini akan mencegah hatinya dari menimbulkan bantahan (mengapa) dan (bagaimana) sehingga tiada hairan terhadap apa yang berlaku di alam ini sebagaimana sangkaan orang yang jahil terhadap kekacauan, kerosakan dan kecenderungan untuk istiqamah (berterusan).

Kehairannya seperti Nabi Musa A.S. kepada Nabi Khidir A.S. ketika melubangkan perahu anak yatim, membunuh seorang anak kecil dan mengembalikan binaan bangunan, sebagaimana yang diceritakan dalam surah al-Kahfi. Bilamana Nabi Khidir A.S. menyingkap rahsia yang diperlihatkan padanya, maka hilanglah kehairanan Nabi Musa A.S. Perkara itu terjadi kerana ada yang tersembunyi disebalik rahsia-rahsia alam. Demikianlah perbuatan-perbuatan Allah SWT.

Contohnya : Apa yang diceritakan oleh seorang lelaki tentang orang yang redha bahawa dia mengatakan "*Setiap apa yang menimpanya adalah kebaikan, itulah yang yang telah ditentukan oleh Allah SWT*." Lelaki tersebut tinggal di kawasan pedalaman bersama ahli keluarganya, tiada apa-apa padanya kecuali keldai yang membawa gandum, dan anjing yang menjaga mereka, juga ayam yang mengejutkan mereka dari tidur.

Maka telah datang seekor serigala dan menangkap ayamnya, maka bersedihlah ahli keluarganya dan dia mengatakan : "*Terbaik*." Datang pula serigala dan membaham keldainya, maka mereka bersedih tetapi dia mengatakan : "*Terbaik*." Kemudian menimpa pula kepada anjingnya dan mati juga, maka dia berkata : "*Terbaik*." Merasa hairan keluarganya akan perihal itu. Di subuh hari datanglah musuh menyerang kawasannya dan menawan penduduk-penduduk di perkampungannya serta membunuh anak-anak mereka.

Perkara ini berlaku kerana diketahui bahawa tempat mereka mempunyai suara-suara ayam jantan, salakan anjing dan rengetan keldai. Maka lelaki tersebut mengatakan : "Sesungguhnya kamu telah melihat kebaikan pada apa yang ditentukan oleh Allah SWT, jika Allah S.W.T tidak membinasakan mereka (ayam jantan, anjing dan keldai) nescaya kita akan binasa."

Diriwayatkan bahawa ada seorang Nabi pernah beribadah di sebuah gunung yang berhampiran sumber air,

kemudian ada seorang penunggang kuda melintasinya dan meminum dari sumber air tersebut, lalu begnya yang dibawa bersama mempunyai seribu dinar di dalamnya telah tertinggal disitu. Telah datang orang lain mengambil beg tersebut. Kemudian telah datang seorang lelaki miskin yang di belakang badannya ada seikat kayu, lalu dia minum di tempat air tersebut dan tidur untuk beristirehat. Maka kembali si penunggang kuda tadi untuk mengambil begnya tapi tidak dijumpai. Setelah itu dia telah menangkap orang miskin tersebut dan menuntut beg kepadanya serta menyeksanya. Namun ia tidak juga menemui begnya itu, maka dia telah membunuh orang miskin tersebut.

Nabi itu berkata : “Wahai Tuhanku, apakah yang berlaku ini? Yang mengambil wang itu adalah orang zalim yang lain, dan orang zalim yang lain pula telah menguasai orang miskin tadi sehingga membunuhnya.” Lalu Allah SWT mewahyukan kepadanya : “Uruskanlah sahaja ibadahmu, tidak diketahui rahsia-rahsia pemerintah walaupun kamu sekalipun, sesungguhnya si miskin itu telah membunuh ayah si penunggang kuda, maka Aku menjadikan hukuman qisas baginya, dan sesungguhnya ayah penunggang kuda itu telah mengambil seribu dinar dari harta orang yang mengambil beg itu tadi, maka Aku pulangkan kepadanya sebagai tinggalannya.”

Barangsiapa yang menyakini rahsia dari contoh-contoh ini, tidaklah dia hairan terhadap kerja-kerja Allah SWT, tetapi dia hairan dengan kebodohan dirinya serta dia tidak

akan mengatakan “Mengapa” dan “Bagaimana”. Dia redha dengan ketentuan Allah di dalam penguasaanNya.

Disini, terdapat empat bentuk yang merupakan cabang dari makrifat dengan kesempurnaan dan hikmah dari Allah SWT. Juga bagaimana turutan yang menjadi sebab yang sampai kepada musabbab. Dan mengetahui ketetapan yang utama iaitu penglihatan. Mengetahui takdir yang merupakan sebab terzahirnya perincian q*ada’* (ketetentuan Allah SWT).

Sesungguhnya ia terdiri di atas bentuk-bentuk yang sempurna dan baik. Tiada kedudukan yang lebih baik dan lebih sempurna darinya.[137] Seandainya ia menabung, nescaya dia akan bakhil, tidak derwaman dan lemah atau bertentangan dengan kemampuannya. Di bawah ini nanti tersembunyi pengetahuan yang rahsia mengikut kadarnya, sebagaimana sesiapa yang menyakininya, pasti dia akan meredhai semua yang terjadi dari takdir Allah SWT Penjelasan ini sangat panjang, tiada keringanan padanya, maka hendaklah kita menghadapinya.

---

[137] Kefahaman yang baik adalah satu ibarat yang terbentuk keatas sebahagian ulama yang mengatakan: “Tidak ada pada kedudukan (iaitu alam *imkan*) semua di alam semesta lebih baik darinya, kerana dulunya alam dan pengkhususan ini berlaku dengan *irodah* (kehendak) keatas apa yang Dia ada, maka tidak ada di alam ini atau di alam semesta ini selain dari Dia, mustahil dari sifatNya.”

Bgaimana Menggabungkan Antara Redha Pada Ketetapan Allah SWT Dan Benci Kepada Ahli Kufur

Barangkali dikatakan: "*Bagaimana menggabungkan antara redha pada ketetapan Allah SWT dan benci pada ahli kufur dan ahli maksiat*.'' Sesungguhnya saya telah beribadah mengikut syara', Maka apakah keadaan ini termasuk dalam ketetapan Allah SWT tentang mereka?

Ketahuilah bahawa di kalangan golongan yang lemah menyangka bahawa meninggalkan *Amar Makruf* (mengajak kepada kebaikan) termasuk dalam redha dengan ketentuan Allah SWT, dan mereka menamakannya dengan akhlak yang baik. Ini merupakan kejahilan yang teruk, bahkan kamu hendaklah redha dan membenci sekaligus.

Redha dan benci adalah dua perkara yang berlawanan, meskipun apabila berkehendak ke atas sesuatu yang sama dari bentuk yang sama. Maka tidaklah bertentangan jika membunuh musuhmu yang merupakan musuh kepada musuhmu juga, keredhaanmu dari sudut bahawa itu musuhmu, dan kebencianmu adalah dari sudut musuhmu juga, begitu juga maksiat mempunyai dua bentuk :

Pertama : Kepada Allah SWT dari sudut ketentuan takdir dan ketetapan kehendakNya. Maka ini adalah bentuk yang diredhai.

Kedua : Kepada pelaku maksiat dari sudut sifatnya dan usahanya.[138] Dan sebagai tanda kebencian dari Allah SWT. Maka ini adalah bentuk yang dibenci.[139]

Sesungguhnya Allah SWT telah membuka jalan kebencian[140] kepada orang-orang yang menyimpang dari perintahNya, maka hendaklah kamu mengikuti jalan yang dibukakan itu dan mentaatinya perintahNya.

---

[138] Seseorang tersebut wajib berusaha untuk keluar daripada laluan kemurkaan Allah yang ditakdirkan kepadanya dengan berusaha mencari laluan kebaikan sebagai takdir baru untuknya sebagai tanda kebenciannya terhadap maksiat.
Telitilah kalimat-kalimat yang kita ucapkan di dalam doa Qunut:

«اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ... وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ...»

"Ya Allah, tunjukilah aku pada orang yang Engkau beri petunjuk … dan jagalah aku dari keburukan apa yang Engkau tetapkan".
Seorang Mukmin jika dia berdoa kepada Allah SWT dan memperbanyak doa agar Allah menghalangi keburukan *al-qada'* maka Allah meringankan darinya kesan *al-qada'* itu dan membantunya untuk menanggungnya dan bersabar atasnya, dan seolah-olah doanya secara *majaz* telah menolak *al-qada'* itu.
[139] Dibenci kerana tidak berusaha meninggalkan maksiat dan berdoa.
[140] Jalan kebencian ada dua, jalan kebencian yang diredai iaitu bencikan kemurkaan Allah, manakala jalan kebencian kedua ialah jalan kebencian yang mengundang murka Allah.

Seandainya dikatakan kepadamu oleh orang yang menyayangimu :

“Sesungguhnya aku ingin menguji kecintaanmu dengan kamu memukulku, menzalimiku sehingga orang mengutukku. Maka barangsiapa yang membenci kamu, maka dia adalah orang yang aku sayangi. Dan barangsiapa yang menyayangimu (setuju dengan tindakanmu), maka dia adalah musuhku.”

Mungkinkah untuk membenci hambanya jika dihina, padahal kamu mengetahui bahawa dialah yang memaksamu untuk membuat penghinaan. Dan berlaku sebegini adalah yang dikehendaki darinya.

Dia berkata :

“Perbuatannya yang menghina itu sesungguhnya aku redha dengannya. Itu merupakan ketentuan ke atas hamba. Itu juga kehendakmu dari orang yang kamu kehendaki untuk dijauhi.

Adapun penghinaan itu adalah tanda permusuhan, maka aku benci rasa kasih ini padamu. Dan aku benci orang yang ada tanda kebencian padanya.”

Keadaan-keadaan seperti inilah yang sering menjerumuskan golongan yang lemah, mereka ditakuti tergolong di dalamnya, dan akan diruntuhkan bersama.[141]

---

[141] Perbahasan antara redha dan benci ini perlu diteliti dari awal tajuknya dan perkaitan sehingga ke perenggan akhir.

Menghimpunkan Antara Redha Dengan Ketentuan Dan Menjadikannya *Asbab*

Demikian pula untuk tidak menyangka bahawa makna redha dengan ketentuan adalah meninggalkan doa dan meninggalkan berubat. Dan tidak meninggalkan panah yang diberikan kepada kamu sehingga kamu diserang, dalam masa yang sama kamu berkemampuan untuk melawan dengan lembing. Bahkan, Allah SWT memerintahkanmu untuk berdoa dan berusaha dengan zikir-zikir yang suci dari hati kamu, khusyukkan hati dan mendalaminya untuk melembutkan usaha kamu agar bersedia menerima kelembutan dan cahaya.

Di antara cara redha dengan ketentuannya adalah hendaklah kamu menghubungkan kepada orang yang kamu sayangi secara langsung menjadikan sebab keredhaan bagiNya. Bahkan dengan meninggalkan sebab-sebab yang mengakibatkan pertentangan terhadap sesuatu yang dicintaiNya dan bertentangan dengan keredhaanNya. Maka tiadalah redha bagi orang yang kehausan dengan tidak menghulurkan tangannya untuk mendapatkan air sejuk dengan anggapan bahawa dia redha dengan kehausannya yang merupakan ketetapan dari Allah SWT. Bahkan menghilangkan rasa haus itu adalah sebahagian dari ketetapan dari Allah SWT.

Bukanlah dalam redha dengan ketetapan itu adalah pada nperkara yang keluar dari hukum syara', dan keluasan

sunnatullah yang sebenar. Bahkan maknanya adalah meninggalkan percanggahan ke atas Allah SWT dengan terang atau sembunyi bersama dengan kesungguhan dalam menghubungkan kepada kasih sayang Allah SWT dari hamba-hambaNya. Hal ini terjadi untuk memelihara perintah dan meninggalkan larangannya seperti yang ditentukan oleh syara’ yang mulia.

Asas Kesepuluh
Mengingati Mati
(ذِكْرُ الْمَوتِ)

Asas Kesepuluh
Mengingati Mati

ذِكْرُ الْمَوتِ

Ketahuilah bahawa Sembilan Asas yang telah kami sebutkan sebelum ini bukanlah sekadar satu tahap demi tahap, bahkan sebahagiannya memberi maksud kepada zatnya (hakikat sebenar) seperti kasih sayang dan redha. Maka sesungguhnya ia (Asas Kesepuluh) adalah kedudukan yang tertinggi. Dan sebahagiannya diperlukan untuk perkara yang lainnya seperti taubat, zuhud, *khauf* (takut) dan sabar.

Jika "taubat", ia akan kembali melalui jalan yang jauh untuk menuju kepada jalan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT.
"Zuhud" pula adalah meninggalkan perkara-perkara yang menyibukkan diri dari mendekatkan diri kepada Allah SWT.
Sementara "*Khauf"* (takut) adalah cambuk (pemukul) yang membuatkannya meninggalkan kesibukan.

Manakala “sabar” pula merupakan satu perjuangan yang bersamanya ada nafsu sebagai pemutus kepada jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Semua itu bukan zat (hakikat) yang dikehendaki, tetapi yang diminta adalah pendekatan diri terhadap Allah SWT, perkara ini dilakukan dengan adanya pengetahuan dan kasih sayang, kerana sesungguhnya pengetahuan dan kasih sayang adalah zat (hakikat) yang dikehendaki bukanlah perkara yang lain, akan tetapi perkara ini tidak akan sempurna jika terputus kasih sayang dari hati manusia terhadap Allah SWT, maka ia memerlukan kepada perasaan takut, sabar dan zuhud.

Antara perkara-perkara hebat dan bermanfaat yang ada padanya adalah mengingati mati. Oleh kerana itu saya mengingatkan, maka kehebatan syariat itu ialah memberi pahala kepada mereka yang mengingatinya. Sesungguhnya dengan mengingati mati, akan terhakis kecintaan dan terputuslah ikatan hati terhadap dunia.

Allah SWT berfirman:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمْ ۖ

Maksudnya: “*Katakanlah, Sesungguhnya kematian yang kamu lari darinya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui diri kamu*.”

Surah al-Jumu’ah : 8

Rasulullah SAW bersabda :

أَكْثِرُوْا مِنْ ذِكْرِ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ

Perbanyakkanlah oleh kamu mengingat sesuatu yang memutuskan kelazatan (yakni kematian)."[142]

Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ كَرِهَ لِقَاءَ اللَّهِ كَرِهَ اللَّهُ لِقَاءَهُ

Maksudnya : *Barangsiapa yang benci untuk bertemu dengan Allah, maka Allah benci untuk bertemu dengannya*."[143]

Sayyidatina Aisyah r.a pernah bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah seseorang yang akan dikumpulkan dengan orang yang mati syahid?.
Rasulullah SAW menjawab :

نَعَمْ, مَن يَذْكُرُ اْلموْتَ فِي اْليَومِ وَالْلَيْلَةِ عِشْرِيْنَ مَرَّةً

Maksudnya : "*Ya, iaitu orang yang ingat akan kematian dalam sehari semalaman sebanyak dua puluh kali*."[144]

---

[142] Hadis riwayat Tirmizi dengan status hasan. Juga diriwayatkan oleh an-Nasaie dan Ibnu Majah. Daripada hadis Abu Hurairah.

[143] Hadis riwayat Bukhari dan Muslim dengan status sahih. Daripada hadis Sayyidatina Aisyah.

[144] Diriwayatkan oleh at-Thabrani, dikeluarkan oleh asy-Syaukani dalam kitab *Faidhul Qadir*.

Rasulullah mendatangi suatu majlis yang dipenuhi dengan gelak tawa. Baginda SAW bersabda:

شُوْبُوْا مَجْلِسَكُمْ بِذِكْرِ مُكَدِّرِ اللَّذَّاتِ

Maksudnya : "*Penuhilah majlis kamu dengan mengingati pemutus kelazatan*."
Ditanyakan kepada baginda : "Apakah pemutus kelazatan itu?"
Baginda menjawab :

المَوتُ

Maksudnya : "*Mati.*"[145]

Rasulullah SAW bersabda :

لَوْ تَعْلَمُ البَهَائِمُ مِنَ المَوْتِ مَا يَعْلَمُ ابْنُ آدَمَ, لما أَكَلْتُمْ مِنْهَا سَمِيْنًا

Maksudnya : "*Seandainya binatang ternakan mengetahui kematian sebagaimana yang diketahui manusia, maka kamu tidak akan dapat memakan daging binatang yang gemuk*."[146]

---

[145] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Abi Dunia daripada 'Ata' al-Khurasani secara *mursal*. Dan demikian itu, Imam Ghazali berkata di dalam kitab *Ihya' Ulumudin*, 4/450

[146] Diriwayat oleh al-Baihaqi dalam kitab *Syu'ab* dan juga diriwayatkan oleh al-Qudho'i dalam kitabnya *Masnad al-Syihab* daripada Ummu Habibah al-Juhainah secara *Marfu'*. Dikeluarkan oleh al-Qurtubi dalam *al-Tafsir* dan al-Ajluni dalam kitabnya *Kasyful Khafa'*.

Rasulullah SAW bersabda :

كَفَى بِالْمَوْتِ وَاعِظاً

Maksudnya : "*Cukuplah kematian sebagai penasihat*."[147]

Rasulullah SAW bersabda :

تَرَكْتُ فِيْكُمْ وَاعِظَيْنِ: صَامتًا ونَاطِقًا, فَالصَّامِتُ المَوتُ , وَالنَّاطِقُ القُرْآنُ

Maksudnya : "*Aku tinggalkan buat kamu dua penasihat, yang diam dan yang berbicara, yang diam adalah kematian, dan yang berbicara adalah al-Quran*."[148]

Terdapat seorang lelaki yang memuji dengan pujian yang baik kepada Rasulullah SAW, maka Rasulullah bertanya kepada para sahabat berkenaan lelaki yang memuji itu,

كَيْفَ كَانَ ذِكْرُ صَاحِبَكُمْ لِلْمَوْتِ؟

Maksudnya : "*Bagaimanakah ingatan sahabatmu itu terhadap kematian?"*

---

[147] Riwayat dari al-Qudoi'e dalam kitabnya *Masnad al-Syihab* juga riwayat dari al-Baihaqi dalam kitab *Syu'ab* daripada Umar Bin Yasir. Dikeluarkan oleh al-Haithami dalam *Majma'uz Zawa'id*, al-Hindi dalam *Kanzul 'Ummal*, al-Suyuti dalam a*l-Durr al-Manthur* dan al-Albani dalam a*dh-Dha'ifah*.

[148] Disebutkan Ibnu Jauzi dalam kitabnya *Bustanu al-Wa'izin* dan Abd al-Haq al-Ishabili dalam kitab a*l-'Aqibah.*

Mereka menjawab: "Kami hampir tidak pernah mendengar bahawa dia mengingati mati."
Nabi SAW bersabda :

اِنَّ صَاحِبَكُمْ لَيْسَ هُنَاكَ

Maksudnya : "*Sesungguhnya temanmu bukan yang di sana*."[149]

Seorang lelaki dari kabilah Ansar berkata : "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling cerdik dan paling mulia?"
Nabi SAW menjawab :

أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا, وَأَشَدُّهُم لَهُ اسْتِعْدَادًا, أُولَئِكَ هُمُ الأَكْيَاسُ, ذَهَبُوا بِشَرَفِ الدُنْيَا , وَكَرَامَةِ الاَخِرَةِ

Maksudnya : "*Yang paling banyak mengingati kematian dan paling bersungguh-sungguh dalam mempersiapkannya, mereka adalah orang-orang yang cerdik. Mereka pergi dengan ketenangan dunia dan kemuliaan akhirat*."[150]

Ketahuilah bahawa kematian itu hebat lagi dahsyat, apa yang terjadi selepas itu lebih dahsyat lagi, terdapat manfaat yang besar dalam mengingati mati,

---

[149] Riwayat daripada al-Bazzar dalam *Masnad*nya, juga diriwayatkan Ibnu 'Adi dalam *Kamil* daripada hadis Anas r.a.

[150] Diriwayatkannya oleh Imam Ibnu Abi Dunia dalam *Makarimal Akhlak* dan al-Thabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabir.*

sesungguhnya ia dapat menghakis kecintaan terhadap dunia dan membuatkan hati menjadi benci padanya, sedangkan benci terhadap dunia merupakan ketua segala kebaikan sebagaimana kecintaan itu merupakan ketua segala kesalahan.

Bagi mereka yang mempunyai pengetahuan, dalam mengingati mati ada dua faedah :

1. Menjauhi dunia.
2. Rindu kepada akhirat.

Sesungguhnya mereka yang mencintai sesuatu pasti akan merinduinya, dan makna terhadap perasaan rindu itu yang akan menyempurnakan khayalan dengan meningkatkan rasa untuk melihat (berjumpa), sesungguhnya mereka yang merindui itu pasti akan dapat berjumpa di alam khayalan yang ghaib dari pandangan.

Keadaan-keadaan akhirat, kenikmatan dan kecantikkannya datang dari *Rububiyyah*, semua itu akan dijumpai oleh mereka yang mengetahuinya seakan-akan mereka itu dapat melihat di sebalik tirai yang nipis ketika waktu perjalanan di dalam pencahayaan yang lemah, maka kerinduan itu akan sampai kepada kesempurnaan dengan dipertontonkan. Ketahuilah, perkara ini tidak akan tercapai kecuali dengan kematian, kerana tiada kebencian terhadap kematian menjadi sebab untuk tidak membenci bertemu dengan Allah SWT

Tiada sebab kepada makhluk untuk menghadapi keduniaan kecuali kurangnya akal dalam berfikir tentang kematian. Cara memikirkannya adalah hendaklah manusia mengosongkan hatinya dari segala pemikiran yang lain, dan hendaklah manusia itu duduk di tempat yang sunyi dan secara langsung mengingati mati dalam keadaan hati yang bersih.

Pemikiran yang pertama ialah dengan merenungi para sahabatnya(rakan taulan) yang telah mendahului(dengan kematian), maka ingati para sahabat seorang demi seorang, mengingatkan kesungguhan, harapan dan kebergantungan manusia terhadap pangkat dan harta, kemudian mengingatkan manusia akan kepayahan ketika menghadapi kematian, serta penyesalan terhadap usia yang semakin menghilang dan disia-siakan, kemudian memikirkan keadaan tubuh mereka bagaimana dikoyak-koyakkan di dalam tanah kemudian menjadi bangkai yang dimakan ulat, dan dikembalikan semula kepada jasadnya semula dan diberitahukan bahawa dia adalah salah seorang dari kalangan mereka yang mempunyai angan-angannya seperti angan-angan mereka dan kepayahannya seperti kepayahan mereka terhadap kematian, kemudian perlihatkan kepada manusia akan anggotanya dan lihatlah bagaimana dikoyak-koyakkan sehingga cerai berai dan kelopak matanya bagaimana keadaannya ketika dimakan ulat, sehingga ke lidahnya bagaimana menjadi hancur dan busuk di dalam mulutnya.

Apabila kamu melakukan hal itu, kamu tidak akan berbahagia dengan dunia, Sesungguhnya orang yang berbahagia adalah orang yang menerima nasihat dari orang lain.

Nabi SAW bersabda :

أَيُّهَا النَّاسُ كَأَنَّ المَوْتَ فِيْهَا عَلَى غَيْرِنَا كُتِبَ , وَكَأَنَّ الحَقَّ فِيْهَا عَلَى غَيْرِنَا وَجَبَ , وَكَأَنَّ الَّذِيْنَ نُشَيِّعُ مِنَ الأَمْوَاتِ سَفْرٌ عَمَّا قَلِيْلٍ إِلَيْنَا رَاجِعُونَ , نُبَوِّؤُهُمْ أَجْدَاثَهُمْ وَنَأْكُلُ تُرَاثَهُمْ, كَأَنَّنَا مُخَلَّدُوْنَ بَعْدَهُمْ , وَقَدْ نَسِيْنَا كُلَّ وَاعِظَةٍ , وَأَمِنَّا كُلَّ جَائِحَةٍ طُوبَى لِمَنْ شَغَلَهُ عَيْبُهُ عَنْ عُيُوبِ النَّاسِ

Maksudnya : "*Wahai manusia, seakan-akan kematian itu ditakdirkan buat orang lain.*
Seakan-akan kematian itu ditakdirkan buat orang lain.
Seakan-akan kebenaran (kematian) itu ditetapkan bagi selain kita. Dan orang-orang yang kita hantarkan jenazah mereka (ke kubur), seakan-akan mereka hanya melaksanakan kepergiannya, yang dalam waktu terdekat akan kembali lagi kepada kita. Kita menempatkan kubur mereka dan memakan warisannya.
Seakan-akan kita kekal setelah meninggalkannya. Sungguh, kita lupa terhadap nasihat dan kita berasa aman dari segala bencana. Berbahagialah barangsiapa yang

menyibukkan diri dengan keaiban diri sendiri berbanding dengan keaiban manusia lain."[151]

Asal Kelalaian Mengingati Mati Disebabkan Panjangnya Angan-angan

Punca kelalaian dalam mengingati mati adalah disebabkan angan-angan yang berpanjangan, perkara ini adalah satu kejahilan.

Rasulullah SAW berkata kepada Abdullah Bin Umar R.A:

إِذَا أَصْبَحْتَ.. فَلَا تُحَدِّثْ نَفْسَكَ بِالْمَسَاءِ, وَإِذَا أَمْسَيْتَ.. فَلَا تُحَدِّثْ نَفْسَكَ بِالصَّبَاحِ وَخُذْ مِنْ حَيَاتِكَ لِمَوتِكَ, وَمِنْ صِحَّتِكِ لِسَقَمِكَ, فَإِنَّكَ– يا عبد الله– لاَ تَدْرِي مَا اسْمُكَ غَدًا

Maksudnya : "*Apabila kamu berada di pagi hari, maka janganlah dirimu membicarakan waktu petang. Apabila kamu berada pada waktu petang hari, maka janganlah kamu berbicarakan waktu pagi. Ambilkan kehidupanmu untuk bekalan matimu. Manfaatkanlah kesihatanmu untuk bekalan sakitmu. Sesungguhnya kamu, wahai Abdullah tidak mengetahui apa namamu pada hari esok*."[152]

---

[151] Diriwayat oleh al-Baihaqi dalam kitab *Syu'ab* daripada hadis Anas r.a.

[152] Riwayat Tirmizi daripada hadis Ibnu Umar r.a. Dikeluarkan oleh Bukhari dalam *al-Sahih* (6416)

Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ اثْنَانِ: اتِّبَاعُ الْهَوَى، وَطُولُ الْأَمَلِ

Maksudnya : "*Yang paling aku khuatiri akan menimpa umatku adalah dua perkara: mengikut hawa nafsu dan panjang angan-angan*."[153]

Usamah Bin Said Thabit membeli seorang hamba wanita yang berharga seratus dinar dengan tidak secara tunai. Rasulullah SAW melarangnya.
Baginda SAW bersabda :

أَلَا تَعْجَبُونَ مِنْ أُسَامَةَ الْمُشْتَرِي إِلَى الشَّهْرِينِ، إِنَّ أُسَامَةَ لَطَوِيلُ الأَمَلِ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا طَرَفَتْ عَيْنَايَ إِلا ظَنَنْتُ أَنِّي شُفْرَيَّ لَا يَلْتَقِيَانِ حَتَّى يَقْبِضَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ رُوحِي، وَلا رَفَعْتُ طَرَفِي وظَنَنْتُ أَنِّي وَاضِعُهَا حَتَّى أُقبَضَ, وَلاَ لَقِمْتُ لُقْمَةً إِلا ظَنَنْتُ أَنِّي لا أُسِيغُهَا حَتَّى أَغُصَّ بِهَا مِنَ الْمَوْتِ

Maksudnya : "*Tidakkah kamu hairan kepada Usamah yang membeli dengan bertempoh dua bulan? Sesungguhnya Usamah benar-benar panjang angan-angan. Demi Zat yang jiwaku ada di tanganNya, tidak akan berkedip kedua-dua mataku kecuali aku menyangka*

---

[153] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dunia dalam kitab *Qasrul al-'Amal* dan Baihaqi dalam *Syu'ab.*

bahawa kedua-duanya tidak akan bertemu sampai Allah mencabut nyawaku. Aku tidak mengangkat anggota tubuhku kecuali aku menyangka bahawa aku tidak akan meletakkannya sampai aku mati. Dan aku tidak memasukkan sesuap makanan ke dalam mulutku kecuali aku menyangka bahawa aku tidak akan menelannya sampai makanan itu tersekat dalam tekakku kerana kematian."

Kemudian Nabi SAW bersabda :

يَا بَنِي آدَمَ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ..فَعُدُّوا أَنْفُسَكُمْ مِنَ الْمَوتَى ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ.. إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَآتٍ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِيْنَ"

Maksudnya : "*Wahai anak-anak Adam, jika kamu berakal, maka anggaplah dirimu di kalangan orang-orang yang mati. Demi Zat yang jiwaku ada di tanganNya, sesungguhnya apa yang dijanjikan kepada kamu pasti datang dan kamu sekali-kali tidak sanggup menolaknya.*"[154]

Nabi SAW bersabda :

---

[154] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dunia dalam kitab *Qasrul al-'Amal* dan Abu Naim dalam *al-Hulliyyah* daripada hadis Abi Said al-Khudri. Dikeluarkan oleh al-Munziri dalam *al-Targhib wa al-Tarhib* (4/242), Ibnu Mubarak dalam *al-Zuhud* (1/86), al-Suyuti dalam *al-Durr al-Manthur* (3/47), dan Abu Nu'aim dalam *Hilyatul Auliya'*.

نَجَا أَوَّلُ هَذِهِ الْأُمَّةِ بِالْيَقِينِ وَالزُّهْدِ , وَيَهْلِكُ آخِرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ بِالْبُخْلِ وَالْأَمَلِ

Maksudnya : "*Selamat permulaan umat ini (daripada segala kejahatan) dengan keyakinan (kematian)*[155] *dan zuhud. Dan binasa kemudian umat ini disebabkan oleh kebakhilan dan (panjang) angan-angan*."[156]

Nabi SAW bersabda :

أَكُلُّكُمْ يُحِبُّ أَنْ يَدْخُلَ الجَنَّةَ ؟ قالوا : نَعَمْ يَا رَسُوْلَ الله

Maksudnya : " *Apakah kamu semua suka untuk masuk syurga*?" Mereka (para sahabat) menjawab : "Tentu (wahai Rasulullah),"
Seterusnya Nabi SAW bersabda :

قَصِّرُوا أَمَالَكُم ، وَاجْعلُوا آجَالَكُمْ بَيْنَ أَبْصَارِكُمْ وَاسْتَحْيُوا مِنَ الله حَقَّ الحَيَاءِ

Maksudnya : "*Pendekkanlah angan-angan kamu. Jadikanlah ajal kamu di depan mata kamu. Dan malulah kepada Allah dengan malu yang sebenar-benarnya*."[157]

---

155 بِالْيَقِينِ / *Bil yaqin* di dalam hadis ini bermaksud الموت iaitu kematian bukannya keyakinan. Sama seperti ayat 99 surah Al-Hijr.

156 156 Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dunia dalam kitab *Qasrul al-'Amal* daripada hadis Abdullah Bin 'Amru.

157 Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dunia dalam kitab *Qasrul al-'Amal* daripada Hassan secara *mursal*.

Golongan ‘Arifin Yang Sempurna Disibukkan Dengan Mengingati Mati

Ketahuilah bahawa seorang al-‘Arif yang sempurna adalah yang tidak semata seronok berzikir dengan mengingati Allah tetapi lebih disibukkan mengingati mati, bahkan fana dalam keadaan bertauhid, tidak sesekali menoleh ke masa lalu dan tidak menoleh ke masa depan dan tidak ke masa sekarang, dari satu sudut ia berada di masa sekarang, bahkan ia adalah anak sezamannya, iaitu sesungguhnya ia seperti bersatu dengan apa yang diingatinya. Bukanlah saya mahu katakan ianya bersatu dengan zat, janganlah difikirkan akan hal itu kerana kamu akan jadi keliru dan berburuk sangka.

Dan demikian, dipisahkan rasa takut dan pengharapan, kerana sesungguhnya itu merupakan cemeti (pukulan) yang mengiringi seorang hamba ketika ini sebagai pakaian untuk dirasai. Bagaimana untuk mengingati mati?. Maka yang dikehendaki dengan mengingati mati itu ialah dengan memutuskan ikatan hatinya dari sesuatu yang boleh menghilangkan ingatan kematian?.

Bagi seorang al-‘Arif, sesungguhnya kematian adalah panduan dalam membenarkan kewujudan dunia, dan merupakan kebenaran bagi setiap yang terpisah kerana

kematian. Maka apabila tersingkapnya kematian akan menjadi bersih pandangan kepada akhirat, lebih-lebih lagi dari dunia. Sesungguhnya segala sesuatu akan dicengkam kematian melainkan Allah yang Maha Berkuasa. Dan (dunia) tidak akan kekal baginya melainkan kematian kecuali memohon perlindungan untuk meningkatkan kejelasan penglihatan (hati) bukan semata untuk meningkatkan keyakinan (hati).

Inilah yang dimaksudkan oleh kata-kata Sayyidina Ali R.A
;
"*Sekiranya tersingkapnya tabir (kematian), bukankah akan meningkatkan keyakinan*."

Maka sesungguhnya seseorang yang melihat di belakang tabir, tidak akan bertambah keyakinannya bahkan sekadar boleh melihat sahaja.

Apabila mengingati mati, hatinya tidak akan cenderung kepada dunia kerana ia akan mengetahui bahawa ia akan terpisah, maka cita-citanya tidaklah terhenti di dunia.

Rasulullah SAW bersabda :

إنَّ رُوحَ القُدُسِ نَفَثَ فِي رَوْعِي أَحْبَبْ مَا أَحْبَبْتَ فَإنَّكَ مُفَارِقُهُ

وعِشْ مَا شِئْتَ فإنَّكَ ميّتٌ وَاعْمَلْ مَا شِئْتَ فإنَّكَ مجْزِيٌّ بِهِ

Maksudnya : " *Sesungguhnya Ruh Qudus meniupkan dalam hatiku, 'Cintailah apa sahaja yang kamu cintai,*

maka sesungguhnya kamu akan berpisah dengannya. Hiduplah semahumu, maka sesungguhnya kamu adalah mayat. Lakukanlah apa yang kamu kehendaki, maka sesungguhnya kamu akan dibalas dengannya."[158]

Hakikat Kematian Dan Keadaannya

Bagi mengetahui hakikat kematian, tidak akan diperolehi pengetahuan selagi mana kita tidak mengetahui hakikat kehidupan, dan kita tidak akan mengetahui hakikat kehidupan tanpa kita mengetahui hakikat ruh iaitu diri kamu sendiri, dan hakikat sebenar dirimu iaitu yang takut akan sesuatu tentang diri kamu serta tidak tenang dalam mengenali Tuhan kamu sebelum mengenali diri. Yang dimaksudkan dengan diri itu adalah ruh (jiwa) yang khusus disandarkan kepada Allah SWT **.**

Allah SWT berfirman:

قُلِ ٱلرُّوحُ مِنۡ أَمۡرِ رَبِّي

Maksudnya : "*Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku*."

Surah al-Isra' :85

Allah SWT berfirman:

---

[158] Riwayat al-Syirazi dalam a*l-Alqab* juga Riwayat Abu al-Na'im dalam kitab a*l-Hulliyyah* daripada hadis Sahal Bin Saad dan al-Thabrani dalam *al-Asghor wal Ausot* daripada hadis Ali, dan keduanya itu berstatus lemah.

وَنَفَخۡتُ فِيهِ مِن رُّوحِي

Maksudnya : “*Dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan)-Ku*.”

Surah al-Hajr :29

Tanpa ruh, jasmani akan menjadi lemah, ia menanggung kekuatan deria rasa dan pergerakan yang datang dari hati, berkembang ke seluruh badan sehingga ke rongga-rongga urat yang Tanpa Tanpa ruh, jasmani akan menjadi lemah, ruh yang menanggung kekuatan deria rasa dan pergerakan yang datang dari hati, berkembang ke seluruh badan sehingga ke rongga-rongga urat yang berdenyut, maka terpancarlah cahaya dari deria pandangan mata, dan cahaya pendengaran dari telinga, begitu juga kekuatan dan pancaindera yang lain, sebagaimana terpancarnya sinaran lampu dari dinding rumah apabila dipusingkan di sekelilingnya.

Maka sesungguhnya ruh ini juga ada dalam binatang dan akan binasa disebabkan kematian. Kerana ia adalah wap matang yang telah bercampur, apabila campurannya telah terlerai sebagaimana terbatalnya cahaya yang datang dari lampu disebabkan kehabisan minyak pada lampu atau disebabkan tiupan angin yang datang padanya. Dan terputusnya makanan bagi haiwan akan merosakkan ruh haiwan itu sendiri kerana makanan itu seperti minyak yang memberikan cahaya pada lampu, membunuhnya sama seperti memadamkan lampu.

Inilah ruh yang digunakan dalam menjelaskan dan menguatkan sesuatu dalam ilmu perubatan. Ruh ini tidak akan membawa kepada makrifat (pengetahuan) dan amanah, bahkan roh khusus yang akan menanggung amanah bagi manusia iaitu amanah yang mengikat janji dengan tanggungjawab dengan diberikan ganjaran pahala bagi yang mentaatinya dan dosa bagi yang mengingkarinya.

Ruh ini tidak akan mati dan binasa, bahkan ia akan kekal setelah kematian (jasad). Samada ia berada dalam kenikmatan dan kebahagiaan atau dalam kesengsaraan dan kecelakaan, maka itulah makrifat (pengetahuan). Tanah tidak akan memakan tempat iman dan makrifat yang asal sebagaimana disebutkan di dalam sunnah dan disaksikan dengan pandangan makrifat.

Syara' tidak mengizinkan untuk menyebut hakikat sifat (ruh) jika tidak didalami ilmu berkaitan, ini kerana akan menjadi berat tanggungan jika tidak dipelajari, bagaimana untuk menyebutnya, kerana ia merupakan keajaiban bagi sesuatu sifat yang tidak dapat dibawa oleh kebanyakan akal manusia dalam membenarkan penciptaan Allah SWT. Maka janganlah berkeinginan untuk menyebut hakikat (ruh) dan tunggulah isyarat sebagai tanda untuk menyebutnya selepas mati.

Ruh Tidak Akan Binasa Dengan Kematian

Ruh tidak akan binasa sama sekali dan tidak akan mati. Bahkan hanya statusnya sahaja yang akan bertukar kepada kematian, dan bertukar kedudukannya, maka ia akan naik dari suatu tempat ke tempat yang lain. Hakikat kubur sebenarnya seperti taman dari taman-taman syurga atau lubang dari lubang-lubang neraka.

Tidak ada kaitan ruh dengan badan kecuali hanya dari sudut penggunaannya. Kemerosotan badan boleh diteliti dengan mengetahuinya melalui rangkaian pancaindera. Maka, perumpamaan "badan" adalah merangkumi alat, tunggangan dan rangkaian alatannya, jika rosak alat, tunggangan dan rangkaian alatannya, tidak akan memusnah si Pemburu. Ya, sekiranya rosak rangkaian alatan selepas selesai digunakan untuk memburu maka tiadalah keuntungan, kerana ia bebas dari bebanan.

Rasulullah SAW berkata :

الموَتُ تُحفَةُ المؤُمِنِ

Maksudnya : "*Kematian adalah hadiah bagi orang mukmin*."[159]

---

[159] Dikeluarkan Ibnu Abi Dunya, Thabrani dan Hakim dalam *Al-Mustadrak*. Riwayat daripada al-Mubarak dalam *Al-Zuhud.* Daripada hadis Abdullah Bin 'Amru.

Sekiranya rosak rangkaian alatan sebelum memburu, maka lebih lagilah kerugian, penyesalan dan kesakitan yang dialaminya.

Allah SWT berfirman yang membayangkan dialog seorang seseorang yang rugi:

رَبِّ ٱرۡجِعُونِ ۝٩٩ لَعَلِّيٓ أَعۡمَلُ صَٰلِحٗا فِيمَا تَرَكۡتُۚ

Maksudnya :" *Kembalikanlah daku (hidup semula di dunia). Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan*".

Surah al-Mukminun :99-100

Bahkan, sekalipun dapat diikat rangkaian alatan yang paling dikasihinya dan adanya ikatan hati dengannya, seseorang yang rugi itu tidak dapat memperbaiki gambaran dan membentuk apa jua yang berkait. Maka baginya seksaan (jiwa) dua kali ganda, iaitu;

1) Kerugian kerana lewat memburu akibat rosak rangkaian alatan sebelum memburu.
2) Hilangnya rangkaian alatan perburuan tetapi hatinya masih terikat dan teringat keseronokan terhadapnya. Seksaan jiwa ini merupakan permulaan dari pengetahuan mengenali azab kubur, sekiranya dilakukan penelitian secara mendalam, nescaya pelbagai perkara akan dapat kepastian.

Azab Kubur Adalah Perkara Yang Pasti

Kemungkinan kita menginginkan perbahasan yang memerlukan bukti yang jelas? Maka ketahuilah bahawa buku ini tidak dapat memenuhinya. Terimalah dari buku ini dengan contoh-contoh yang mudah, dan fahamilah bahawa makna kematian itu adalah kelemahan dan kemerosotan badan.

Kamu akan mengetahui bahawa kehilangan tangan adalah tiadanya ketaatan tangan untuk bersama dengan kewujudan fizikal tetapi hilang kekuatan yang menjadi perantaraan dalam menggunakan tangan.

Maka, dapat difahami bahawa kematian itu adalah hilangnya semua anggota beserta kekuatannya. Kematian telah mengambil dari kamu tangan, kaki, mata dan semua pancaindera, sedangkan kamu(ruh) kekal, iaitu hakikatnya kamu adalah kamu.

Maka sesungguhnya sekarang kamu seperti berada di zaman kanak-kanak, barangkali kamu tidak akan kekal dalam diri kamu ketika dihuni oleh sesuatu objek, bahkan menjadi lemah semuanya dan terhasil makanan sebagai gantinya, dan kamu adalah kamu dan tubuhmu bukanlah tubuh itu.

Maka sekiranya berlaku pada kamu kasih kepada pancaindera, seksaan berat bagimu ketika berpisah dengan kasihmu, kerana semua kelazatan dunia yang dikasihi tidak dapat dikuasai kecuali dengan pancaindera.

Tidak ada beza;

- antara mereka yang menerima azab dalam kerinduan berbanding menerima halangan dari kekasih yang merindui dan;
- antara dicungkil matanya atau dibawa lari ke suatu tempat sehingga tidak boleh dilihat.

Sesungguhnya sakitnya adalah kerana tidak dapat melihat. Barangsiapa yang mengasihi keluarga, harta, rumah, kuda, hamba perempuan, dan pakaian. Maka dia akan lebih rasa sakit ketika berpisah dengan semua itu samada ianya dirampas atau dijauhkan dengan dibawa ke tempat lain dan dihalang dari saling mengasihi antara satu sama lain.

Kematian itu merampas sesuatu dari kamu dan menjadi penghalang antara kamu dan dia, maka terjadi azab pada kamu mengikut kadar kerinduan kamu kepadanya.

Kematian akan menemukan kamu dengan Allah SWT, dan akan terputus dari kamu deria yang menyibukkanmu dan mengganggumu, dan kelazatan dalam melangkah bertemu dengan Allah SWT mengikut kadar kasihmu kepada Allah SWT dan kekerapan kamu dalam

mengingatiNya, dan disebabkan itu Dia akan mengingatimu.

Allah SWT berfirman:

لَّهُمْ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ

Maksudnya : “*Bagi mereka di dalam syurga itu apa yang mereka kehendaki*.”

Surah al-Furqan :16

Allah SWT juga berfirman:

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ

Maksudnya : “*Dan dihalangi antara mereka dengan apa yang mereka ingini*.”

Surah Saba’ :54

Tidak akan ada kelazatan kecuali disampingnya ada syahwat ketika bertemu dengan perkara yang diinginkan, namun tidak ada yang menyakitkan kecuali dengan bersyahwat saat berpisah dengan perkara yang dingini.

Tidak sepatutnya bagi kamu tertipu dengan kata-kata :
“*Jika ini merupakan penyebab kepada azab kubur, maka aku merasa aman dengannya, kerana tiada hubungan antara hatiku dengan keseronokan dunia.*”

Sesungguhnya ini tidak akan tercapai dengan hakikat selama mana kamu tidak melemparkan dunia ini dan selama mana kamu tidak keluar darinya secara kesuluruhan.

Ini diibaratkan seperti seorang lelaki telah menjual hamba perempuannya kemudian dia menyangka dengan menjual itu menjadikannya tiada kaitan antara satu sama lain, akan tetapi, ketika orang yang membeli itu hatinya disibukkan dengan api pemisahan, dan dibakarnya dengan sehangusnya, berkemungkinan dia melemparkan dirinya ke dalam air dan api untuk membunuh diri dan membebaskan diri.

Begitulah yang berlaku dalam kubur, setiap perkara yang berkaitan hati kamu dengan dunia akan sentiasa berhubungan, Nabi SAW bersabda :

أَحْبَبْ مَا أَحْبَبْتَ فَإِنَّكَ مُفَارِقُهُ

Maksudnya : "*Cintailah apa sahaja yang kamu cintai, maka sesungguhnya kamu akan berpisah dengannya*."[160]

Disebalik kejadian ini, ada seksaan yang lebih dahsyat dari itu, iaitu kerugian atas halangan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan melihat wajahNya yang Mulia.

---

[160] Riwayat al-Syirazi dalam a*l-Alqab* juga Riwayat Abu al-Na'im dalam kitab a*l-Hulliyyah* daripada hadis Sahal Bin Saad dan al-Thabrani dalam *al-Asghor wal Ausot* daripada hadis Ali, dan keduanya itu berstatus lemah..

Dengan kematian, akan tersingkap kehebatan kemampuan seseorang melepasinya.

Sekiranya kehebatan kemampuan tiada padanya sebelum kematian, kerana kematian itu adalah menyingkap sesuatu pada perkara sebelumnya, sebagaimana keadaan ketika tidur, akan terungkap perkara-perkara ghaib dengan ditunjukkan perumpamaan atau tidak, dan tidur itu saudara bagi kematian, tetapi kematian itu jauh lagi.

Inilah dua penyeksaan yang dihadapi oleh si mati seperti tiada kasih Allah kepadanya. Begitu juga dengan kasihnya kepada perkara lain lebih dari dia kasih kepada Allah. Kedua-duanya itu adalah keharusan untuk diketahui keduanya jika kamu ketahui hakikat ruh dan kekalnya ia selepas mati. Sebarang perkara yang bertentangan akan mendapat bahagiannya, dan sebarang perkara yang bertepatan akan mendapat bahagiannya.

Adakah Manusia Dihukum Dengan Kematian

Barangkali kamu akan mengatakan: "*Yang terkenal di kalangan ahli ilmu adalah* manusia akan mati kemudian *akan dikembalikan, dan seksaan kubur berlaku dengan percikan api, kala jengking, dan ular, apa yang disebutkan ini adakalanya terbalik*."

Ketahuilah bahawa sesiapa yang mengatakan: “*Sesungguhnya kematian itu suatu tempat hukuman”* maka dia terhijab disebabkan taqlid (ikutan) yang terendah dan sepatutnya melihat dari aras tinggi secara menyeluruh.

Adapun halangan daripada pandangan yang jauh, maka tidak akan dapat ditemui selama mana tidak dapat melihat. Adapun halangan disebabkan taklid (ikutan) akan diketahuinya dengan meneliti al-Quran dan hadis.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمۡوَٰتَۢاۚ بَلۡ أَحۡيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمۡ يُرۡزَقُونَ ١٦٩ فَرِحِين ....

Maksudnya : *“Janganlah kamu mengira bahwa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhannya dengan mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan gembira...”*

Surah Al-Imran: 169

Bagi orang-orang yang celaka, Rasulullah SAW memanggil mereka ketika peristiwa perang Badar ketika mereka telah dibunuh.

Nabi SAW memanggil :

يَا فُلَانَ بِنْ فُلاَنَ

Maksudnya : *“Hai fulan bin fulan.”*

Baginda menyebut nama mereka seorang demi seorang dari ketua-ketua kelompok mereka (tokoh-tokoh musyrik Quraisy). Baginda berkata :

قَدْ وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقّاً ، فَهَلْ وَجَدْتُم مَا وَعَدَ رَبُّكُم حَقّاً؟

Maksudnya : *“ Sesungguhnya, aku telah mendapat apa yang telah dijanjikan Tuhanku kepadaku sebagai kebenaran, maka apakah kamu semua mendapat apa yang telah dijanjikan Tuhanmu sebagai kebenaran?”*

Maka para sahabat bertanya kepada Baginda SAW: “*Wahai Rasulullah, apakah kamu memanggil mereka padahal mereka hanyalah mayat?”*
Nabi SAW menjawab :

وَالَّذِيْ نَفْسِي بِيَدِهِ مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ لِكَلاَمِي مِنْهُمْ لَكِنَّهُمْ لاَ يَقْدِرُونَ عَلَى الجَوَابِ

Maksudnya : *“Demi zat yang jiwaku berada dalam genggamanNya, kamu semua tidaklah lebih mendengar perkataanku daripada mereka. Akan tetapi, mereka tidak*

mampu untuk menjawab.”[161]

Nabi SAW berkata :

الْمَوتُ القِيَامَةُ, مَنْ مَاتَ.. فَقَدْ قَامَتْ قِيَامَتُهُ

Maksudnya : *“Kematian adalah kiamat. Barangsiapa yang meninggal, maka telah tiba kiamatnya.”*[162]

Nabi SAW menyebutkan ini sebagai kiamat kecil, adapun kiamat besar adalah selepasnya. Dan penjelasan tentang kiamat kecil jika berkehendak, maka carilah di dalam bab Sabar, di dalam Kitab al-Ihya. Banyak hadis-hadis yang menunjukkan bukti bahawa akan kekal ruh-ruh orang mati dan perasaan mereka dengan apa yang dialami di alam ini.

Keadaan-keadaan Yang Masyhur Berkaitan Azab Kubur

Ada yang mengatakan, *“Sesungguhnya keadaaan yang masyhur tentang azab kubur adalah rasa sakit dengan percikan api, kala jengking dan ular*”.

---

[161] Dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim daripada hadis Umar. Ada juga yang mengatakan riwayat dari Bukhari daripada Hadis Abi Tolhah dan riwayat dari Muslim daripada hadis Anas.

[162] Dikeluarkan Ibnu Abi Dunia dengan sanad yang lemah.

Maka ini adalah benar dan memang begitu. Tetapi aku melihat bukan mudah untuk memahaminya, menemui rahsia dan hakikatnya.

Kecuali, saya mengingatkan dengan contoh-contoh darinya sebagai dorongan kepada kamu untuk mengenali pelbagai hakikat azab kubur, agar bangkit bersedia dengan urusan akhirat. Sesungguhnya ia merupakan berita hebat bagi kamu yang berpaling darinya.

Nabi SAW berkata :

الْمُؤْمِنُ فِيْ قَبْرِهِ فِيْ رَوْضَةٍ خَضْرَاءَ, وَيَرْحَبُ لَهُ قَبْرُهُ سَبْعِيْنَ ذِرَاعًا, وَيُضِيءُ حَتَّى يَكُونَ كَالقَمَرِ لَيْلَةَ البَدْرِ, هَلْ تَدْرُوْنَ فِيْ مَاذَا أَنْزَلَتْ : ﴿فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنكاً﴾؟

Maksudnya : *"Orang Mukmin di dalam kuburnya berada dalam taman yang menghijau, dan diluaskan kuburnya 70 hasta. Wajahnya bercahaya laksana bulan purnama.*
Apakah kamu tahu, berkenaan dengan turunnya ayat ini : 'Maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit'?"
Para sahabat menjawab : *"Allah dan RasulNya lebih mengetahui.*

Seterusnya Rasulullah SAW bersabda :

عَذَابُ الكَافِرِ فِي قَبْرِهِ, يُسَلِّطُ عَلَيهِ تِسعَةٌ وَتِسعُونَ تِنِّيْنًا, هَل تَدرُونَ مَا التِّنِّيْنَ؟ تِسعٌ وَتِسعُونَ حَيَةً, لِكُلِّ حَيَةٍ تِسْعَةُ رُؤُوسٍ, يَنْهَشُوْنَهُ وَيَلحَسُونَهُ وَيَنفَخُونَ فِي جِسْمِهِ اِلَى يَوْمِ يَبْعَثُونَ

Maksudnya : *“ (Itu adalah) seksa kubur bagi orang kafir, baginya akan didatangkan 99 “tinnin”. Apakah kamu tahu apa itu “tinnin”? Ia adalah 99 ekor ular, yang tiap-tiap ular memiliki 9 kepala yang menggigit, menjilat dan menyembur tubuhnya sehingga hari kebangkitan*.”[163]

Maka, perhatikanlah hadis ini dan ketahuilah bahawa inilah kebenaran yang hendak ditunjukkan dengan pandangan yang jelas.

Orang-orang jahil yang mengingkari mengatakan :
“Sesungguhnya aku melihat ke kuburnya, maka aku tidak melihat apa-apa.”
Maka ketahuilah sang jahil bahawa ular itu tidaklah berada pada zat si mati, sesungguhnya zat ruh itu sendiri yang merasakannya bukan jasad. Bahkan ia sudah bersamanya sebelum ini lagi, bersemayam di dalam batinnya, tetapi ia tidak merasa kesakitan gigitan itu kerana ada yang menutupi keadaan itu di dalamnya untuk

[163] Riwayat Ibnu Hibban dalam *Mu’jam al-Zawaid*. dan Imam Ahmad dalam *Musnad*nya daripada hadis Abu Hurairah.

lebih dirasai, dan perasaan itu hanya akan dirasai selepas mati.

Sesungguhnya ular itu sifatnya berperingkat, bilangan kepala mengikut bilangan akhlak yang buruk dan nafsunya menikmati kenikmatan dunia. Dan ular ini asalnya cintakan dunia, kepalanya bercabang mengikut bilangan sifa-sifat buruk yang cintakan dunia antaranya sifat dengki, dendam, riak, takabbur, tamak akan kekayaan, menipu, cinta akan kedudukan, permusuhan dan kebencian. Semua ini akan diketahui melalui pandangan mata hati.

Adapun ia dibataskan bilangannya sebanyak 99 yang boleh difahami dengan cahaya nubuwwah semata-mata. Ular-ular *"tinnin"* tersebut berada di dasar hati orang-orang kafir, tidaklah semata-mata disebabkan kejahilannya dengan kekafiran, bahkan setiap ajakannya itu menuju kekufuran.

Firman Allah ta'ala :

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمُ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا عَلَى ٱلْءَاخِرَةِ

Maksudnya: *"Yang demikian itu disebabkan kerana sesungguhnya mereka mencintai kehidupan di dunia lebih dari akhirat."*

Surah al-Nahl :107

Firman Allah ta'ala :

أَذْهَبْتُمْ طَيِّبَٰتِكُمْ فِى حَيَاتِكُمُ ٱلدُّنْيَا وَٱسْتَمْتَعْتُم بِهَا

Maksudnya *: "Kamu telah menghabiskan rezekimu yang baik dalam kehidupan duniawimu (saja) dan kamu telah bersenang-senang dengannya."*

Surah al-Ahqaf :20

Ular ini jika berlaku seperti yang kamu sangka ianya keluar dari zat si mati, itu lebih ringan, jika kamu membayangkan ular itu menyimpang darinya atau dia sendiri menghindari ular itu. Tidak seperti yang disangkakan, bahkan ia masuk ke dalam hati, ular itu akan menggigit dengan lebih kuat dari apa yang difahami oleh manusia tentang gigitan ular biasa.

Gigitan ular ini umpama hati yang sedang asyik ketika menjual hamba perempuan yang sangat dicintainya. Keasyikan yang duduk di dalam hati seperti api yang menetap dalam batu yang bermaksud membuatkannya lalai. Sesungguhnya seronok itu akan menyebab kepada kesakitannya.

Ini merupakan rahsia sabda Nabi SAW:

اِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُم تُرَدُّ عَلَيكُم

Maksudnya : *“Bahawa itu merupakan amalmu yang dikembalikan kepadamu.”*[164]

Firman Allah ta’ala :

يَوۡمَ تَجِدُ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا عَمِلَتۡ مِنۡ خَيۡرٖ مُّحۡضَرٗا وَمَا عَمِلَتۡ مِن سُوٓءٖ تَوَدُّ لَوۡ أَنَّ بَيۡنَهَا وَبَيۡنَهُۥٓ أَمَدَۢا بَعِيدٗاۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَٱللَّهُ رَءُوفُۢ بِٱلۡعِبَادِ ٣٠

Maksudnya : *“Pada hari ketika tiap-tiap diri mendapati segala kebajikan dihadapkan (dimukanya), begitu (juga) kejahatan yang telah dikerjakannya; ia ingin kalau kiranya antara ia dengan hari itu ada masa yang jauh; dan Allah memperingatkan kamu terhadap siksa-Nya. Dan Allah sangat penyayang kepada hamba-hamba-Nya.”*

Surah Ali-Imran:30

Firman Allah ta’ala :

كَلَّا لَوۡ تَعۡلَمُونَ عِلۡمَ ٱلۡيَقِينِ ٥ لَتَرَوُنَّ ٱلۡجَحِيمَ ٦

Maksudnya : *“Sekali-kali janganlah begitu, kalau kamu mengetahui dengan ilmu yang yakin, sesungguhnya kamu akan melihat neraka Jahim.”*

Surah al-Takathur : 5-6

---

[164] Dikeluarkan dari hadis Qudsi dengan sanad yang sahih. Riwayat Muslim daripada Abu Zarr.

Erti kata lain, neraka *jahim* dalam batin kamu, maka carilah batinmu dengan ilmu yang yakin untuk melihatnya sebelum dilihat dengan mata keyakinan.

Rahsia Allah ta'ala dalam firmanNya :

يَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلْعَذَابِ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌۢ بِٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya : *"Mereka meminta kepadamu supaya segera diturunkan azab. Dan sesungguhnya Jahannam benar-benar mengelilingi orang-orang yang kafir."*

Surah al-Ankabut :54

Tidaklah Allah katakan bahawa neraka itu akan mengelilingi, tetapi ia benar-benar mengelilingi.

Firman Allah ta'ala :

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّـٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا

Maksudnya : *"Sesungguhnya Kami telah sediakan bagi orang orang zalim itu neraka, yang gejolaknya mengepung mereka."*

Surah al-Kahfi :29

Allah ta'ala tidak mengatakan neraka (sahaja) yang mengepung mereka, itulah yang dimaksudkan kata-kata dari golongan yang mengatakan: *"Sesungguhnya syurga*

dan neraka itu adalah dua makhluk”,[165] sesungguhnya Allah tatkala berfirman dengan lisanNya adalah suatu yang benar. Mudah-mudahan mampu disingkap rahsia dari apa yang difirmankanNya itu.”

Sekiranya tidak difahami sebahagian makna al-Quran, maka kamu tidak akan dapat apa-apa dari al-Quran melainkan hanya kulitnya, sebagaimana binatang ternakan yang tidak dapat gandum kecuali kulitnya yang dikeringkan.

Al-Quran adalah “makanan” kesemua makhluk, namun berbeza mengikut pelbagai cara, tetapi makanan mereka terhadap Al-Quran hanya sekadarnya (mengikut tahap kedudukan mereka). Dan bagi setiap makanan ada isi, biji dan hasilnya. Kegelojohan keldai terhadap makanannya tidak lebih daripada roti yang diambil dari serbuk kulit roti.

Kamu sangat suka tidak disamakan dengan binatang ternakan, dan sememangnya tidak sama sekali dengan kedudukan manusia, bahkan kamu suka disamakan dengan kedudukan malaikat, maka pergilah ke taman-taman Al-Quran, disana ada keseronokan dan kenikmatan bagi kamu.

---

[165] Ini adalah aqidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah menurut Imam Abu Jaafar at-Thahawi.

Orang Yang Mati Melihat Dan Menjiwai Perkara Ghaib Disekitarnya

Jika kamu mengatakan : "*Apakah ular-ular "tinnin" ini mampu dilihat oleh penglihatan atau adakah sakitnya(patukan) seperti rasa sakit orang yang sedang asyik ketika berpisah dengan orang yang dikasihinya?."*

Maka aku katakan, "*Tidak*", bahkan dibuat perumpamaannya bagimu sehingga kamu dapat menyaksikannya, tetapi gambaran ini dilihat dengan kerohanian, dengan bentuk yang melangkaui dari alam, jika dilihat dalam kuburnya, maka hal itu terjadi di alam *malakut*.

Ya, orang yang sedang asyik juga bila dia tidur, dia akan membayangkan sesuatu keadaan ketika tidur, boleh jadi dia melihat ular sedang mematuk lubuk hatinya kerana sudah lama dia merasakan keadaan tidur daripada alam nyata yang hanya sekejap, kemudian digambarkan padanya hakikat sesuatu dengan gambaran yang nyata dari singkapan alam *malakut*.

Kematian akan sampai ketika dalam keadaan tidur, kerana tidur itu menahan dari rasa deria dan khayalan, dan ia akan sampai dalam keadaan ruh itu bersendirian dari alam ini. Ini yang menjadikan gambaran ini sempurna selamanya tidak akan hilang kerana sesungguhnya kematian itu adalah tidur yang tidak akan terjaga kecuali pada hari kiamat.

Firman Allah ta’ala :

لَّقَدْ كُنتَ فِى غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا فَكَشَفْنَا عَنكَ غِطَآءَكَ فَبَصَرُكَ

Maksudnya : *“Sesungguhnya kamu berada dalam keadaan lalai dari (hal) ini, maka Kami singkapkan daripadamu tutup (yang menutupi) matamu, maka penglihatanmu pada hari itu menjadi amat tajam.”*

Surah Qaf : 22

Ketahuilah bahawa orang yang sedar di samping orang yang sedang tidur, tidak dapat melihat patukan yang kena pada orang yang sedang tidur, begitu juga ia tidak boleh menghalang kewujudan ular pada hakikatnya dan perasaan sakit yang dialaminya begitu juga keadaan orang yang mati di dalam kubur.

Keadaan Azab Kubur Dan Perinciannya

Kemungkinan anda akan mengatakan : *“Sesungguhnya kamu (wahai al-Ghazali) telah mengada-adakan perkataan yang berlawanan dengan apa yang sedia ada, kamu berbeza dengan jumhur pendapat ulama, apabila kamu mendakwa bahawa berbagai jenis azab akhirat mampu dilihat dengan pandangan secara penglihatan*

biasa dan pandangan dalaman. Kemampuan ini jelas bercanggah dengan tradisi dan melangkaui batas syariat. Maka apakah mungkin kamu sebutkan jenis-jenis seksaan sebegitu dan perincikannya?"

Maka (jawapan al-Ghazali) ketahuilah bahawa aku hanyalah berbeza pendapat tetapi tidak mengingkari jumhur pendapat ulama, bagaimana mungkin seseorang itu mampu mengingkari dan berbeza pendapat dengan ulama yang telah banyak bermusafir? Sesungguhnya keseluruhan ulama menetap di negeri asal mereka iaitu tempat kelahiran mereka dan merupakan tempat yang terawal dari tempat-tempat yang wujud. Dan mereka semua telah sanggup bermusafir meninggalkan tempat mereka (mencari imu).

Dan ketahuilah bahawa tempat kita sekarang adalah tempat yang sama bagi badan dan hati kita, adapun tempat bagi ruh manusia adalah alam *al-Idrak* yang mega tetapi masih mampu dicapai. Ruang lingkup pancaindera adalah di kedudukan pertama, ketajaman khayalan adalah di kedudukan kedua, dan jangkaan ilusi adalah kedudukan yang ketiga.

Selagi manusia berada di kedudukan yang pertama (menggunakan kemampuan ruang lingkup pancaindera), maka ia masih merupakan sekadar alas. Maka sesungguhnya alas neraka hanyalah pancaindera, sekiranya dia mempunyai ketajaman khayalan dan dia memelihara perkara yang dikhayalkan selepas dirasai,

maka dia tidak akan memasuki neraka lagi untuk kali yang seterusnya kerana sebelumya dia telah merasakan sakitnya seksaan neraka, sesungguhnya burung dan binatang lain ketika merasakan sakit di tempat yang dipukul, maka ia akan lari dan tidak akan kembali kerana telah sampai ke tempat kedua iaitu memelihara kemas memori khayalan selepas ketiadaan rasa itu.

Selama mana manusia berada dalam tempat kedua, iaitu umpama binatang ternakan yang memiliki sifat kekurangan, maka had batasannya adalah berhati-hati dari sesuatu yang menyakitkan buat pertama kalinya, dan bagi yang tidak merasa sakit akan sesuatu, maka dia tidak akan tahu bahawa dia berada dalam keadaan bahaya.

Selama manusia berada dalam tempat ketiga, iaitu jangkaan ilusi, maka menjadi binatang ternakan yang sempurna seperti kuda perang, kerana kadangkala kuda perang lebih ditakuti berbanding harimau jika pertama kali dilihat walaupun tidak disakiti, maka ketakutan tidaklah muncul jika terlebih dahulu disakiti, bahkan kambing jika pertama kali melihat serigala, ia akan takut kepadanya, namun apabila kambing melihat unta dan lembu, kedua-duanya mempunyai bentuk yang lebih besar dan lebih hebat dari serigala, tetapi tiada perasaan takut kerana keduanya jika mengikut tabiat tidak akan menyakiti.

Sehingga sekarang mereka sama seperti binatang ternakan, maka manusia akan naik ke alam manusiawi dan akan menyedari sesuatu yang tidak masuk dalam

pancaindera dan khayalan juga ilusi, dan timbul perasaan berasa takut pada perkara-perkara yang akan datang, ketakutannya tidak dibatasi, ibarat ketakutan si kambing terhadap serigala yang dilihat ketika itu, dan setiap dari itu terjadilah ia sifat manusiawi yang sebenar.

Dan hakikat ruh disandarkan kepada Allah SWT
Firman Allah ta'ala :

وَنَفَخۡتُ فِيهِ مِن رُّوحِى

Maksudnya : *"Dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan)-Ku."*

Surah al-Hijr:29

Pada alam ini akan dibuka pintu-pintu *malakut*, maka akan disaksikan ruh-ruh yang kosong dari sebarang pakaian dan kain dalam pelbagai bentuk. Dan alam ini tidak mempunyai pengakhirannya.

Adapun alam-alam yang boleh dirasai dengan pancaindera, ketajaman khayalan dan jangkaan ilusi, maka ianya ada batasan, kerana ia beriringan dengan tubuh dan melekat di badan. Tubuh badan tidak boleh digambarkan bahawa ia tidak mempunyai pengakhiran(kerana ia akan musnah), dan tidak boleh digambarkan juga ia berjalan di alam ini seperti berjalan di atas air, kemudian naik berjalan di atas angin.

Oleh kerana itu, terdapat pertanyaan kepada Rasulullah SAW : “Bagaimana pula yang dikatakan bahawa Nabi Isa as berjalan di atas air.” Maka Rasulullah SAW mengiakan : “*Ya, jika keimanannya bertambah, nescaya (bertambah mukjizatnya) hingga dia juga berjalan di udara.*”[166]

Keraguan yang melanda perasaan seperti berjalan di atas muka bumi, di antara langit dan bumi dan di atas air yang terdapat perahu yang simpang siur melaluinya, maka awas!!, di situ bakal terlahirnya kedudukan syaitan sehingga manusia boleh terjerumus ke alam binatang. Kemudian berhenti di alam syaitan, seterusnya menuju je alam malaikat, diturunkan disitu dan terus kekal, penjelasan ini agak panjang. Dan alam ini semuanya adalah tempat-tempat yang mempunyai petunjuk, tetapi petunjuk yang disandarkan kepada Allah SWT yang berada di alam yang ke empat iaitu alam ruh.

Firman Allah ta’ala :

قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَى اللَّهِ

[166] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan Tirmizi. Sanadnya tidak sampai kepada Rasulullah SAW. Namun terdapat Riwayat Ibnu Abi Dunya di dalam kitab al-Yaqin memetik kata-kata Bakar bin Abdullah al-Muzani “Sesungguhnya para Hawariyyun kepada Nabi-nabi jika dikatakan kepada mereka, “*Hadapkanlah wajah kamu ke arah laut…*” Disebut juga bahawasanya Nabi Isa as berkata, *“Sesungguhnya jika seseorang anak Adam tersebut berkeyakinan, nescaya dia mampu berjalan di atas air”.*

Maksudnya : *“Katakanlah, ‘Sesungguhnya petunjuk (yang harus diikuti) ialah petunjuk Allah.’”*

Surah Ali-Imran :73

Kedudukan setiap manusia dan keadaannya di atas atau di bawah mengikut apa yang dicapainya iaitu seperti yang sebutkan oleh Sayyidina Ali ra :

“Manusia adalah kelahiran dari apa yang dipandangnya baik.”

Maka diibaratkan manusia antaranya ada yang seumpama cacing, keldai, kuda atau syaitan, kemudian dia akan lalui itu semua sehingga menjadi malaikat.

Bagi malaikat ada beberapa tahap, antaranya mereka dari bumi, dari langit, ada yang dekat dengan Allah SWT yang tidak menoleh ke langit dan bumi, mereka hanya menumpukan pandangan mereka terhadap keindahan *Rububiyyah*, dan teliti tatkala mengadap “wajah” Allah. Dan mereka selamanya berada di tempat yang abadi, kerana mereka memberi perhatian kepada “wajah” yang kekal abadi. Adapun segala yang lain dari itu sesungguhnya ia menuju kebinasaan, aku maksudkan langit dan bumi serta apa yang berkaitan dengan keduanya dari ruang lingkup pancaindera, ketajaman khayalan dan jangkaan ilusi.

Firman Allah ta’ala :

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ

Maksudnya : *“Semua yang ada di bumi itu akan binasa. Dan tetap kekal zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”*

Surah al-Rahman : 26-27

Inilah alam-alam tempat tinggal dan tempat permusafiran manusia, untuk menaik taraf dari peringkat binatang ke kedudukan malaikat, kemudian dari kedudukan mereka naik kepada kedudukan para *‘Asyik* (pecinta), mereka adalah golongan yang merasa kagum dengan keindahan “wajah”, bertasbih dan menyucikanNya siang dan malam tanpa henti.

Sekarang lihatlah kerendahan dan kemuliaan manusia yang mampu sehingga darjat yang tinggi dalam usahanya, dalam masa yang sama mampu juga untuk merangka darjatnya kepada rendah. Semua manusia menolak untuk berada di tahap rendah, hanyalah orang-orang yang beriman dan beramal soleh berusaha menaikkan darjat mereka dan bagi mereka ganjaran nikmat yang tidak putus-putus iaitu melihat keindahan “wajah”.

Firman Allah ta’ala :

إِنَّا عَرَضۡنَا ٱلۡأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱلۡجِبَالِ فَأَبَيۡنَ أَن يَحۡمِلۡنَهَا وَأَشۡفَقۡنَ مِنۡهَا وَحَمَلَهَا ٱلۡإِنسَٰنُۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومٗا جَهُولٗا

Maksudnya : *“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.”*

Surah al-Ahzab : 72

Kerana makna amanah yang ditunjukkan adalah dengan adanya perjanjian dan risiko, dan tiada bahaya bagi penduduk bumi iaitu binatang[167], jika tiada bagi mereka kedudukan untuk naik kedudukan ketiga, maka tiada bahaya bagi para malaikat jika mereka tiada rasa takut untuk melalui alam binatang yang rendah.

Lihatlah pada manusia, dan keajaiban alamnya, bagaimana dia naik ke alam yang tinggi dan turun ke bumi yang hina ini untuk diikuti, inilah bahaya yang hebat yang wujud dan tidak diikuti oleh yang lainnya.

---

[167] Manusia adalah berasal daripada penduduk Syurgawi, diturunkan ke dunia untuk diberi amanah sebagai Khalifah mentadbirnya - Penterjemah.

Wahai golongan yang menyedihkan, bagaimana kamu mengancamku dengan keseksaan, dan menakutkanku dengan pelanggaranku terhadap keseluruhan ulama dan perbezaanku pada apa yang sudah dikenali, kerana kecaman itu adanya kebahagiaan dan kerahsiaanku. Sesungguhnya mereka yang membenciku adalah mereka yang menginginkan hatiku. Maka lipatlah lembaran itu dan janganlah kamu mengecamku dengan suara petirmu.

Keadaan Seksaan Akhirat

Adapun permintaanmu kepadaku untuk aku memperincikan seksaan di akhirat, dan menyebutkan pembahagian-pembahagiannya, maka janganlah kamu terlalu mengharapkan perinciannya, kerana ia memerlukan kepada huraian yang panjang dan lebar. Maka terimalah pembahagian yang dinyatakan ini.

Sesungguhnya aku telah melihat sendiri dengan pandangan yang jelas menggunakan mata yang pelbagai, bahawa;
pembahagian seksaan akhirat ada tiga. Iaitu yang bersifat rohani antaranya;

- Terbakarnya kumpulan-kumpulan yang dikenali.
- Kehinaan dan kerugian sehingga merasa malu.
- Kerugian pada perkara yang dikasihi.

Maka inilah tiga jenis neraka rohani yang ditimpakan kepada ruh hasil dari kehidupan dunia, ianya berterusan sehinggalah berakhir di neraka jasmani. Itulah yang berlaku di akhir urusan nanti, maka ambillah penjelasan berkaitan pembahagian ini.

Pembahagian Pertama : Terbakarnya kumpulan-kumpulan yang dikenali.

Gambarannya dipinjamkan ke alam pancaindera dan khayalan. Ular Tinnin yang sifat dan bilangan kepalanya telah dinyatakan oleh syarak, sebanyak mana sifat-sifat buruk dan syahwat yang ada pada seseorang, maka sebanyak itulah kepala ular Tinnin tersebut. Patukan ke lubuk hati mereka adalah patukan yang menyakitkan, mampu membawa badan terpisah dengan ruh.

Maka nilaikan dalam pengetahuanmu ini bahawa ada seorang pemerintah yang menguasai semua bumi, menepati semua kelazatan dan keseronokan dengannya, dia disibukkan dengan wajah yang baik, diberi kerajaan padanya, hamba yang taat kepadanya dengan sebaik-baik ketaatan, dia menyerang musuh secara tiba-tiba dan menjadikan musuhnya sebagai hamba, digunakan hamba tersebut untuk memenuhi kehendak rakyat dalam perjanjian yang seperti anjing.

Dia bersenang lenang dengan nikmat dan keseronokkan bersama keluarga, jiran dan hamba sahaya

perempuannya. Dia menyimpan semua harta rampasan itu ke gudang dan tempat-tempat simpanan harta. Kemudian di bahagi-bahagikan hartanya kepada musuh-musuhnya dan para penentangnya.

Lihatlah sekarang, adakah kamu perhatikan seekor ular yang mempunyai kepala yang banyak yang mematuk hati dan badannya terpisah darinya. Dia menginginkan badannya diuji dengan penyakit-penyakit dan rasa sakit itu berusaha untuk bebaskan diri.

Maka inilah yang meragukan, barangkali kamu menghina disebabkan bau *huthamah* [168] yang dinyalakan untuk membakar hati manusia. Ini telah dijanjikan kepada mereka yang mengumpulkan harta, menghitungnya, dia mengira bahawa hartanya itu kekal bersamanya.

Ketahuilah bahawa seksaan setiap mayyit mengikut kadar jumlah kepala ular, dan bilangan kepala ditentukan oleh kadar keinginannya. Oleh kerana itu orang yang paling miskin dan kurang memperoleh kesenangan di dunia, seksaan ke atasnya adalah ringan, dan tiada kaitan dia dengan dunia sebenar dan tidak diazab dirinya.

Pembahagian Kedua : Kehinaan dan kerugian sehingga merasa malu.

---

[168] Bau api dari neraka yang disediakan oleh Allah SWT.

Kadar seorang lelaki yang hina, buruk, fakir dan lemah, dia didekati oleh seorang pemerintah daripada pemerintah tertinggi, dia diangkat, dan diberi anugerah kepadanya satu jawatan penting.

Pemerintah itu kemudiannya menyerahkan urusan kerajaan kepadanya. Pemerintah itu juga memberi kepercayaan padanya sehingga boleh memasuki istana menemui permaisuri dan memberikan kepercayaan kepadanya untuk menjaga perbendaharaan. Semua ini dilakukan oleh pemerintah atas dasar kepercayaan atas sifat amanah orang tersebut.

Tatkala nikmat yang diberikan bertambah luas, dia telah melakukan penderhakaan dan khianat terhadap pemerintah dalam perbendaharaannya. Ditambah lagi dia telah berzina dengan permaisuri dan anak-anak perempuan dan dayang-dayangnya. Dalam dia melakukan perbuatan jahat itu, dia masih menunjukkan sifat amanah kepada pemerintah dan dia menyakini bahawa pemerintah tidak mengetahui akan perbuatan jahatnya itu.

Tatkala dia sedang melakukan penderhakaan dan pengkhianatan itu, secara tiba-tiba dia merasakan ada yang sedang memerhatikannya. Dia mengetahui bahawa pemerintah yang sedang melihat perbuatannya itu setiap malam dan siang, tetapi dia tetap mendiamkan diri dan menangguhkannya sehingga bertambah perbuatan buruk dan kederhakaannya. Maka bertambahlah seksaannya

dan ditimpa keatasnya azab di akhirat dengan pelbagai jenis seksaan.

Maka sekarang, lihatlah ke dalam hatinya, bagaimana dibakar dengan api kehinaan dan kerugian pada tubuh badan yang terpisah darinya. Bagaimana mungkin dia akan menyukai badannya yang diseksa dengan pelbagai azab dan disembunyikan kehinaannya pada setiap perbuatannya di dunia.

Ketika itu, ada ruh-ruh dan hakikat buruk lagi teruk. Kamu tidak akan mengetahui kebaikannya, maka akan tersingkap pada kamu di akhirat nanti tentang hakikat perbuatan buruk itu, kamu akan merasa malu dan rugi dengan kerugian yang mengena pada badan sehingga terhasilnya kesakitan.

Maka apabila kamu mengatakan : “*Bagaimana ruh-ruh dan hakikat-hakikatnya tersingkap”*?
Maka ketahuilah bahawa tidak akan difahami kecuali dengan didatangkan contoh. Antaranya seorang muazzin yang azan di bulan ramadan sebelum subuh, maka dilihat dalam tidurnya ada cincin di tangannya yang mana merupakan penutup kepada mulut-mulut para lelaki dan faraj kaum perempuan.

Ibnu Sirin berkata kepadanya : “*Inilah yang kamu lihat bagi azanmu yang sebelum subuh*”.
Maka renungilah sekarang selama mana tidur akan menjauhkan sedikit dari alam pancaindera badan, maka

tersingkaplah bagi rohnya akan amalannya. Tetapi selama mana jauh pada alam khayalan, dengan tidur tidak akan menghilangkan khayalan itu, dia dikelilingi oleh khayalan itu seperti orang yang sedang berkhayal, iaitu sebagai penutup dan ditutupi.

Contoh yang aku tunjukkan adalah roh yang melakukan azan itu sendiri, kerana alam tidur adalah lebih dekat dengan alam akhirat, maka kepalsuan yang ada padanya lemah sedikit, tapi tidak sunyi dari kehadiran palsu, oleh kerana itu, ia memerlukan takwil.

Seandainya seseorang berkata kepada muazzin : "*Apakah kamu tidak malu menutup mulut para lelaki dan faraj kaum perempuan?"*
Katanya : " *Aku berlindung kepada Allah SWT untuk melakukan perbuatan itu, jika sekiranya aku dihadapkan dan dipenggal leherku, itu lebih aku sukai untuk dilakukan.*"
Maka dia mengingkarinya kerana dia tidak mengetahui akan perbuatannya itu, kerana ruhnya terbatas untuk mengetahui sesuatu dan hakikatnya.

Demikian pula jika makan daging yang baik dan berpegang bahawa ia adalah daging burung, berkata seseorang : " *Apakah kamu tidak malu memakan daging bangkai saudaramu si fulan?"*
Kemudian dia menjawab : " *Aku memohon perlindungan kepada Allah SWT atas perbuatan yang aku lakukan ini,*

jika aku mati dalam keadaan lapar, itu lebih ringan bagiku daripada melakukan seperti itu.”
Maka jika dilihat bahawa itu adalah daging saudaramu yang dimasak dan dihidangkan kepadamu, kamu akan rasa malu dan hina dengannya.

Maka lihatlah bagaimana kamu malu dan hina, sedangkan badanmu terpisah dari kesakitannya, maka demikianlah keadaan orang yang melakukan *ghibah* (mengumpat) melihat dirinya di akhirat, kerana ruh *ghibah* (mengumpat) telah mengoyak kehormatan saudaranya dan merasa seronok dengannya.

Alam akhirat kelak akan tersingkap ruh-ruh yang mempunyai sesuatu dan hakikatnya. Dan sebagaimana jika kamu melontarkan batu ke dinding. Maka berkata seseorang kepada kamu, *“Apakah kamu tidak malu melakukan perbuatan itu, dan batu yang dikembalikan dari dinding dan jatuh ke rumahmu serta menimpa kelopak mata anak-anakmu, dan telah lenyap biji mata mereka.”*
Kamu pasti akan berkata, *“Aku memohon perlindungan dari Allah SWT dari perkara sedemikian.”*
Maka dia berkata: “*Masuklah ke dalam*.” Maka masuklah kamu ke dalamnya dan benarlah apa yang dinyatakan olehnya.

Maka lihatlah bagaimana kamu merasa malu dan hatimu terbakar atas perbuatan yang diambil remeh, ternyata di sisi Allah SWT adalah besar. Inilah ruh yang berhasad kepada saudaranya, maka sesungguhnya hasadmu

tidaklah memudaratkannya, dan ia kembali kepadamu dan merosakkanmu dan agamamu.

Ia akan berpindah ke catatan amalannya padahal ia adalah penyejuk hatimu dan merupakan penyebab kepada kebahagiaanmu yang kekal abadi dan mulia dari kelopak matamu. Apabila tersingkap roh ini kepadamu, maka lihatlah bagaimana kamu dibakar oleh api yang pedih dan badanmu terpisah darinya.

Al-Quran banyak memberikan pengajaran berkaitan ruh.

Firman Allah ta'ala :

أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ

Maksudnya : *"Adakah seorang di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya."*

Surah al-Hujurat : 12

Firman Allah ta'ala :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰ أَنفُسِكُم ۖ

Maksudnya : *"Hai manusia, sesungguhnya (bencana) kezalimanmu akan menimpa dirimu sendiri."*

Surah Yunus :23

Cukuplah bagimu tiga contoh iaitu azan,[169] *ghibah* dan hasad. Maka qiaskanlah semua perbuatan yang dilarang oleh syara' itu ke atasnya, untuk menunjukkan buruknya akan perbuatan ruh itu[170] dan hakikatnya, perbuatan zahirnya iaitu baik dari sudut pandangan mata, dan batinnya buruk untuk dilihat oleh yang melihat dari cerminan Allah SWT

Tentang perkara ini, syariat mengungkapkan : "Dunia ditunjukkan pada hari kiamat dalam bentuk seseorang yang tua dan buruk rupanya dan kebiruannya (warnanya). Sifatnya yang begini dan begitu. Setiap orang yang melihatnya, pasti akan dia katakan : "Inilah dunia yang akan merosakkan, mereka merasa hina dalam diri melebihi kedahsyatan api neraka".

Jika kamu ingin lebih faham tentang bagaimana rasanya malu, maka dengarkanlah hikayat seorang lelaki dari anak pemerintah, dia menikahi perempuan cantik yang merupakan anak pemerintah juga, ketika itu dia minum di malam hari dan mabuk, kemudian dia telah keliru untuk memasuki bilik, lalu dia keluar dari rumah dan tersesat.

Kemudian dia melihat cahaya lampu, dan menuju kearah cahaya tersebut kerana dia menyangka bahawa itu adalah

---

[169] perbuatan zahirnya adalah baik dari sudut pandangan mata, namun jika dia berpenyakit hati seperti riak, maka batinnya buruk jika dilihat dari cerminan Allah SWT.

[170] Riak, *ghibah* dan hasad adalah perbuatan ruh.

cahaya lampu biliknya, dia memasuki bilik itu, dia melihat ramai orang yang sedang tidur. Dia mengejut sorang demi seorang tapi tiada yang bangun.

Dia mencari isterinya, dilihat seseorang sedang tidur sendirian dengan selimut yang menutupi. Dia menyangka itu adalah isterinya dan terus menidurinya. Maka tatkala pagi menjelma, dia tersedar dan melihat sekeliling bahawa dia berada di tempat penyimpanan mayat orang-orang majusi. Orang yang tidur ternyata adalah mayat. Dan perempuan yang ditiduri itu adalah seorang nenek tua yang buruk yang baru sahaja meninggal dunia.

Pada nenek itu ada minyak pengawet mayat dan kain kafan yang baru. Kemudian dia mendapati di dalam mulut nenek itu mempunyai cairan ludah dan hingus mayat nenek itu. Di atas badannya terdapat kotoran-kotoran dari bawahnya. Dari telinganya sampai telapak kakinya dipenuhi kekotoran. Kemudian tersedarnya memikirkan tentang perbuatan yang dilakukan pada nenek yang disangka isterinya itu dengan tertelan ludahnya mengingatkan semula.

Hatinya terasa begitu hina yang teruk dan dia merasakan seperti Allah SWT telah membelah bumi dan memasukkannya ke dalam sehingga melupakan apa yang terjadi terhadapnya. Tidak dapat ia melupakan apa yang diingatinya dan tidak dapat dilupai sama sekali.

Firman Allah SWT:

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا وَمَا عَمِلَتْ مِن سُوٓءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُۥٓ أَمَدًۢا بَعِيدًا ۗ

Maksudnya : *"Pada hari ketika tiap-tiap diri mendapati segala kebajikan dihadapkan (di mukanya), begitu (juga) kejahatan yang telah dikerjakannya; dia ingin kalau kiranya antara dia dengan hari itu ada masa yang jauh."*

Surah Ali-Imran: 30

Tubuhnya terpisah dari kehinaan dan rasa sakit ini, dia dalam seksaan selamanya merasa mual dan muntah, dan akan diingati kehinaan itu, berasa takut perbuatannya diketahui oleh seorang pun sehingga kesedihannya menjadi berlipat ganda. Kemudian tiba-tiba orang tua dan semua pengiring yang mencarinya telah menemuinya.

Maka, inilah keadaan orang yang bersenang lenang dengan dunia. Tersingkap ruh dan hakikatnya di akhirat. Iaitu ditunjukkan padanya hasil iaitu ruh dan hakikatnya.

Firman Allah ta'ala ;

وَحُصِّلَ مَا فِى ٱلصُّدُورِ ۝١٠

Maksudnya : *"Dan dilahirkan apa yang ada di dalam dada"*

Surah al-'Adiyat :10

Menyingkap rahsia-rahsia perbuatan ruh dan hakikatnya yang buruk ataupun baik, sebagaimana makanan yang sedap. Tahinya lebih kotor dan busuk, itulah kenikmatan dunia. Nikmat yang paling baik di dunia beserta hasil dan rahsianya di akhirat samada lebih baik atau lebih tercela. Dengan itu Rasulullah SAW menyamakan dunia seperti makanan, seksaannya disamakan dengan kekotoran.

Pembahagian Ketiga : Kerugian pada perkara yang dikasihi.

Maka anggaplah diri kamu bersama sekumpulan dari kawan-kawanmu yang masuk ke dalam dunia kegelapan. Di dalamnya ada batu yang tidak dilihat warnanya, kemudian kawan-kawanmu mengatakan;
"*Bawalah apa yang mampu kamu bawa. Barangkali ada padanya perkara yang bermanfaat bila kita keluar dari kegelapan ini."*
Kemudian kamu berkata : *" Apa yang dapat kita lakukan dengannya? Apakah kita akan membawa bebannya sekarang? Jiwaku dah memberat di dalamnya, aku tidak mengetahui seksaannya. Ini hanyalah perbuatan yang bodoh. Sesungguhnya orang yang berakal tidak akan meninggalkan rehat sementara dengan sesuatu yang tertunda dan tidak diyakini."*

Setiap orang dari kawan-kawanmu akan mengambil apa yang mampu diambilnya dan kamu mengelak darinya,

kamu anggap mereka bodoh dan kamu mengejek mereka kerana mereka melangkah di bawah bebanan, sedangkan kamu masih mampu makan di jalanan sambil memusuhi dan mentertawakan mereka.

Maka, tatkala mereka melalui kegelapan, mereka memandang seolah-olah ianya mutiara dan permata yang mana setiap butirnya berharga seribu dinar. Kemudian mereka pergi untuk menjualnya dan mereka memperolehi kedudukan, kenikmatan dan menjadi raja di bumi. Mereka menemuimu dan memperolok-olokkanmu. Mereka menyuruhmu menguruskan binatang ternakan beserta diberikan gaji kepadamu setiap hari dengan nilai yang sedikit dari sisa-sisa makanan.

Bagaimana kamu melihat api kerugian dalam hatimu, badanmu terpisah darinya?

Firman Allah ta'ala :

يَٰحَسۡرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنۢبِ ٱللَّهِ

Maksudnya *: "Amat besar penyesalanku atas kelalaianku dalam (menunaikan kewajiban) terhadap Allah."*

Surah al-Zumar :56

Firman Allah ta'ala :

أَوۡ نُرَدُّ فَنَعۡمَلَ غَيۡرَ ٱلَّذِي كُنَّا نَعۡمَلُۚ

Maksudnya : *“Atau dapatkah kami dikembalikan (ke dunia) sehingga kami dapat beramal yang lain dari yang pernah kami amalkan.”*

Surah al-A’raf : 53

Kemudian, kamu berkata kepada mereka: *“Limpahkanlah kepada kami sedikit air seperti limpahan air kepadamu.”* Mereka berkata kepadamu: *“Ini haram untukmu, bukankah kamu dulu mengejek dan mentertawakan kami, maka hari ini kami mengejek dan mentertawakanmu sebagaimana dahulu.”*

Maka terputus tali jantungmu disebabkan kekesalan, dan itu tidak memberikan manfaat sedikit pun kepadamu. Akan tetapi kamu menghiburkan dirimu sendiri dengan mengatakan: *“Mati akan menyelamatkanku dari perkara ini.”*

Maka, ketahuilah keadaan orang yang meninggalkan ketaatan di akhirat akan diperlihatkan kepadanya, tetapi tidak ada harapan untuk bebaskan diri walaupun dengan mati, kerana ia merupakan penyesalan yang kekal abadi walaupun badannya terpisah.

Firman Allah ta’ala :

أَفِيضُوا۟ عَلَيْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ ۚ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ

حَرَّمَهُمَا عَلَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya : *"Limpahkanlah kepada kami sedikit air atau makanan yang telah direzekikan Allah kepadamu". Mereka (penghuni surga) menjawab: "Sesungguhnya Allah telah mengharamkan keduanya itu atas orang-orang kafir."*

Surah al-A'raf: 50

Dan demikianlah telah dilimpahkan bagi ahli makrifat dan mereka yang taat berupa cahaya keindahan yang terhasil dari wajah mereka dengan kelazatan yang tidak dapat disamakan dengan kenikmatan dunia, bahkan seperti seorang bekas ahli neraka yang terakhir keluar, yang diberi peluang keluar dari neraka sebanyak sepuluh kali sebagaimana yang diungkapkan dalam hadis.[171]

---

[171] Hadis dari Abdullah bin Mas'ud ra., Rasullullah SAW bersabda;

«إِنِّي لأَعْلَمُ آخِرَ أَهْلِ النَّارِ خُرُوجاً مِنْهَا، وَآخِرَ أَهْلِ الْجَنَّةِ دُخُولاً الْجَنَّةَ. رَجُلٌ يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ حَبْواً. فَيَقُولُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لَهُ: اذْهَبْ فَادْخُلِ الْجَنَّةَ. فَيَأْتِيهَا فَيُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهَا مَلأَى، فَيَرْجِعُ فَيَقُولُ: يَا رَبِّ وَجَدْتُهَا مَلأَى. فَيَقُولُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لَهُ: اذْهَبْ فَادْخُلِ الْجَنَّةَ. قَالَ فَيَأْتِيهَا فَيُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهَا مَلأَى، فَيَرْجِعُ فَيَقُولُ: يَا رَبِّ وَجَدْتُهَا مَلأَى. فَيَقُولُ اللهُ لَهُ: اذْهَبْ فَادْخُلِ الْجَنَّةَ. فَإِنَّ لَكَ مِثْلَ الدُّنْيَا وَعَشَرَةَ أَمْثَالِهَا. أَوْ إِنَّ لَكَ عَشَرَةَ أَمْثَالِ الدُّنْيَا. قَالَ فَيَقُولُ: أَتَسْخَرُ بِي أَوْ أَتَضْحَكُ بِي وَأَنْتَ الْمَلِكُ؟» قَالَ: لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ ضَحِكَ حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ. قَالَ فَكَانَ يُقَالُ: ذَاكَ أَدْنَىٰ أَهْلِ الْجَنَّةِ مَنْزِلَةً

"Sesungguhnya aku benar-benar tahu ahli Neraka yang terakhir keluar dari sana dan ahli Syurga yang terakhir masuk ke Syurga iaitu seseorang yang keluar dari Neraka secara merangkak.

Lalu Allah Ta'ala berfirman kepadanya:

Pergilah, masuklah ke dalam Syurga,..

maka dia pun mendatangi Syurga, tetapi terlintas di fikirannya bahawa Syurga itu telah pun dipenuhi. Oleh itu dia kembali dan berkata: *Wahai Tuhanku, aku telah temui Syurga itu namun ianya telah penuh.*

Allah Ta'ala berfirman: *Pergilah, masuklah ke dalam Syurga,*

Bukan bermakna kadar gandaan pada keluasannya, tetapi gandaan pada ruh-ruh. Sebagaimana butiran mutiara yang menyamai sepuluh ekor kuda perang, bukan dengan timbangan dan ukuran, bahkan dengan harta yang wujud, yang nilainya sepuluh kali gandaan.

Ketahuilah bahawa haram (tegahan membantu) ketika itu bagi kelazatan dan limpahan kepada mereka(yang sedang disiksa), haram itu bukan dari jenis yang seperti kenikmatan lelaki terhadapnya hambanya untuk dimarahi dengan diberi pilihan sehingga tergambar perubahannya. Tetapi haram (yang jelas) ini seperti Allah mengharamkan putih dari berubah ke warna hitam yang sememangnya putih, kepada panas berubah menjadi sejuk yang sememangnya panas. Ini tiada gambaran padanya untuk diubah.

---

maka dia pun mendatangi Syurga, tetapi terlintas di fikirannya bahawa Syurga itu telah dipenuhi lalu kembali semula dan berkata: *Wahai Tuhanku, aku telah temui Syurga itu tetapi ianya telah penuh.* Allah berfirman: *Pergilah, masuklah ke dalam Syurga kerana sesungguhnya ianya untukmu seumpama dunia dan sepuluh kali gandanya atau sesungguhnya ianya bagimu sepuluh kali ganda dunia.*
Lelaki itu berkata: *Adakah Engkau mengejekku atau mempermain-mainkan aku, kerana Engkau adalah Maharaja?*
Maka Abdullah bin Mas'ud berkata: *Aku benar-benar melihat Rasulullah s.a.w tertawa sehingga ternampak gigi geraham baginda dan dikatakan: Itulah Ahli Syurga yang paling rendah kedudukannya.*"
Hadis Riwayat Imam Muslim.

Bahkan seperti orang tua yang nyanyuk, dari kalangan orang-orang bodoh yang dungu pada asal fitrahnya, dan tidak biasa dengan suatu ilmu dan tidak mempelajari bahasa, dia langsung berkata kepada orang pandai lagi sempurna itu: *“Limpahilah ilmu-ilmumu yang sukar itu ke dalam hatiku.”*
Kamu katakan: *“Sesungguhnya Allah telah mengharamkannya kepada orang-orang yang jahil.”*

Maksudnya: bahawa kesediaan untuk menerimanya cukup sekadar dengan fitrah kebijakan dan ujian yang lama terhadap ilmu tersebut setelah mempelajari Bahasa Arab dan perkara-perkara yang lainnya. Apabila persiapannya gagal dan lewat, mustahil untuk dicurahkan sebagaimana mustahilnya curahan panas dalam sejuk ketika keadaan sejuknya, maka janganlah menyangka bahawa Allah SWT marah kepadamu sehingga menyiksamu untuk membalas dendam. Kemudian kamu menipu dirimu dengan mengharapkan keampunan dan kamu berkata: *“Allah tidak akan menyiksaku di atas kemaksiatanku kerana tidak akan merugikanNya.”* Bahkan pasti ada azab di atas kemaksiatan sebagaimana pasti akan ada kematian disebabkan oleh keracunan.

Maka ketahuilah kerugian ini bersifat selamanya kerana timbul kekesalan datang dari dua sifat yang berlawanan. Contohnya orang yang diikat dengan tali pada lehernya atau kakinya, dia pasti akan merasa sakit kerana berlawanan dua sifat, bukan kerana bentuk tali atau ikatannya.

Tetapi, sifat yang sedia ada pada manusia adalah tidak suka diperendahkan. Memaksa manusia menggunakan tali ikatan akan berlawanan dengan sifat tabi'i manusia. Maka akan terzahirlah sifat sebenar iaitu penentangan dan kesakitan.

Maka demikian pula dengan ruh manusia terhadap ruh rohani yang bersifat ketuhanan mengikut asal fitrahnya. Sesungguhnya bagi hukum tabiat berupa rintihan dan kerinduan kepada alam yang lebih tinggi, alam arwah hingga ke yang tertinggi. Akan tetapi, kebelengguan syahwat dan rantaiannya mengheret ke tempat-tempat yang rendah, iaitu syahwat dunia, sifat yang dibentangkan yang memaksa sifat semula jadi dan menghalanginya untuk memenuhi tuntutan. Dan rasa sakit lahir dari keduanya.

Begitu juga dengan neraka, sesungguhnya ianya menyakitkan kerana adanya penentangan. Keserasiannya adalah dengan dihubungkan, namun perkara-perkara yang bertentangan, hubungannya adalah dengan memisahkan bahagian-bahagiannya, walaupun kamu belum melihat api, dan kamu mendengar bahawa ia sesuatu yang lembut dan halus menyentuh tubuhmu, maka ia menyakitkanmu, nescaya kamu akan mengingkarinya dengan mengatakan: *"Sesuatu yang tidak keras, bagaimana mungkin akan menyakiti hanya dengan sentuhan?."*

Ketahuilah bahawa penentangan itu menyakitkan, disebabkan faktor luaran atau dalaman. Sesungguhnya racun dari kala jengking berada dalam anggota tubuh menyakitkan kerana sifatnya yang sejuk berlawanan dengan panasnya badan.

Maka janganlah kamu sangka semua rasa sakit itu disebabkan faktor luaran, jika kamu katakan begitu, ketahuilah bahawa sesungguhnya sakit gigi dan mata tidak termasuk dalam perkara ini. Tetapi penyebabnya adalah terdapat campuran yang bertentangan dengan unsur mata dan gigi. Hal itu tidaklah ringan jika dibandingkan dengan sengatan kala jengking dan ular.

Dan ketahuilah, bahawa sifat berlawan dalam hati dengan rasa sakit hati dengan begitu pedihnya tidak kurang jika dibandingkan dengan sakit gigi dan mata. Umpamanya pada sifat yang lemah. Sesungguhnya orang yang bakhil yang riak, apabila diminta memberikan sesuatu ditengah-tengah kepadatan manusia disaat dia mahu dikenali sebagai dermawan, hatinya akan sakit kerana berlawanan dengan dua sifat. Sebab kebakhilan adalah menghalanginya dari memberi, sedangkan cintakan kedudukan menuntutnya untuk memberi.

Namun hatinya di antara dua sifat ini seperti seorang yang terbelah dua. Ini adalah contoh kerugian yang kehebatannya yang diukur dengan perkara yang tersingkap oleh ukuran yang lalu. Kamu tidak mengetahuinya secara hakikat dalam alam ini, bahkan

dalam alam keterbukaan. Ia adalah berita hebat yang mana telah kamu berpaling darinya.

Ketahuilah bahawa tiga kumpulan ini memiliki turutan :

Kumpulan Pertama

Yang ditemui adalah sekujur mayyit yang diseksa. Yakni dibakar dan terpisah dengan perkara-perkara yang dicintainya, hal ini diumpamakan seekor ular yang cintakan dunia. Kerana itu disandarkan pada kubur. Perkara ini didahulukan kerana sesungguhnya sesuatu yang kuat bagi hati si mayyit adalah perpisahan ketika itu dengan apa yang telah terjadi dikehidupan dunia iaitu kedudukan, harta, pangkat dan nikmat. Kemudian terungkap perilaku-perilaku dan hakikat buruk perbuatan itu.

Hal itu tatkala serapan yang sempurna ketika kematian selepas masa dipenuhi dengan keduniaan. Setiap azab setelah kematian adalah lebih dahsyat, maka ia lebih menerima serapan sehingga tercurah kehinaan dan keburukan.

Oleh kerana itu perkara ini disandarkan pada hari kiamat kerana sesungguhnya ia merupakan pertengahan antara alam kubur dan alam abadi iaitu hari kiamat.

Firman Allah ta’ala :

يَوۡمَ لَا يُخۡزِي ٱللَّهُ ٱلنَّبِيَّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥۖ

Maksudnya : *"Pada hari ketika Allah tidak menghinakan Nabi dan orang-orang mukmin yang bersama dia."*

Surah al-Tahrim :8

Adapun penyesalan yang telah lepas pada perkara yang dicintainya, maka ia akan menguasainya pada waktu pengakhiran tatkala menetap di neraka. Maka di dalamnya penghuni neraka berkata :

Firman Allah ta'ala :

أَنۡ أَفِيضُواْ عَلَيۡنَا مِنَ ٱلۡمَآءِ أَوۡ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُۚ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَهُمَا عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya : "*Limpahkanlah kepada kami sedikit air atau makanan yang telah direzekikan Allah kepadamu". Mereka (penghuni syurga) menjawab: "Sesungguhnya seksaanmu Allah telah mengharamkan keduanya itu atas orang-orang kafir."*

Surah al-A'raf: 50

Sesungguhnya dijauhkan pembalasan di dunia ini barangkali bagi meringankan azab ketika dicabut nyawa. Dan panjangnya tempoh pembalasan itu disingkap kerana seksaan yang hina itu menjadi kewajipan bertindak menghindari keburukan tersebut.

Kemudian keburukan dan kehinaan menjadi lembut, hingga terputus kedua-duanya maka terlahirlah kekesalan kerana jelas sekali sudah terlepas. [172] Kemudian kekesalan itu sudah ketinggalan (terlambat) sesudah perkara-perkara lain pula yang berlalu tanpa ada pengakhirannya. Semua itu diketahui secara pasti apabila kamu mengenal jiwamu dan mengetahui bahawa kamu tidak pernah mati. Akan tetapi matamu menjadi buta, telingamu menjadi tuli dan anggota tubuhmu menjadi lumpuh.

Hakikat dirimu, ia tidak binasa dengan kematian, akan tetapi keadaanmu yang berubah. Ianya akan tetap bersamamu iaitu pengetahuan, penemuan batin dan syahwatmu. Sesungguhnya kamu terseksa dengan apa yang kamu sukai dan yang kamu ketahui berharganya nilaian itu tanpa kamu membandingkan dengan kematianmu. Ini semuanya permulaan kepada perasaan yang bersifat fizik. Hal itu merupakan kebenaran dan janji yang telah ditentukan. Sebagaimana yang telah diungkapkan dalam al-Quran dan Hadis Nabi SAW.

Sekarang terimalah ketetapan ini, kerana sesungguhnya perbahasan perkara ini adakalanya melangkaui daripada apa yang di dalam kitab ini. Ia mesti bergerak untuk menyedarkan kejahilan orang-orang yang jahil. Akan

---

[172] Manusia hanya akan menyesali sesuatu tindakan yang buruk dan hina apabila ia telah berlaku dan berlalu.

tetapi, mereka (golongan jahil itu) lebih buruk untuk berhadapan dengannya.

Firman Allah ta’ala :

فَأَعۡرِضۡ عَن مَّن تَوَلَّىٰ عَن ذِكۡرِنَا وَلَمۡ يُرِدۡ إِلَّا ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا

Maksudnya : *“Maka berpalinglah (hai Muhammad) dari orang yang berpaling dari peringatan Kami, dan tidak mengingini kecuali kehidupan duniawi.”*

Surah al-Najm Ayat 29

Kita akhiri dan tutupi kitab “Asas-asas Empat Puluh” yang sekaligus mengakhiri perbahasan asal penulisan ini yang merangkumi intipati ilmu-ilmu al-Quran iaitu kitab *Jawahir al-Quran*. Namun barangsiapa yang ingin mendapatkan penjelasan tambahan, maka carilah di dalam kitab (bab) “Mengingati Mati” dari kitab induk *al-Ihya.*

Maka tujuan yang jelas dari kitab ini adalah penulisan-penulisan yang disertai dengan kerinduan yang mendalam terhadap penelitian di dalam kitab ini. Ia menyingkap rahsia-rahsia ilmu agama. Tidak akan terhenti untuk mendapatkannya, kecuali orang-orang yang sibuk dengan dunia, tidak mencari pengetahuan kecuali apa yang dijadikan sebagai batu loncatan untuk mendapatkan harta dan alat yang diusahakan sehingga mencapai tahap haram. Maka ilmu-ilmu dari kitab ini tidak sesuai dengan mereka yang sebegitu. Allah yang mencukupi segalanya.

Penutup
Perbahasan Dalam Mengawasi Jiwa

Ketahuilah bahawa saya telah memberi peringatan kepada kamu dan membuatkanmu merasa rindu dengan peringatan ini. Jika kamu berpaling dari mendengar atau kamu mendengar dengan luaran hati kamu sebagaimana yang kamu dengar dari perkataan rasmi, sesungguhnya kamu telah rugi dan menyesal. Dan tidak ada yang menganiayai kamu kecuali diri kamu sendiri.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ فَأَعۡرَضَ عَنۡهَا وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتۡ يَدَاهُۚ إِنَّا جَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۖ وَإِن تَدۡعُهُمۡ إِلَى ٱلۡهُدَىٰ فَلَن يَهۡتَدُوٓاْ إِذًا أَبَدٗا ﴿٥٧﴾

"Dan siapakah yang lebih zalim dari pada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya lalu dia berpaling dari padanya dan melupakan apa yang telah dikerjakan oleh kedua tangannya? Sesungguhnya Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka, (sehingga

mereka tidak) memahaminya, dan (Kami letakkan pula) sumbatan di telinga mereka; dan kendatipun kamu menyeru mereka kepada petunjuk, niscaya mereka tidak akan mendapat petunjuk selama-lamanya."

Surah al-Kahfi : 57

Apabila kamu mendengar dengan pendengaran yang bijak dan pandangan yang tajam, kemudian kamu berfikir dengan fikiran orang yang mempunyai hati, maka kamu akan bertemu dengan menggunakan pendengaran dan akan diperlihatkan. Terkeluarlah segala yang menghalangmu dari jalan yang lurus dan tidak menyimpang darinya, tiadalah perkara yang menyimpangkan kamu kecuali cintakan dunia dan lalai kepada Allah sehingga ke hari akhirat.

Bersungguh-sungguhlah kamu dalam mengosongkan hati pada setiap hari selepas satu jam dari solat subuh. Ini kerana ketika itu ia dapat menyucikan fikiran. Maka fikir dan lihatlah pada mula hingga akhirnya, kemudian muhasabahlah diri kamu.
Dan katakan padanya :
"Sesungguhnya aku seorang musafir dan peniaga.
Keuntunganku adalah kebahagian yang kekal ketika bertemu Allah S.W.T kelak.
Kerugianku adalah kesengsaraan yang kekal dan terhalang dari bertemu Allah S.W.T.
Modalku adalah umurku, dan setiap jiwa dari jiwa-jiwa ini adalah benda yang berharga di antara benda-benda yang

lain dan mutiara dari mutiara-mutiara yang lain. Kerana peniaga adalah memburu kebahagiaan selamanya."

Maka perkara apa yang lebih berharga dari ini? Apabila habis dan terputus umurmu, maka terputuslah perniagaan dan terhasillah putus asa. Dan hari ini adalah hari baru yang telah Allah S.W.T tangguhkan baginya. Seandainya Allah mengambil nyawaku, nescaya aku berkeinginan untuk kembali ke dunia untuk melakukan kebaikan.

Maka muhasabahlah diri wahai jiwaku, sesungguhnya kamu telah mati dan tidak dikembalikan ke dunia walau sehari. Bersungguh-sungguhlah kamu pada hari ini dan lihatlah ke dalam dirimu, tiada akan tertangguh hingga ke hari esok. Sungguh kamu telah meraih keuntungan hari ini dan tidaklah rugi bagimu. Jika kamu ditangguh ke esok hari, maka bukalah seperti biasa, janganlah kamu menipu dengan cara kamu melupakan kewujudan keampunan itu. Sesungguhnya itu adalah dugaan yang penuh dengan pendustaan dan penyesalan lalu tiada lagi manfaat.

Kemudian anggaplah bahawa Dia telah mengampunkan kamu. Tidaklah terlepas pahala dari orang-orang baik dan percanggahan kamu itu adalah kerugian dan penyesalan.

Apabila jiwamu berkata sendiri : *"Apa yang dilakukan dan bagaimana kesungguhan itu?"*
Maka katakan : *"Tinggalkanlah apa yang terpisah darimu iaitu kematian. Capailah kebahagiaanmu yang pasti iaitu*

Allah S.W.T dan mohonlah padaNya dengan berzikir mengingatiNya."

Jika dia berkata : *"Bagaimana untuk aku meninggalkan dunia? Sungguh kuat ikatan di dalam hatiku."*
Jawapannya : *"Hadapilah pengikatmu itu jauh ke dalam hati untuk dileraikan sebagaimana telah kami ajarkan kepadamu sepuluh dari asas-asas yang boleh membinasakan ikatan tersebut. Kemudian telitilah di antara ikatan-ikatan mana yang lebih kuat, antaranya ikatan yang cintakan dunia, pangkat, kedudukan, permusuhan, syahwat perut (lapar dan kenyang) dan faraj atau perkara lain yang membinasakan yang boleh membuatkan kehancuran yang besar bagimu."*

Maka akan terpancar kekuatan bagi memerangi dan menghalangi dari menyimpang dari tuntutanNya. Kamu telah selamat darinya dan semoga Allah S.W.T membantumu dengan taufiq dan pertolonganNya.

Kemudian katakan : *"Anggaplah bahawa kamu itu seperti sakit seumur hidupmu sepanjang hayatmu. Setelah diberitahu oleh pakar perubatan yang memberitahu akan kebenarannya kepada kamu bahawa makanan yang lazat akan membahayakanmu, sedangkan ubat-ubatan yang pahit rasanya itu memberi manfaat kepadamu. Tidakkah kamu bersabar dengan kata-katanya dalam menghadapi kepahitan ubat untuk sembuh?"*

Tidakkah kamu bersabar menghadapi kesusahan dan kepayahan dalam tempoh permusafiran yang jauh dan mengharapkan kamu dapat berehat di rumah. Kamu adalah seorang musafir dan rumah kamu adalah akhirat. Seseorang yang sedang bermusafir, tidak akan berehat dan harus melalui kesulitan dan kepayahan kerana sesungguhnya rehat adalah pemutus perjalanan dan membinasakan.

Hendaklah kamu mengatakan : *"Apa lagi yang kamu ingini di dunia ini?*

Apabila kamu mencari harta lalu menemuinya. Bahkan ada sekolompok orang yahudi yang lebih kaya dari kamu. Apabila kamu mencari kedudukan lalu kamu memperolehinya, maka di kalangan orang-orang yang bodoh itu ada yang telah menguasaimu. Kedudukan mereka lebih baik dari kedudukan kamu. Kamu tidak mengetahui bahaya dunia dan kehebatan seksaannya di akhirat serta balasannya, apakah kamu tidak mahu menghilangkan tanda-tanda kebinasaan itu?

Apakah kamu tidak mengetahui bahawa seandainya kamu berpaling dari dunia dan menghadapi akhirat, maka kamu akan menjadi satu-satunya orang yang paling utama pada ketika itu, adakah tiada seorang pun yang boleh menandingimu? Apabila kamu mencari dunia, di kalangan orang-orang yahudi dan orang-orang yang bodoh itu ada yang telah mendahuluimu. Tidak ada seorang yang mempedulikanmu kecuali dirimu sendiri."

Demikianlah kamu sentiasa mengawasi jiwamu sehingga ia mematuhimu mengikut jalan yang lurus menuju kepada

Allah S.W.T. Pengawasan ini lebih penting bagimu jika kamu berakal daripada pengawasan golongan al-Hanafiyyah, as-Syafieyyah, al-Mu'tazilah dan yang lain. Janganlah kamu memusuhi mereka dan berdebat dengan mereka. Tidak ada mudarat bagimu jika mereka ada kesalahan juga jika ada kesalahan dari orang lain. Mereka tidak menerima kamu dan kamu tidak menerima kebenaran dari mereka walaupun kebenaran itu jelas seperti cahaya matahari.

Jauhilah musuh kamu yang berada di antara dua sisi kamu (nafsu). Janganlah kamu menentang dan berdebat, bahkan saling menolong pada perkara yang dituntut kepadamu untuk menghadapinya iaitu yang berupa syahwat luaran dan dalaman.

Kajilah dengan akal fikiran yang mendalam untuk mengawal syahwat itu. Adakah ini pandangan yang berlawanan dan mundur mengikut penilaian akal? Apakah kamu melihat anak ayam kepada seorang lelaki yang dilihat berada dibawah pakaian ular dan kala jengking yang bersedia untuk memakannya, dan bagi seseorang yang mengambil kipas untuk mengusir lalat dari muka orang lain. Apakah orang yang melakukan hal itu selayaknya menerima penghinaan?

Ketahuilah bahawa ini adalah keadaanmu ketika kamu menyibukkan diri mengawasi orang lain dan tidak mengawasi dirimu. Akan ditunjukkan amalanmu pada hari ketika semua rahsia dipertontonkan.

Sebagaimana aku telah mengingatkan kepadamu tentang cara untuk menyingkap rahsia-rahsia amalan menuju akhirat. Jika kamu tidak mengawal dirimu dalam tempoh

waktu yang lama, maka ia ia tidak akan membiarkanmu bermunajat kepada Allah S.W.T dan mengingatiNya.

Kemudian bagaimana pula cara kamu menahan diri ketika berlawanan dengan nafsumu. Hendaklah kamu menghukumnya dan menghalanginya seperti anjing ketika dipukul untuk diberi pengajaran. Apabila kamu ingin mempelajari cara memandang, mengawasi, muhasabah dan menghukumnya, carilah di dalam kitab *al-Munasabah Wa al-Muraqabah* kerana kitab ini tidak dapat dibawa sekali disini.

Semoga Allah memberikan taufiqNya kepada kita dengan keutamaanNya, kemulianNya kepada jalan yang benar dan berkekalan. Dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

Rujukan Penterjemah

al-‘Ajamiy, Dr. Rafiq, *Mausu’ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* Pustaka Lubnan, Beirut.

al-Ghazali, Hujjatul Islam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad at-Tusi, 1999, *Al-Arbain Fi Usuliddin*, Darul Qalam, Beyrut.

al-Humawiy, Yaqut, *Mu’jam Buldan*, Darul Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut

al-Jurjaniy, *Mu’jam al-Ta’rifat*, Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, Kaherah.

al-Mawardiy, Abu al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib, 1994, *al-Hawi al-Kabir*, cetakan 1, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Mufti al-Sayyid Muhammad ‘Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, *al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah,* Darul Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.

al-Zuhayliy, Muhammad Mustafa. 2007. *al-Mu’amad Fi al-Fiqh al-Syafi’i*. Damsyik. Dar al-Qalam.

BAHAN ELEKTRONIK

Al-Quran Word 2010

Maktabah asy-Syamilah versi 3.2

Mausu’ah Fiqhiyyah, FAZA Publication.